

**PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI *BACKPACK*  
MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM SEMASA**

**FATIN AFIQAH BINTI JAMALUDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI  
*BACKPACK* MENURUT PERSPEKTIF  
HUKUM ISLAM SEMASA**

**FATIN AFIQAH BINTI JAMALUDIN**

**DISERTASI INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Fatin Afiqah Binti Jamaludin**

No. Matrik: **IGA160019**

Nama Ijazah: **Sarjana Syariah**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**Penglibatan Wanita Dalam Aktiviti *Backpack* Menurut Perspektif Hukum Islam Semasa**

Bidang Penyelidikan: **Fiqh**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI *BACKPACK* MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM SEMASA

### ABSTRAK

Penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pensyaratan konsep mahram bagi wanita untuk bermusafir yang bertujuan untuk menjaga dan melindungi wanita. Justeru, kajian perpustakaan dan kajian lapangan telah dilakukan untuk mencapai objektif tersebut. Melalui kajian perpustakaan, pelbagai data dikumpulkan berkaitan konsep mahram bagi wanita bermusafir untuk menilai semula 'illah dan pandangan para ulama klasik serta kontemporari berkaitan masalah ini. Kajian lapangan berbentuk temu bual pula dijalankan oleh pengkaji terhadap dua orang *backpackers* wanita solo serta menganalisis tiga buah buku bergenre travelog yang dihasilkan oleh informan untuk mengukuhkan data-data perpustakaan serta untuk memahami dan mendalami dengan terperinci tentang selok belok dunia golongan *backpacker*. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati wujudnya pelbagai pandangan ulama klasik dan kontemporari berkaitan kelonggaran syarat musafir wanita tanpa mahram. Kepelbagaian pandangan ini seterusnya membuka ruang kepada ulama kontemporari untuk memberikan sedikit ruang kelonggaran kepada wanita untuk bermusafir dengan tujuan selain ibadah untuk wanita bermusafir tujuan belajar dan bekerja tanpa mahram dengan syarat yang ketat atas dasar keamanan dan keselamatan wanita. Maka, tahap kerelevanan mahram bagi wanita untuk melakukan aktiviti *backpack* ini turut berlandaskan kepada dasar yang sama, iaitu dasar keselamatan dan keamanan terhadap nyawa, maruah dan harta benda. Pelanggaran terhadap dasar-dasar ini membawa kepada hukum asal permusafiran wanita, iaitu dilarang sama sekali bermusafir kecuali dengan ditemani oleh mahram.

**Kata kunci :** musafir, patuh syariah, backpack, risiko tinggi, wanita.

Universiti Malaya

## **PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI *BACKPACK* MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM SEMASA**

### **ABSTRACT**

The involvement of women in backpacking activities has a significant relationship with mahram concept and its requirements in allowing women to travel individually that to safeguard and protect women. Hence, a library research and fieldwork has been conducted to achieve these objectives. Through the library research, various data was gathered in accordance to the mahram concept for women aimed to collect and study the views and reasons of classical and contemporary scholars in this issue. An interview was also conducted by the researcher on two solo female backpackers. The researcher also analyzed three travelogue books to strengthen the research findings in order to further understand and explore in detail the intricacies of backpacking. Overall, the result of this study show that there was a contradiction between classical and contemporary scholars regarding the status of female travelers who travel individually without any mahram. This difference in opinion opens up space for contemporary scholars in giving some space for women to travel with purpose other than worship for women to travel with the purpose of learning and working without any mahram with strict terms on the basis that the women's security and safety is ensured. Therefore, the mahram relevance for women to carry out backpacking activities is also based on the same policy, namely the safety, security of life, dignity and property of the women. Any violations of these policies will lead to the implementation of the standard concept of mahram for women which strictly forbids them to travel except when accompanied by mahram.

**Keywords :** travel, shariah compliance, backpack, high risk, women

## PENGHARGAAN

الحمد رب العالمين قوال معلى نرف ابى اءوال سملين وعلى آل صوحب ءم عمين

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, seluruh keluarga dan sahabat baginda serta muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah SWT.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmat dan keizinanNya, kajian ini berjaya disempurnakan untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Syariah secara kursus dan penyelidikan.

Setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia, Dr. Mohd Anuar Ramli di atas segala ilmu, masa, tujuk ajar, kesabaran dan nasihat yang diberikan tanpa jemu sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan. Tanpa bantuan dan pertolongannya, pasti sukar untuk menyempurnakan kajian ini. Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Dr. Luqman Hj. Abdullah dan para pensyarah Prof Madya Dr Abdul Karim Ali, Prof Madya Datin Dr Noor Naemah Abdul Rahman, Prof Madya Dr Rahimin Affandi Abdul Rahim, Prof Madya Dr Raihanah Hj Azahari, Dr Rushdi Ramli, Dr Saadan Man, Dr Ridzwan Ahmad, Dr Ameen al-Nahari, Dr Nor Fahimah Mohd Razif dan pendidik-pendidik lain yang telah memberi panduan dan tunjuk ajar sepanjang proses pengajian saya.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan buat ayahanda dan bonda, Jamaludin Aloji dan Nor Azizah Tarmuji di atas doa, sokongan, motivasi, semangat dan kepercayaan yang diberikan untuk meneruskan perjuangan ini. Tidak dilupakan buat ahli keluarga tercinta, Aizat Hariz, Nor' Ain, Ain Nabilah, Ahmad Saufi, Nurin Irdina dan Nia Fillea Hanna yang sentiasa bersama pengkaji dalam susah dan senang.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang telah bersama-sama menempuh liku-liku perjalanan sebagai pelajar pasca siswazah yang penuh warna ini. Terima kasih juga buat informan-informan yang telah memberikan kerjasama yang baik serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang proses menyempurnakan kajian ini. Jasa kalian amat dihargai dan semoga jasa kalian di balas dengan sebaik-baik balasan olehNya.

Semoga kajian ini dapat memberikan manfaat dan menjadi rujukan kepada para penyelidik sarjana Islam di Malaysia serta mampu menyumbang kepada tradisi ilmu dalam dunia akademik.

**Fatin Afiqah Binti Jamaludin**

Jabatan Fiqh dan Usul  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

14 Ogos 2018

## ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	vi
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1    PENGENALAN	1
1.2    LATAR BELAKANG KAJIAN	3
1.3    PERNYATAAN MASALAH KAJIAN	5
1.4    PERSOALAN KAJIAN	11
1.5    OBJEKTIF KAJIAN	12
1.6    KEPENTINGAN KAJIAN	12
1.7    SOROTAN LITERATUR	13
1.7.1    Kajian berkaitan aktiviti <i>backpack</i>	14
1.7.2    Kajian berkaitan penglibatan wanita dalam aktiviti <i>backpack</i>	19
1.7.3    Kajian berkaitan mahram dan musafir bagi wanita	26
1.8    METODOLOGI KAJIAN	31
1.8.1    Kaedah Pengumpulan Data	31
1.8.2    Kaedah Analisis Data	35
1.9    KESIMPULAN	36



<b>BAB 2 : KONSEP PERMUSAFIRAN WANITA DALAM ISLAM</b>	<b>37</b>
2.1 PENGENALAN	37
2.2 KONSEP PERMUSAFIRAN	37
2.2.1 Konsep Musafir Dalam Islam	37
2.3 PENSYARATAN MAHRAM BAGI WANITA KETIKA BERMUSAFIR	42
2.3.1 Definisi Mahram	42
2.3.2 Dalil-Dalil Pensyariatan Mahram Bagi Wanita	43
2.4 PANDANGAN ULAMA BERHUBUNG PENSYARATAN KONSEP MAHRAM BAGI WANITA KETIKA BERMUSAFIR	46
2.4.1 Pandangan Ulama Klasik terhadap Permusafiran Wanita	46
2.4.2 Pandangan Ulama Kontemporari berhubung Permusafiran Wanita	53
2.5 PERSPEKTIF FEMINIS TERHADAP KONSEP MUSAFIR WANITA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM	62
2.6 KESIMPULAN	67
<b>BAB 3 : PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI <i>BACKPACK</i></b>	<b>69</b>
3.1 PENGENALAN	69
3.2 KONSEP AKTIVITI <i>BACKPACK</i>	69
3.3 BENTUK-BENTUK PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI <i>BACKPACK</i>	83
3.4 CABARAN DAN IMPLIKASI AKTIVITI <i>BACKPACK</i>	86
3.5 KESIMPULAN	90

<b>BAB 4 : ANALISIS HUKUM PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI <i>BACKPACK</i></b>	<b>92</b>
4.1 PENGENALAN	92
4.2 ANALISIS PERSPEKTIF GOLONGAN <i>BACKPACKER</i> TERHADAP PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI <i>BACKPACK</i>	93
4.2.1 Faktor dan Matlamat Utama	93
4.2.2 Reaksi Golongan <i>Backpacker</i> Solo Wanita Terhadap Risiko dan Bahaya Sepanjang Melakukan Aktiviti <i>Backpack</i>	100
4.2.3 Pengetahuan dan Respon Golongan <i>Backpacker</i> Solo Wanita Terhadap Konsep Mahram	104
4.3 PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI <i>BACKPACK</i> MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM SEMASA	109
4.3.1 Syarat Pertama : Tujuan Permusafiran	110
4.3.2 Syarat Kedua : Keselamatan Permusafiran.	116
4.4 PANDUAN BAGI WANITA UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI <i>BACKPACK</i> MENGIKUT SYARIAT ISLAM	122
4.5 KESIMPULAN	125
 <b>BAB 5 : PENUTUP</b>	 <b>126</b>
5.1 PENGENALAN	126
5.2 RUMUSAN KAJIAN	127
5.3 SARANAN KAJIAN	131
5.3.1 Wanita Muslimah Yang Terlibat Dalam Aktiviti <i>Backpack</i>	131
5.3.2 Pihak Berwajib	131
5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	132
5.5 KESIMPULAN	132
 <b>BIBLIOGRAFI</b>	 <b>133</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>143</b>

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1 : Surat Pelantikan Pakar Kualitatif

LAMPIRAN 2 : Soalan Temu Bual Bersama Golongan *Backpacker* Wanita

Universiti Malaya

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 1	Fatwa Kontemporari Berkaitan Permusafiran Wanita.	60
Jadual 2	Pandangan Fuqaha berkaitan Syarat Ditemani Mahram bagi Permusafiran Wanita Untuk Tujuan Ibadah (Haji dan Umrah).	61
Jadual 3	Pandangan Fuqaha berkaitan Syarat Ditemani Mahram bagi Permusafiran Wanita untuk Tujuan Selain Ibadah.	61
Jadual 4	Syarat Keselamatan Permusafiran bagi Wanita dan Hukumnya.	117
Jadual 5	Syarat Keselamatan Permusafiran bagi Wanita dan Hukumnya.	122

## SENARAI KEPENDEKAN

%	: Peratus
Dr.	: Doktor
ed.	: Edisi
ed.,	: Nama editor
et al.	: Pengarang dan lain-lain (melebihi empat orang)
Ibid	: Ibiidem (rujukan berturut)
no.	: Nombor
RA	: Raḍiyallahu ‘anhu
SAW	: Ṣallallahu ‘alayhi wasallam
STI	: Sexually Transmitted Infection
SWT	: Subḥanahu wa Ta‘ālā
t.p.	: Tanpa penerbit
t.t	: Tanpa tarikh
t.tp.	: Tanpa tempat penerbit
terj.	: Terjemahan

## PANDUAN TRANSLITERASI

### Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ا, ء	a, ʾ	ز	z	ق	Q
ب	B	س	s	ك	K
ت	T	ش	sh	ل	L
ث	Th	ص	ṣ	م	M
ج	J	ض	ḍ	ن	N
ح	ḥ	ط	ṭ	و	W
خ	Kh	ظ	ẓ	ه	H
د	D	ع	‘	ي	Y
ذ	Dh	غ	gh	ة	h,t
ر	R	ف	f		

### Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi
اَ	A	اِ, اِي	Ā
اِ	I	يِ	Ī
اُ	U	وِ	Ū

### Diftong

Diftong	Transliterasi
اَـوْ	Aw
اَـيْ	Ay
اُـوْ	Uww
اُـيْ	iy, ī

# BAB 1 : PENDAHULUAN

## 1.1 PENGENALAN

Sektor pelancongan negara merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada sektor ekonomi di mana ia menyumbang kepada pendapatan negara sejak tahun 1990- an. Pada tahun 1959, Malaysia telah menubuhkan Jabatan Pelancongan untuk memastikan sektor ini terus berkembang selaras dan seiring dengan pembangunan negara. Saban tahun, Malaysia merancang pelbagai inisiatif untuk meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada sektor perkhidmatan secara khusus dan sumbangan terhadap sektor ekonomi secara umum.<sup>1</sup>

Sektor pelancongan global telah berkembang dengan begitu pesat sekali yang merangkumi pelbagai jenis pelancongan. Antaranya ialah pelancongan santai seperti pelancongan makanan atau *culinary tourism*, pelancongan kesihatan atau *health care tourism*, pelancongan professional seperti pelancongan yang melibatkan tugas kerja, pelancongan kebudayaan, pelancongan keagamaan dan juga pelancongan ilmu. Perkembangan ini jelas telah menjadikan masyarakat kini menunjukkan minat yang sangat mendalam dalam aktiviti pelancongan, khususnya di dalam aktiviti pelancongan pengembaraan.<sup>2</sup>

Pengembaraan atau aktiviti *backpack* merupakan satu bentuk aktiviti yang mampu membuka mata dan fikiran seseorang itu serta memberi ilham bagaimana untuk memanfaatkan pengalaman mereka untuk menyumbang kepada sesuatu yang bermanfaat

---

<sup>1</sup> Norzalita A.Aziz, Ahmad Azmi M.Ariffin dan Tam Wie Vien, "Kajian Awalan ke atas Potensi Pelancongan Kembaraan dalam Pasaran Remaja di Malaysia", *Jurnal Pengurusan* 29, 2009, 58.

<sup>2</sup> Ibid, 57.

seperti menyumbang kepada kemajuan masyarakat di negara sendiri<sup>3</sup>. Aktiviti *backpack* atau pelancongan *backpack* ini telah menjadi salah satu sektor pelancongan yang berkembang sedikit demi sedikit sejak beberapa abad ini dan ia diterima dengan baik sekali oleh masyarakat, khususnya golongan muda remaja.<sup>4</sup>

Di Malaysia, menurut kajian Lisda Mohd Amin, kini semakin ramai masyarakat Melayu yang keluar untuk mengembara dan pengembaraan mereka ini bukan hanya bertujuan untuk makan angin dan bersantai sahaja, tetapi ianya lebih bertujuan untuk memperkayakan diri dengan ilmu dan menjejak sejarah zaman silam. Tambahnya lagi, masyarakat kini mengembara bukan sekadar melibatkan pengembaraan fizikal, tetapi juga meliputi pengembaraan intelektual dan spiritual.<sup>5</sup> Ini jelas menunjukkan bahawa pelancongan ini turut memberi kesan kepada masyarakat Melayu di Malaysia.

Selain itu, suatu kajian awal telah dibuat oleh Norzalita A.Aziz, Ahmad Azmi M. Ariffin, dan Tam Wie Vien ke atas golongan remaja berhubung bentuk pelancongan yang menjadi pilihan mereka. Antara bentuk pelancongan yang dikaji di dalam kajian ini adalah seperti perkhemahan, pendakian bukit atau gunung, pengembaraan dan berbasikal. Hasil kajian ini mendapati remaja kini lebih gemarkan pelancongan secara pengembaraan atau *backpacking* berbanding pelancongan jenis lain dan risiko yang menanti dari pelancongan jenis *backpacking* ini bukanlah penghalang kepada mereka.<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> Lisda Mohd Amin @ Lisda Bte Abdullah, "Travelog Melayu : Suatu Pengembaraan Intelektual Dan Spiritual" (tesis sarjana Pengajian Melayu, National University of Singapore, 2014), 3.

<sup>4</sup> Camille Caprioglio O'Reilly, "From Drifter To Gap Year Tourist : Mainstreaming *Backpacker* Travel" , *Annals of Tourism Research*, Vol.33, No.4, 2006, 998-1017.

<sup>5</sup> Lisda Mohd Amin, "Travelog Melayu : Suatu Pengembaraan Intelektual Dan Spiritual" (tesis sarjana Pengajian Melayu, National University of Singapore, 2014), 2.

<sup>6</sup> Norzalita A.Aziz, Ahmad Azmi M.Ariffin, Tam Wie Vien, "Kajian Awalan ke atas Potensi Pelancongan Kembaraan dalam Pasaran Remaja di Malaysia," *Jurnal Pengurusan* 29, 2009, 58.



Kesimpulannya, trend aktiviti *backpack* ini bukan sahaja menjadi budaya di negara-negara Barat seperti Eropah, tetapi budaya ini telah berjaya memikat hati golongan muda di Malaysia. Trend ini telah berkembang dengan begitu pesat sehinggakan sesiapa sahaja mahu melakukan aktiviti ini tanpa mengira latar belakang agama, pendidikan atau jantina. Kejayaan beberapa orang rakyat Malaysia seperti Siti Noridah Ab. Rahaman yang menjejaki Afghanistan<sup>7</sup> telah membuka mata masyarakat khususnya wanita tentang fenomena ini, seterusnya dilihat menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk menakluki dan menerokai bumi asing.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Trend aktiviti *backpack* di Malaysia baru sahaja berkembang luas di seluruh pelosok negara, namun tiada bukti mahupun fakta yang jelas yang menyatakan dengan tepat tentang sejarah aktiviti *backpack* di Malaysia. Namun begitu, lambakan buku bergenre travelog pengembaraan dalam dan luar negara di dalam pasaran buku mula dinukilkan oleh karyawan Melayu sejak abad ke-19 lagi.<sup>8</sup>

Travelog dikenali sebagai catatan perjalanan yang mana ia merupakan catatan pengembara mengenai pengalaman pengembaraan mereka mengenai tempat, masyarakat, budaya dan peristiwa yang dilaluinya sepanjang pengembaraan itu.<sup>9</sup> Antara travelog-travelog terawal yang dihasilkan adalah seperti Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi<sup>10</sup>, Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah<sup>11</sup> dan Warkah Eropah<sup>12</sup>

---

<sup>7</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET: Kembara Afghanistan*, (Selangor : SNAR. 2015), 14-181.

<sup>8</sup> Lisda Mohd Amin, "Travelog Melayu : Suatu Pengembaraan Intelektual Dan Spiritual" (tesis sarjana Pengajian Melayu, National University of Singapore, 2014) , 30-37.

<sup>9</sup> Ibid, 10.

<sup>10</sup> Muhammad Ibrahim Munsyi, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 1-253.

seterusnya menjadi bukti akan kewujudan fenomena aktiviti *backpack* di Malaysia sejak zaman dahulu lagi.

Aktiviti *backpack* zaman moden kini telah jauh berkembang dengan adanya pelbagai jenis kemudahan dari segi pengangkutan dan penginapan. Teknologi internet juga sangat membantu para *backpackers* untuk mendapat segala maklumat yang mereka perlukan berhubung destinasi yang ingin mereka terokai.<sup>13</sup> Berbanding dengan era permulaan trend ini, perjalanan *backpack* ini sangatlah mencabar dan menakutkan dengan keadaan luar jangkaan manusia dengan ketiadaan kemudahan seperti pengangkutan dan penginapan.<sup>14</sup>

Pendedahan trend aktiviti *backpack* kepada wanita ini seterusnya bersangkut paut dengan syarat-syarat permusafiran bagi wanita dalam Islam. Aspek keselamatan, keamanan dan syarat mahram sering kali menjadi isu yang dibincangkan oleh para ulama'. Perbincangan ini seterusnya menjadi asas kepada peletakan hukum wanita bermusafir, terutamanya bagi permusafiran wanita tanpa ditemani oleh mahram.<sup>15</sup>

Lalu, pengkaji merasakan keperluan yang sangat penting kepada pengkaji untuk melakukan kajian ini. Hal ini adalah kerana tiada lagi kajian yang memberi fokus kepada wanita khasnya muslimah dan hukum penglibatan mereka dalam aktiviti *backpack* ini. Maka, kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu wanita untuk merungkai hukum yang bersangkut paut dengan permusafiran bagi wanita.

---

<sup>11</sup> Abdullah bin Abdul Kadir, *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah*, (Kuala Lumpur : Fajar Bakti, 1981), 1-136.

<sup>12</sup> A. Samad Said, *Warkah Eropah*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 1-228.

<sup>13</sup> New Gaik Ling dan Jabil Mapjabil, "Faktor yang Mempengaruhi Kunjungan Ulangan Pelancong Antarabangsa : Suatu Ulasan," *Malaysia Journal of Society*, Vol.8, No.1, 2012, 1-11.

<sup>14</sup> Siti Fatimah Salleh, "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa : Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita" (tesis kedoktoran Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2015), 288.

<sup>15</sup> Ibid.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Trend aktiviti *backpack* ini juga tidak terhad kepada sesetengah golongan umur atau jantina sahaja, tetapi trend ini juga telah berjaya memikat golongan wanita untuk berkecimpung dalam aktiviti ini.<sup>16</sup> Terdapat ramai *backpackers* tegar wanita di Asia Tenggara khususnya Malaysia yang melancong di dalam dan di luar negara secara berpasangan, berkumpul mahupun secara solo atau bersendirian<sup>17</sup> sehingga menjadikan semakin ramai penyelidik kontemporari Barat yang memfokuskan kajian mereka kepada pelancong wanita sebagai subjek utama dengan mengambil kira serta menganalisis pengalaman yang diperolehi melalui aktiviti pengembaraan *backpack* ini.<sup>18</sup>

Wanita mengembara atau melakukan aktiviti *backpack* ke pelbagai tempat dan destinasi sama ada destinasi selamat seperti Korea Selatan mahupun destinasi konflik atau tidak selamat seperti Afghanistan. Wanita zaman moden kini telah dipengaruhi oleh perubahan sosial di mana mereka sudah mempunyai kelayakan akademik yang sama tarafnya dengan golongan lelaki. Maka, mereka lebih berani dan sentiasa merasakan mereka mampu untuk melakukan apa sahaja yang mampu dilakukan oleh golongan lelaki.<sup>19</sup>

Namun jika dilihat dari sudut perspektif yang berbeza, penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini bukan sekadar satu trend pelancongan semata-mata, tetapi ia berkait

---

<sup>16</sup> David R. Boulware, "Gender Differences Among Long-Distance Backpackers : A Prospective Study Of Women Appalachian Trail Backpackers," *Wilderness and Environmental Medicine Journal*, Vol.15, 2004, 175-180.

<sup>17</sup> TripAdvisor survey on solo travel for women, laman sesawang The star, dicapai 4 Oktober 2016, <http://www.thestar.com.my/travel/malaysia/2015/03/10/tripadvisor-survey-on-solo-travel-for-women/>, 10 Mac 2015.

<sup>18</sup> Lorraine Brown dan Hanaa Osman, "The Female Tourist Experience in Egypt as an Islamic Destination," *Annals of Tourism Research* 63 , 2017, 12-22.

<sup>19</sup> Siti Fatimah Salleh, "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa : Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita" (tesis kedoktoran Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2015), 294.

rapat dengan ajaran dan pengamalan agama Islam yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Penglibatan wanita di dalam aktiviti ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan larangan musafir dan pensyaratan mahram kepada wanita yang bermusafir yang mana '*illat*' kepada pensyaratan tersebut adalah untuk menjaga dan memelihara wanita dari sebarang bahaya dan ancaman keselamatan.<sup>20</sup>

Maka, Islam sangat menggalakkan umatnya untuk keluar bermusafir dengan adanya beberapa keringanan yang diberikan kepada para musafir terutamanya dalam ibadah solat dan puasa. Adapun begitu, Islam turut melarang wanita untuk keluar bermusafir dengan meletakkan syarat mahram bagi mereka yang ingin melakukan permusafiran ini. Menurut Ibrāhīm Muṣṭafa et al., mahram berasal dari perkataan Arab *ha-ra-ma* ( حرم ) yang membawa maksud mempunyai kehormatan sama ada lelaki atau perempuan yang diharamkan berkahwin atas sebab pertalian atau hubungan persaudaraan.<sup>21</sup> Manakala dalam bahasa Melayu pula, istilah mahram sering ditukar kepada istilah muhram, namun masih membawa maksud yang sama iaitu yang diharam. Ia disandarkan kepada lelaki dan perempuan yang diharamkan berkahwin atas beberapa sebab seperti keturunan, penyusuan dan persemendaan.<sup>22</sup>

Justeru, wanita dan musafir mempunyai hubungan yang signifikan berlandaskan konsep mahram di mana terdapat beberapa ḥadith Rasulullah SAW yang menyatakan hukum wanita bermusafir tanpa mahram yang diriwayatkan oleh beberapa orang perawi ḥadith. Oleh itu, berdasarkan ḥadith-hadith tersebut, dapat disimpulkan bahawa setiap perbuatan yang dinamakan perjalanan adalah dilarang bagi wanita untuk melakukannya

---

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Ibrahim Mustafa et al., *Al-Mu'jam Al-Wasit*, Cetakan kedua, (Istanbul : Dar al-Dakwah, 1989), 169.

<sup>22</sup> Haji Dusuki Haji Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, (Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1976), 227.

tanpa ditemani oleh suami atau mahramnya.<sup>23</sup> Adapun begitu, Islam juga telah memberikan kelonggaran bagi wanita yang bermusafir tanpa mahram dengan tujuan untuk menuntut ilmu dan bekerja untuk mencari nafkah keluarga.

Menurut Siti Fatimah Salleh, larangan dan tegahan kepada wanita untuk bermusafir tanpa mahram ini sebenarnya melihat kepada suasana dan keadaan zaman, waktu perjalanan dan destinasi yang ingin dituju oleh wanita tersebut. Pada zaman dahulu, terdapat pelbagai halangan yang perlu dihadapi oleh golongan wanita untuk bermusafir. Halangan-halangan tersebut adalah seperti keadaan kekurangan alat pengangkutan yang hanya menggunakan haiwan untuk bermusafir. Namun, keadaan zaman kini telah berubah sama sekali. Dengan kemajuan sains dan teknologi, alat pengangkutan telah mengalami perubahan yang sangat melangkaui batas sehingga perjalanan jarak jauh hanya mengambil masa yang singkat.<sup>24</sup> Lalu, kemajuan alat pengangkutan ini dilihat menjadi salah satu kayu ukur untuk memberi kelonggaran bermusafir tanpa mahram.

Walau bagaimanapun, terdapat segelintir wanita yang bergelar aktivis dan feminis yang mempertikaikan tentang konsep mahram bagi wanita yang dikatakan mengongkong seluruh kehidupan wanita secara melampau. Kongkongan oleh konsep mahram ini telah menjadikan ramai wanita di negara Islam terutamanya di Arab Saudi bangun untuk menuntut hak mereka yang telah dieksploitasi oleh kaum lelaki.<sup>25</sup> Tambahan pula, tuntutan hak kebebasan ini merupakan matlamat utama badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang menentang kepada konsep patriarki wanita yang menjadikan wanita golongan kedua di

---

<sup>23</sup> Abu 'Abdullah Mustafā bin al-Adawī, *Kashf al-Mubḥam 'an Ḥukm Safar al-Mar'ah bi duni Zawj aw Mahram*, (Saudi Arabia : Dār Ibn Qayyim, 1987), 17.

<sup>24</sup> Siti Fatimah Salleh, "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa : Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita" (tesis kedoktoran Universiti Malaya Kuala Lumpur 2015), 289.

<sup>25</sup> Liv Tonnessen, "Women's Activism in Saudi Arabia : Male Guardianship And Sexual Violence", *CMI Report*, 2016, 1-25.

bawah kaum lelaki dan seterusnya meletakkan wanita di bawah penguasaan lelaki secara mutlak.<sup>26</sup>

Selain itu, penglibatan wanita di dalam aktiviti *backpack* ini juga adalah terbatas kerana bentuk aktiviti ini yang biasanya melibatkan dua bentuk utama, iaitu aktiviti *backpack* yang dilakukan secara solo atau sendirian dan aktiviti *backpack* yang dilakukan secara berkumpulan yang terdiri daripada beberapa orang wanita sahaja serta kumpulan yang terdiri daripada lelaki dan wanita. Kedua-dua bentuk aktiviti ini pada hakikatnya tidak memenuhi pensyaratan konsep mahram bagi wanita bermusafir kerana mereka tidak ditemani oleh suami atau mahram mereka ketika keluar bermusafir atau mengembara, terutamanya bagi wanita yang melakukan aktiviti ini secara solo.

Realitinya, kini terdapat ramai wanita yang berani untuk bermusafir atau terlibat di dalam aktiviti *backpack* ini secara bersendirian. Perkara ini dapat dibuktikan melalui tinjauan *Women's Travel Survey* yang dilakukan oleh TripAdvisor terhadap kecenderungan wanita dunia terhadap aktiviti pengembaraan solo. Hasil tinjauan tersebut mendapati 79% wanita Asia Tenggara lebih gemarkan pengembaraan secara solo dan tidak merasakan ia adalah sesuatu perkara yang salah. Selain itu, mereka juga memilih untuk mengembara secara solo kerana ia dapat memberikan mereka kebebasan serta mencabar diri mereka sendiri dalam menghadapi rintangan dan cabaran sepanjang tempoh pengembaraan.<sup>27</sup>

Seterusnya, penglibatan wanita di dalam aktiviti *backpack* ini turut menimbulkan kebimbangan sama ada mereka melakukannya secara solo mahupun secara berkumpulan kerana mereka akan menghadapi pelbagai jenis risiko dan bahaya sepanjang pengembaraan

---

<sup>26</sup> Norani Othman, "Muslim Women and the Challenge of Islamic Fundamentalism or Extremism : An Overview of Southeast Asian Muslim Women's Struggle for Human Rights and Gender Equality", *Women's Studies International Forum* 29, 2006, 342.

<sup>27</sup> TripAdvisor survey on solo travel for women, capaian dari <http://www.thestar.com.my/>, 10 Mac 2015.

mereka. Antara risiko yang kerap berlaku dalam kalangan *backpackers* ini adalah seperti risiko ancaman keselamatan yang melibatkan kes-kes jenayah<sup>28</sup>, risiko penyakit berjangkit atau penyakit yang diperolehi kesan daripada pengembaraan<sup>29</sup> dan juga risiko yang melibatkan maruah serta harga diri seorang wanita<sup>30</sup> yang terjejas akibat daripada penglibatan mereka dalam aktiviti *backpack* ini.

Risiko dan ancaman ini bersangkut paut dengan motivasi wanita untuk melibatkan diri dalam aktiviti *backpack* dan majoritinya dipengaruhi oleh minat mereka untuk melakukan sesuatu yang baru dan merasai sendiri pengalaman yang mencabar diri mereka.<sup>31</sup> Lalu, motivasi ini telah mendedahkan diri wanita kepada bahaya seperti yang berlaku kepada Siti Noridah Ab. Rahaman, salah seorang pencinta tegar aktiviti ini. Beliau menceritakan di dalam travelognya bahawa beliau telah ditahan dan dituduh sebagai perisik dari Pakistan ketika sedang melakukan aktiviti *backpack* di sebuah destinasi konflik, Afghanistan.<sup>32</sup> Ini menunjukkan bahawa isu keselamatan di tanah asing terutama di negara konflik sangat membimbangkan dan perlu diambil perhatian oleh pengembara.

Selain itu, satu kajian telah dilakukan oleh David R. Boulware yang bertujuan untuk menguji had ketahanan para *backpack* dan perbandingan antara *backpacker* lelaki dan wanita dalam mengharungi kecederaan dan penyakit ketika mengembara. Hasil kajian itu telah membuktikan bahawa wanita dan lelaki menghadapi pengalaman kecederaan dan

---

<sup>28</sup> Issahaku Adam dan Charles Atanya Adongo, "Do Backpackers Suffer Crime? An Empirical Investigation of Crime Perpetrated Against Backpackers in Ghana," *Journal of Hospitality and Management* 27, 2016, 60-67.

<sup>29</sup> David R. Boulware, "Gender Differences among Ling-Distance Backpackers : A Prospective Study Of Women Appalachian Trail Backpackers," *Wilderness and environmental medicine* 15, 2004, 175-180.

<sup>30</sup> Lorraine Brown dan Hana Osman, "The Female Tourist Experience in Egypt as an Islamic Destination," *Annals of Tourism Research* 63, 2017, 12-22.

<sup>31</sup> Sheng-Hshiong Tsaur, Chang-Hua Yen & Chia-Li Chen, "Independent Tourist : Knowledge and Skills," *Annals Of Tourism Research*, Vol. 37, No.4, 2010, 1035-1054.

<sup>32</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET: Kembara Afghanistan*, (Selangor : SNAR, 2015), 22-44.

kesakitan yang sama ketika melakukan aktiviti *backpack* ini.<sup>33</sup> Melalui kajian ini, jelas menunjukkan bahawa wanita menerima risiko ancaman kesihatan yang sama dengan lelaki, sedangkan pada hakikatnya sifat fizikal wanita adalah lebih lemah berbanding lelaki.

Manakala kajian Issahaku Adam dan Charles Atanya Adongo pula telah membuktikan bahawa aktiviti *backpack* ini terdedah kepada jenayah-jenayah yang tidak terjangkau seperti rompakan, penipuan, serangan fizikal dan serangan secara lisan. Tambah mengejutkan lagi, hasil kajian ini mendapati bahawa wanita merupakan sasaran utama kepada jenayah pencurian kerana golongan wanita lebih mudah dipengaruhi dan bersifat lemah serta naif. Kajian ini juga mendapati bahawa pengembara solo lebih mudah untuk menjadi mangsa kepada kes-kes jenayah kerana mereka bersendirian tanpa sebarang perlindungan.<sup>34</sup>

Seterusnya, risiko maruah yang dihadapi oleh pengembara wanita adalah melibatkan kepada jenayah yang melibatkan gangguan seksual ketika melakukan aktiviti *backpack* ini. Menurut Lorraine Brown dan Hana Osman, pengembara solo wanita di Mesir telah mengalami gangguan seksual yang melibatkan gangguan berbentuk perhatian yang tidak diingini oleh lelaki tempatan. Gangguan tersebut adalah seperti merenung tubuh badan mereka serta gangguan berbentuk sentuhan yang menyebabkan mereka merasakan maruah diri mereka tercemar. Walau bagaimanapun, gangguan-gangguan ini terjadi kerana sifat pengembara wanita itu sendiri yang tidak menghormati norma dan budaya wanita tempatan dengan menggayakan pakaian yang mencolok mata.<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup> David R. Boulware, "Gender Differences among Long-Distance Backpackers," 175-180.

<sup>34</sup> Issahaku Adam & Charles Atanya Adongo, "Do Backpackers Suffer Crime? An Empirical Investigation of Crime Perpetrated Against Backpackers in Ghana," *Journal of Hospitality and Management* 27, 2016, 60-67.

<sup>35</sup> Lorraine Brown dan Hana Osman, "The Female Tourist Experience In Egypt as an Islamic Destination," *Annals of Tourism Research* 63, 2017, 12-22.



Justeru, pengkaji ingin melakukan kajian berkaitan dengan konsep mahram dan hubungannya dengan aktiviti *backpack*. Selain itu, pengkaji juga merasakan keperluan yang mendesak kepada kajian ini untuk dilakukan kerana fenomena aktiviti *backpack* ini telah berkembang pesat di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Perkara ini boleh dibuktikan melalui hasil dari tinjauan yang dilakukan oleh Visa Global Travel Intentions Study 2015 menunjukkan bahawa sembilan daripada 10 orang rakyat Malaysia berkunjung ke luar negara sejak dua tahun lalu. 76 peratus rakyat Malaysia mengembara ke luar negara sejak tahun 2013.<sup>36</sup> Maka, angka ini menunjukkan bahawa lebih ramai rakyat Malaysia yang memilih untuk melakukan pengembaraan ke pelbagai destinasi dan ini adalah suatu angka yang sangat memberangsangkan dan menjadi kemungkinan bahawa rakyat Malaysia kini terlalu ghairah untuk melancong dan mengembara.

Maka, dengan isu-isu yang timbul berhubung dengan fenomena aktiviti *backpack* dan penglibatan wanita di dalam aktiviti ini, pengkaji membina objektif dan persoalan untuk mencari penyelesaian yang mampu membantu para pencinta aktiviti *backpack* ini melakukan aktiviti ini tanpa sebarang keraguan terhadap konsep mahram yang mungkin tidak lagi relevan di dalam konteks semasa.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah konsep permusafiran wanita dalam Islam?
2. Bagaimanakah bentuk penglibatan wanita di dalam aktiviti *backpack*?
3. Apakah perspektif hukum Islam tentang penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack*?

---

<sup>36</sup> 9 dari 10 rakyat Malaysia melancong ke luar negara, Berita Bernama online, capaian dari <http://www.malaysiakini.com/news/323469>, 22 Mac 2017.

## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjelaskan konsep permusafiran wanita dalam perspektif hukum Islam.
2. Mengenalpasti bentuk penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack*.
3. Menganalisis hukum penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack*.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Asas *fiqh* dalam konsep wanita musafir tanpa mahram adalah dilarang berdasarkan kepada beberapa nas hadīth Rasūlullah SAW. Namun larangan ini mencakupi keadaan dan *'illah* zaman terdahulu dan tidak meliputi keadaan zaman kontemporari kini. Kajian lalu yang dilakukan hanya berkisar tentang permasalahan wanita musafir tanpa mahram, tanpa menfokuskan kepada wanita musafir tanpa mahram dengan tujuan melancong dan melakukan aktiviti *backpack*. Dengan sebab itu, kajian ini memberikan suatu sudut pandangan baharu terhadap fokus kajian iaitu konsep musafir zaman kini dan hubungannya dengan wanita.

Kajian ini telah merungkai persolan mengenai penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* secara solo mahupun berkumpulan menurut perspektif hukum Islam semasa yang sangat berkait rapat dengan pensyaratan konsep mahram ketika musafir bagi seorang wanita. Wanita mempunyai darjat dan kedudukan yang istimewa di sisi Islam.

Oleh yang demikian, kajian ini lebih menfokuskan kepada wanita dan sangat penting untuk memberi penerangan dan pemahaman tentang isu-isu yang berkaitan dengan aktiviti *backpack* yang menjadi fenomena kini. Arus modenisasi dari Barat telah berjaya mengubah wanita menjadi golongan yang lebih terbuka dan berani untuk tampil dalam pelbagai aspek seperti kerjaya dan sebagainya.

Tambahan pula, fenomena aktiviti *backpack* ini juga telah menjadi suatu budaya baru dalam kalangan wanita khususnya di Malaysia. Dengan segala kemudahan yang disediakan oleh pihak berwajib, wanita kini tidak lagi gentar untuk mengembara sendirian sehingga mampu menjejaki pelbagai destinasi termasuk destinasi konflik secara solo. Namun, secara realitinya adakah dengan kemudahan-kemudahan itu membenarkan mereka untuk mengembara sendiri tanpa mahram? Maka, kajian ini dapat memberi tunjuk ajar kepada mereka tentang garis panduan yang dibolehkan kepada wanita untuk menglibatkan diri dalam aktiviti ini mengikut syariat Islam.

Selain itu, kajian ini penting kepada masyarakat awam kerana masyarakat memerlukan pemahaman yang mendalam berkaitan dengan konsep mahram ketika bermusafir ini. Hal ini adalah kerana, masyarakat kini apabila membincangkan soal musafir, mereka hanya memikirkan soal rukhsah solat qasar dan jamak. Sedangkan konsep mahram ketika musafir ini bukan suatu perkara yang boleh diambil ringan kerana ia melibatkan keselamatan, kesihatan dan maruah wanita.

Hasil daripada kajian ini juga penting sebagai sumber rujukan kepada para pengkaji dan penyelidik akan datang yang bakal menghuraikan isu-isu yang berkait rapat dengan permasalahan kajian ini dengan lebih mendalam dan terperinci dan seterusnya membuka ruang yang mendalam kepada kajian bertemakan pelancongan berasaskan syariat Islam.

## **1.7 SOROTAN LITERATUR**

Berdasarkan tajuk kajian ini iaitu Analisis Penglibatan Wanita dalam Aktiviti *Backpack* Menurut Perspektif Hukum Islam Semasa, pengkaji telah melakukan suatu kajian terhadap karya-karya dan kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan aktiviti *backpack*, penglibatan

*backpackers* wanita dan hukum-hukum yang berkait rapat dengan safar wanita. Hal ini adalah untuk mencapai objektif dan menjawab segala persoalan yang diutarakan oleh pengkaji, iaitu sejauh mana kelonggaran yang diberikan oleh Islam untuk wanita melibatkan diri dalam aktiviti *backpack* ini.

### 1.7.1 Kajian berkaitan aktiviti *backpack*

Kajian berkaitan aktiviti *backpack* ini sudah lama dibincangkan di dalam kajian-kajian terdahulu. Namun, kajian demi kajian masih lagi dilakukan dari masa ke semasa oleh pengkaji kontemporari disebabkan oleh perubahan bentuk aktiviti *backpack* yang berpunca daripada perubahan sosial yang melibatkan pemodenan teknologi dan gaya hidup. Kajian terawal dilakukan oleh Erik Cohen pada tahun 1972 dan 1973 secara zahirnya tidak menggunakan terminologi *backpack* itu sendiri tetapi menggunakan terminologi *drifter* dan *explorer*<sup>37</sup> bagi menggambarkan aktiviti *backpack*.

Pengkaji-pengkaji selepasnya turut menggunakan istilah berbeza seperti *wanderers*<sup>38</sup> dan *long-term budget traveler*<sup>39</sup> bagi menggambarkan dan menjelaskan konsep aktiviti *backpack* ini. Penggunaan sebenar terminologi *backpack* mula digunakan pada awal tahun 1990-an di dalam beberapa kajian yang dilakukan oleh Loker-Murphy<sup>40</sup> dan Loker-Murphy dan Pearce.<sup>41</sup> Kajian-kajian awal ini seterusnya menjadi tunjang dan asas utama

---

<sup>37</sup> Erik Cohen, "Toward a Sociology of International Tourism," *Social Research*, Vol 39, No 1, 1972, 164-182.

<sup>38</sup> Teas Vogt, "Wandering: Youth and Travel Behaviour," *Annals of Tourism Research* 4, 1976, 25-41.

<sup>39</sup> Riley, "Road Culture of International Long-Term Budget Travellers," *Annals of Tourism Research* 15, 1988, 313-328.

<sup>40</sup> Loker-Murphy, "Backpackers in Australia: A Motivation-Based Segment Study," *Journal of Travel and Tourism Marketing* 54 (4), 1996, 23-45.

<sup>41</sup> Loker-Murphy dan Philip L. Pearce, "Young Budget Travelers: *Backpack* in Australia," *Annals of Tourism Research* 22, 1995, 819-843.

kepada pengkaji kontemporari di dalam melakukan kajian-kajian berkaitan dengan isu-isu semasa aktiviti *backpack* ini.

Penggunaan istilah yang berbeza ini adalah kerana pengkaji-pengkaji selepas Cohen merasakan istilah *drifter* kurang bertepatan dengan keadaan dan bentuk aktiviti tersebut. Namun, gambaran istilah *drifter* yang diterangkan oleh Cohen dalam kajiannya tetap menjadi asas yang paling ideal digunakan oleh pengkaji-pengkaji selepasnya. Hal ini adalah kerana, aktiviti-aktiviti tersebut mempunyai beberapa asas ciri yang sama.<sup>42</sup>

Secara umumnya, aktiviti *backpack* ini merupakan satu jenis pelancongan yang unik kerana ia mempunyai konsep dan ciri-cirinya yang tersendiri yang membezakannya dengan jenis pelancongan biasa. Ia mengutamakan bentuk perjalanan yang fleksibel tanpa jadual perjalanan dan matlamat yang tetap<sup>43</sup>, penggunaan bajet yang rendah<sup>44</sup> dan lebih berisiko.<sup>45</sup> Adapun begitu, aktiviti *backpack* ini turut dianggap sebagai salah satu bentuk pengembaraan yang melibatkan aktiviti ekstrem dan lasak<sup>46</sup> yang melibatkan aktiviti seperti mendaki gunung, menyelam dan melakukan eksplorasi gua.<sup>47</sup> Selain itu, Tsaur, Yen dan Chen mengklasifikasikan aktiviti *backpack* ini sebagai salah satu cabang kepada jenis

---

<sup>42</sup> Camille Caprioglio O'Reilly, "From Drifter to Gap Year Tourist : Mainstreaming Backpacker Travel," *Annals of Tourism Research* 33(4), 2006, 1000-1001.

<sup>43</sup> *Ibid.*, 998-1017.

<sup>44</sup> Erik Cohen, "The Changing Faces of Contemporary Tourism," *Society* 45, no. 4, 2008, 330-333.

<sup>45</sup> Scott Cohen, "Re-Conceptualising Lifestyle Travellers: Contemporary 'Drifters,'" in K. Hannam dan A. Diekmann (eds), *Beyond Backpacker Tourism : Mobilities and Experiences*, (Clevedon : Channel View Publications, 2010), 64-84.

<sup>46</sup> Natan Uriely, Yuval Yonay, and Dalit Simchai, "Backpacking Experiences: A Type and Form Analysis," *Annals of Tourism Research* 29, no. 2, 2002, 520-538.

<sup>47</sup> Badaruddin Mohamed et al., "Kajian Pembangunan Pelancongan Belia di Malaysia Potensi dan Halangan," *Tourism Research*, 2006, 1-70.

pelancongan bebas atau lebih dikenali sebagai *independent tourism* kerana kedua-duanya mempunyai bentuk dan ciri-ciri perjalanan yang hampir sama antara satu sama lain.<sup>48</sup>

Keunikan aktiviti ini juga terserlah dari aspek kebebasan yang diperolehi oleh pencintanya dari segi kebebasan mengurus dan merancang perjalanan.<sup>49</sup> Mereka lebih mengutamakan pemilihan laluan perjalanan yang tidak biasa dilalui oleh orang lain<sup>50</sup> demi melunaskan keinginan mereka untuk mempelajari dan mencuba sesuatu yang baru<sup>51</sup> serta merasai pengalaman bersama masyarakat yang berbeza adat dan budaya.<sup>52</sup> Selain itu, aktiviti *backpack* ini di dominasi oleh golongan muda dalam anggaran 20 hingga 30 tahun yang cenderung untuk merasai kebebasan ketika mengembara iaitu kebebasan dari rumah dan tanggungjawab dan ingin membentuk perasaan kemanusiaan dalam diri mereka melalui pengembaraan. Tambahan pula, kajian ini juga mendapati bahawa golongan muda ini cenderung untuk mencari sesuatu yang boleh mencabar kemampuan diri mereka sebagai pengalaman seumur hidup sepanjang tempoh pengembaraan.<sup>53</sup>

Selain itu, kajian-kajian lepas kebanyakannya berpendapat bahawa aktiviti *backpack* ini merupakan pengembaraan secara solo<sup>54</sup> kerana pengembara *backpack* ini lebih suka untuk mencabar diri<sup>55</sup> dan ia menjadikan mereka bergantung sepenuhnya kepada diri sendiri. Kebergantungan tersebut akhirnya dilihat mampu membentuk pengalaman,

---

<sup>48</sup> Sheng-Hshiang Tsaur, Chang-Hua Yen, dan Chia-Li Chen, "Independent Tourist Knowledge and Skills," *Annals of Tourism Research* 37, no. 4, 2010, 1035–1054.

<sup>49</sup> Ibid.

<sup>50</sup> Camille Caprioglio O'Reilly, "From Drifter to Gap Year Tourist: Mainstreaming *Backpacker* Travel," *Annals of Tourism Research* 33, no. 4, 2006, 998-1017.

<sup>51</sup> Natan Uriely, Yuval Yonay, and Dalit Simchai, "Backpacking Experiences: A Type and Form Analysis," *Annals of Tourism Research* 29, no. 2, 2002, 535.

<sup>52</sup> Sheng-Hshiang Tsaur, Chang-Hua Yen, dan Chia-Li Chen, "Independent Tourist Knowledge and Skills," *Annals of Tourism Research* 37, no. 4, 2010, 1035–1054.

<sup>53</sup> Camille Caprioglio O'Reilly, "From Drifter to Gap Year Tourist: Mainstreaming *Backpacker* Travel," *Annals of Tourism Research* 33, no. 4, 2006, 998-1017.

<sup>54</sup> Ibid. 1035-1054.

<sup>55</sup> Natalie Hindle, Andrew Martin, dan Robert Nash, "Tourism Development and the Backpacker Market in Highland Scotland," *Tourism and Hospitality Research* 15, no. 3, 2015, 178–192.

membina keyakinan serta kekuatan jiwa pengembara. Walau bagaimanapun, Anders Sorensen membuktikan bahawa pengembara *backpack* juga cenderung untuk mengembara bersama pasangan dan rakan mereka serta mereka turut cenderung untuk mengembara bersama-sama individu pengembara lain sehingga membentuk kumpulan kecil.<sup>56</sup>

Kajian yang dilakukan di Malaysia oleh Badaruddin Mohamed dan rakan-rakan pula mengenai potensi dan halangan yang dihadapi oleh sektor pelancongan belia dan kajian ini telah dilakukan untuk Kementerian Pelancongan Malaysia berpendapat bahawa pelancongan berdikari atau aktiviti *backpack* ini melibatkan individu belia yang mengembara secara bersendirian atau di dalam kumpulan yang kecil yang biasanya terdiri daripada rakan-rakan atau golongan *backpackers*.<sup>57</sup> Ini menunjukkan bahawa kajian ini bersependapat dengan pandangan Anders Sorensen berhubung dengan bentuk perjalanan yang menjadi salah satu konsep dan ciri-ciri aktiviti *backpack*.

Perubahan bentuk perjalanan ini menjadikan aktiviti *backpack* zaman kini tidak lagi sama sepenuhnya dengan konsep asal aktiviti ini. Malah, Erik Cohen berpandangan bahawa aktiviti *backpack* kini tidak lagi sama dengan aktiviti *backpack* pada zaman 70-an di mana segalanya masih lagi terlalu mencabar. Era modenisasi telah berjaya mengubah corak perjalanan *backpack* seiring dengan perubahan teknologi dunia. Perubahan ini membawa aktiviti *backpack* kepada satu era baharu di mana mereka hanya menamakannya sebagai aktiviti *backpack* dengan hanya merujuk kepada bajet pengembaraan mereka yang

---

<sup>56</sup> Anders Sørensen, "Backpacker Ethnography," *Annals of Tourism Research* 30, no. 4, 2003, 847–867.

<sup>57</sup> Badaruddin Mohamed et al., "Kajian Pembangunan Pelancongan Belia di Malaysia : Potensi dan Halangan," Laporan Akhir, *Tourism Research Circle*, 2006, 11.

rendah. Hakikat sebenarnya mereka mengambil pakej-pakej murah yang ditawarkan oleh agensi pelancongan dan mempunyai jadual perjalanan yang lengkap.<sup>58</sup>

Walau bagaimanapun, aktiviti *backpack* zaman kini dilihat masih mempunyai asas yang sama tetapi mengalami perubahan disebabkan oleh peredaran zaman dan kemodenan dunia yang menyebabkan kebanyakan individu hanya menggunakan terminologi ini untuk memberi gaya kepada perjalanan mereka. Adapun begitu, kemodenan dunia ini tidak mampu melepaskan individu pengembara *backpack* daripada sebarang risiko. Hal ini adalah kerana, keghairahan mereka untuk mencari sesuatu yang baru menyebabkan mereka juga sanggup untuk mengambil risiko sepanjang pengembaraan mereka walaupun mereka mengetahui bahawa mereka boleh terlibat dalam insiden yang memudaratkan nyawa, maruah dan harta mereka.<sup>59</sup>

Risiko-risiko ini adalah seperti rompakan, kebakaran, kekecohan dan kegawatan politik, bencana alam dan jenayah. Mereka ini terlalu sukakan sesuatu di luar kebiasaan sehingga mereka mencari dan melalui laluan yang jarang dilalui demi melunaskan keinginan mereka untuk mempelajari budaya baru.<sup>60</sup> Tambahan pula, kesihatan pengembara juga turut menjadi taruhan dengan berlaku risiko-risiko penyakit<sup>61</sup> yang sering dikaitkan dengan aktiviti *backpack* seperti penularan penyakit kelamin<sup>62</sup> dan kecederaan.<sup>63</sup>

---

<sup>58</sup> Erik Cohen, "The Changing Faces of Contemporary Tourism," *Touring the World Symposium*, 2008, 332.

<sup>59</sup> Huong T Bui, Hugh Wilkins, dan Young-Sook Lee, "Liminal Experience of East Asian *Backpackers*," *Tourist Studies* 14, no. 2, 2014, 126–43.

<sup>60</sup> Sheng-Hshiong Tsaur, Chang-Hua Yen, dan Chia-Li Chen, "Independent Tourist Knowledge and Skills," *Annals of Tourism Research* 37, no. 4, 2010, 1035–1054.

<sup>61</sup> Timothy B. Gardner dan David R. Hill, "Illness and Injury Among Long-Distance Hikers on The Long Trail Vermont," *Wilderness and Environmental Medicine* 13, 2002, 131-134.

<sup>62</sup> Disa Dahlman dan Martin Stafström, "Female Swedish *Backpack* in Vietnam: A Hypotheses Generating Study on Sexual Health Risks While Travelling," *Travel Medicine and Infectious Disease* 11, no. 4, 2013, 243–249.



Tuntasnya, kajian-kajian mengenai aktiviti *backpack* ini telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Namun, kajian-kajian tersebut lebih bersifat umum dan kebanyakannya membuat hubung kait aktiviti *backpack* ini dengan ciri-ciri, risiko dan keunikannya yang membezakan aktiviti ini dengan pelancongan jenis lain. Pengkaji ingin melakukan kajian ini dengan melihat ciri-ciri, risiko dan keunikan aktiviti ini melalui perspektif Islam untuk menjadikannya lebih mesra Muslim tanpa sebarang pelanggaran kepada hukum-hukum Syara' yang telah ditetapkan oleh Islam.

### **1.7.2 Kajian berkaitan penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack***

Perkembangan aktiviti *backpack* dunia tidak hanya memberi kesan kepada golongan lelaki, namun ia juga turut memberi impak kepada golongan wanita yang sama-sama menjadi ghairah untuk melakukan aktiviti ini dan ia tidak terhad kepada bangsa, umur, agama dan negara. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan penglibatan wanita di dalam aktiviti ini masih kurang berbanding kajian berhubung penglibatan lelaki di dalam aktiviti *backpack* ini. Kajian-kajian tentang penglibatan wanita di dalam aktiviti *backpack* yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu lebih memfokuskan kepada beberapa perkaitan antara wanita dan aktiviti *backpack* ini. Ia melibatkan perkaitan wanita dengan faktor<sup>64</sup> dan kekangan<sup>65</sup> yang dihadapi oleh mereka untuk melakukan aktiviti ini. Selain itu, pengkaji terdahulu juga turut

---

<sup>63</sup> David R. Boulware, "Gender Differences Among Long-Distance Backpackers: A Prospective Study of Women Appalachian Trail Backpackers," *Wilderness & Environmental Medicine* 15, no. 3, 2004, 175–80.

<sup>64</sup> Peggy Teo dan Sandra Leong, "A Postcolonial Analysis of Backpacking," *Annals of Tourism Research* 33, no. 1, 2006, 109–131.

<sup>65</sup> Chu-Yin Chiang and Giri Jogaratnam, "Why Do Women Travel Solo for Purposes of Leisure?," *Journal of Vacation Marketing* 12, no. 1, 2005, 59-70.

memfokuskan kepada risiko-risiko dan implikasi<sup>66</sup> yang diperolehi oleh wanita melalui penglibatan mereka di dalam aktiviti *backpack* ini.

Perkaitan antara wanita dan faktor yang menjadi pencetus dan penghalang kepada kehairahan mereka untuk melakukan aktiviti *backpack* dapat dilihat melalui sikap keterbukaan dan tahap keberanian wanita untuk menghadapi risiko sepanjang mengembara. Peggy Teo dan Sandra Leong berpendapat bahawa wanita di Asia terlalu berhati-hati untuk mengembara berbanding wanita Barat yang lebih berani dan terbuka untuk keluar dari zon keselesaan wanita yang menjadikan wanita Barat lebih ramai terlibat di dalam aktiviti ini.<sup>67</sup> Selain itu, mereka juga mencadangkan agar sektor aktiviti *backpack* wanita Asia perlu diperluaskan skopnya kerana penglibatan wanita di dalam aktiviti ini terhalang kerana stigma pemikiran masyarakat Asia yang memandang wanita Asia ini sebagai golongan yang perlu dijaga, mempunyai pergantungan yang tinggi<sup>68</sup> dan mudah terdedah kepada bahaya.<sup>69</sup>

Maka, isu keterbukaan dan keberanian wanita Asia dilihat menjadi salah satu faktor yang menghalang wanita untuk melakukan aktiviti *backpack* ini. Namun, ia bertentangan dengan tinjauan yang dilakukan oleh TripAdvisor pada 22 Februari 2015 mengenai *Women's Travel Survey* terhadap kecenderungan wanita dunia terhadap aktiviti pengembaraan solo dan ia telah memberi sudut pandangan baharu. Hasil tinjauan tersebut mendapati wanita Asia Tenggara (Singapura, Malaysia, Thailand dan Indonesia) telah melakukan pengembaraan secara solo dengan peningkatan sebanyak 48% berbanding pada

---

<sup>66</sup> Disa Dahlman dan Martin Stafström, "Female Swedish Backpackers in Vietnam: A Hypotheses Generating Study on Sexual Health Risks While Travelling." 243-249.

<sup>67</sup> Teo and Leong, "A Postcolonial Analysis of *Backpacking*." 109-131.

<sup>68</sup> Ibid.

<sup>69</sup> Issahaku Adam dan Charles Atanga Adongo, "Do Backpackers Suffer Crime? An Empirical Investigation of Crime Perpetrated against Backpackers in Ghana," *Journal of Hospitality and Tourism Management* 27, 2016, 60-67.

tahun sebelumnya yang mencapai hanya 36%. Di samping itu, peningkatan sebanyak 79% juga menunjukkan kadar peratusan wanita Asia Tenggara yang ingin melibatkan diri dalam aktiviti ini.<sup>70</sup>

Seterusnya, wanita-wanita Asia Tenggara ini tidak merasakan pengembaraan solo adalah sesuatu perkara yang salah. Bahkan mereka berpendapat pengembaraan solo atau *backpack* secara solo ini dapat memberi mereka kebebasan untuk melakukan apa yang mereka mahu. Selain itu, 32% daripada responden tinjauan TripAdvisor ini menyatakan bahawa keluarga dan rakan mereka tidak mempunyai masa mahupun sumber kewangan untuk mengembara bersama mereka.<sup>71</sup> Kajian ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa faktor peredaran masa mampu memberi kesan kepada keadaan sosial wanita sehingga menjadikan wanita Asia kini dilihat lebih berani untuk keluar dari kepompong hidup. Perubahan sosial ini seterusnya menjadikan wanita dilihat mampu berdiri seiring dengan golongan lelaki.<sup>72</sup>

Lalu, perubahan-perubahan sosial wanita kini dilihat sangat positif dan mendadak. Menurut Siti Fatimah Salleh dalam kajiannya yang mengkaji tentang perubahan yang berlaku ke atas golongan wanita yang disebabkan oleh perubahan *'urf* atau keadaan menyatakan bahawa wanita kini sudah mengalami perubahan sosial dari segi kelayakan akademik yang setanding dengan kaum lelaki. Kelayakan akademik ini telah berjaya membawa wanita keluar dari kepompong kebiasaan hidup wanita. Mereka kini keluar atau bermusafir bukan lagi hanya untuk ibadah haji, tetapi mereka bermusafir untuk menuntut

---

<sup>70</sup> TripAdvisor survey on solo travel for women, capaian dari <http://www.thestar.com.my/travel/malaysia/2015/03/10/tripadvisor-survey-on-solo-travel-for-women/>, 10 Mac 2015.

<sup>71</sup> Ibid.

<sup>72</sup> Siti Fatimah Salleh, "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa : Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 288.

ilmu, bekerja, menghadiri seminar dan sebagainya.<sup>73</sup> Perubahan-perubahan ini telah membawa wanita kepada dimensi baharu kehidupan yang lebih mencabar sehingga menjadikan wanita mampu menangani ketakutan dan kelemahan yang menjadi sifat semulajadi wanita.<sup>74</sup>

Kajian Siti Fatimah Salleh ini seterusnya dilihat sepadan dengan kajian yang dilakukan oleh Linda Myers yang berpandangan golongan wanita kini mengembara atas sebab faktor diri mereka sendiri tanpa dipengaruhi oleh orang luar. Mereka mempunyai keinginan untuk mencari keseronokan dan kepuasan untuk diri mereka dan keluar dari kepompong identiti biasa seorang wanita sebagai ibu, isteri dan suri rumah tangga. Maka, dengan mengembara, mereka boleh membina keyakinan diri dan bebas untuk mengatur sendiri perjalanan kehidupan mereka.<sup>75</sup> Justeru, keyakinan diri yang mereka perolehi dari mengembara secara tidak langsung dapat meningkatkan harga diri mereka sebagai seorang wanita dan seterusnya membantu mereka membina dimensi baharu kepada identiti diri. Tambahan pula, mengembara dapat memberikan wanita ruang dan masa untuk mereka bersendirian sekaligus membolehkan mereka memuhasabah kehidupan mereka.<sup>76</sup>

Tambahan pula, Sara Tilley dan Donald Houston turut berpendapat bahawa wanita muda abad ini lebih banyak mengembara berbanding wanita sebelumnya berpunca daripada perubahan sosial yang melibatkan peningkatan taraf ekonomi dan sosial wanita sejak pertengahan abad ke-20. Ia telah menjadikan golongan wanita mempunyai taraf yang sama dengan golongan lelaki. Tambahan pula, mereka turut menyatakan bahawa wanita muda

---

<sup>73</sup> Siti Fatimah Salleh, "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa : Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 288.

<sup>74</sup> Erica Wilson dan Donna E. Little, "A Relative Escape? The Impact of Constairnts on Women Who Travel Solo," *School of Tourism and Hospitality Management*, 2005, 162.

<sup>75</sup> Linda Mary Myers, "Women's Independent Travel Experiences in New Zealand" (Tesis kedoktoran, University of Sunderland, England, 2010), 16-18.

<sup>76</sup> Chiang and Jogaratnam, "Why Do Women Travel Solo for Purposes of Leisure?", 59-70.

kini telah mengambil alih beberapa indikator yang biasanya dikuasai oleh golongan lelaki muda, terutamanya dalam bidang pendidikan.<sup>77</sup> Pengambilalihan ini adalah disebabkan oleh perubahan sosial dan demografik yang melanda wanita moden yang kini mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan turut mempunyai kerjaya yang profesional. Ia telah menjadikan wanita muda kini mengalami perubahan sosio-budaya dan lebih berdikari, sekaligus menjadikan mereka lebih banyak mengembara berbanding dengan golongan lelaki muda.<sup>78</sup>

Selain itu, kajian-kajian terdahulu juga turut membuat perkaitan antara penglibatan wanita dan risiko serta implikasi yang diperolehi daripada penglibatan mereka di dalam aktiviti *backpack* ini. Penglibatan wanita di dalam aktiviti ini juga sering dikaitkan dengan tingkah laku dan kelakuan mereka sepanjang perjalanan dan ia dipengaruhi oleh tujuan perjalanan seseorang itu. Wanita merasakan dengan kewujudan lelaki yang selalu mendominasi keadaan dalam pengembaraan mereka mengekang tingkah laku dan pergerakan mereka. Oleh sebab itu golongan wanita ini lebih suka untuk mengembara sendirian, berpasangan sesama wanita ataupun dalam kumpulan wanita yang rapat dengan mereka.<sup>79</sup> Kekurangan penjagaan dari aspek tingkah laku dan kelakuan sepanjang pengembaraan ini seterusnya membawa kepada beberapa risiko dan implikasi yang melibatkan kesihatan, keselamatan dan maruah wanita.

Disa Dahlman dan Martin Stafsrom berpendapat bahawa kegagalan wanita di dalam penjagaan tingkah laku dan kelakuan dengan pengamalan terhadap seks bebas dan penyalahgunaan dadah dan alkohol dalam kalangan *backpackers* wanita, khususnya

---

<sup>77</sup> Sara Tilley dan Donald Houston, "The Gender Turnaround : Young Women Now Travelling More Than Young Men," *Journal of Transport Geography* 54 , 2016, 349.

<sup>78</sup> Ibid.

<sup>79</sup> Ibid., 349–58.

pengembara solo merupakan punca utama kepada penularan penyakit kelamin atau lebih dikenali sebagai *sexually transmitted infections* (STI).<sup>80</sup> *Backpacker* solo wanita cenderung untuk melakukan apa sahaja yang mereka lakukan tanpa sebarang batasan dan seterusnya memberikan kebebasan kepada mereka untuk mengamalkan seks bebas tanpa sebarang keraguan dan kekangan.<sup>81</sup> Kebebasan untuk melakukan apa sahaja inilah yang menjadikan mereka mengabaikan aspek penjagaan tingkah laku dan kelakuan diri sepanjang mengembara. Walau bagaimanapun, penularan penyakit ini turut bergantung kepada tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat tempatan yang mungkin kekurangan pendedahan dan informasi terhadap isu-isu yang melibatkan kesihatan seksual.<sup>82</sup>

Selain itu, wanita juga tidak terlepas daripada risiko kecederaan ketika mengembara sama seperti apa yang dihadapi oleh golongan lelaki. David R. Boulware dalam kajiannya yang mengkaji mengenai perbezaan jantina dan ketahanan mereka menghadapi implikasi penyakit dan kecederaan semasa melakukan aktiviti rekreasi luar. Kajian ini telah mendapati bahawa lelaki dan wanita yang melibatkan diri dalam aktiviti ini akan menghadapi pengalaman secara umum yang sama terutama dari aspek ketahanan terhadap kecederaan dan penyakit. Perkara yang membezakan antara golongan lelaki dan wanita hanyalah kerana wanita-wanita tersebut biasanya akan menghadapi beberapa isu yang berkaitan dengan *amenorrhea*, iaitu keadaan tidak normal yang menyebabkan mereka tidak datang haid seperti keadaan biasa.<sup>83</sup>

---

<sup>80</sup> Disa Dahlman dan Martin Stafstrom, "Female Swedish Backpackers in Vietnam : A Hypothesis Generating Study on Sexual Health Risks while Travelling," *Travel Medicine and Infectious* , 2013, 243-249.

<sup>81</sup> Liza Berdychevsky and Heather J. Gibson, "Sex and Risk in Young Women's Tourist Experiences: Context, Likelihood, and Consequences," *Tourism Management* 51, 2015, 78–90.

<sup>82</sup> Dahlman and Stafström, "Female Swedish Backpackers in Vietnam: A Hypotheses Generating Study on Sexual Health Risks While Travelling.", 243-249.

<sup>83</sup> David R. Boulware, "Gender Differences Among Long-Distance Backpackers : A Prospective Study of Women Appalachian Trail Backpackers," *Wilderness and Environmental Medicine* 15, 2014, 175-180.

Tambahan pula, pencinta tegar aktiviti *backpack* wanita turut dikaitkan dengan jenayah seperti yang dibuktikan di dalam kajian yang dilakukan oleh Issahaku Adam dan Charles Adongo. Kajian yang dilakukan telah mendapati pengembara merupakan sasaran utama kegiatan jenayah di Ghana disebabkan oleh beberapa faktor dan berpunca daripada keghairahan mereka untuk mencari pengalaman baru di destinasi yang kurang diterokai. Wanita dilihat menjadi sasaran utama kepada salah laku jenayah kerana mereka lebih mudah dipengaruhi dan kelemahan fizikal berbanding golongan lelaki. Antara jenayah yang sering berlaku kepada *backpacker* wanita adalah seperti rogol, gangguan seksual, ragut dan penipuan.<sup>84</sup>

Di samping itu, jenayah seperti gangguan seksual juga turut berpunca daripada kelalaian wanita terhadap pengaplikasian budaya tempatan yang berkait rapat dengan pengabaian penjagaan tingkah laku mereka sepanjang mengembara. Menurut Lorraine Brown dan Hanaa Osman, kebanyakan wanita yang mengembara di Mesir telah mengalami gangguan seksual yang melibatkan pandangan yang kurang menyenangkan dan sentuhan pada anggota badan mereka adalah disebabkan oleh pengabaian mereka terhadap norma-norma budaya masyarakat di Mesir. Pengembara-pengembara ini dilihat telah memakai pakaian yang mencolok mata yang mana ia adalah bertentangan dengan budaya setempat menjadikan mereka mangsa kepada jenayah seksual ini.<sup>85</sup>

Malah, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pengkaji-pengkaji terdahulu telah bersependapat bahawa perubahan sosial yang melanda wanita zaman moden ini telah berjaya membawa wanita keluar daripada kebiasaan mereka sebagai seorang anak, ibu dan

---

<sup>84</sup> Issahaku Adam dan Charles Atanga Adongo, "Do Backpackers Suffer Crime? An Empirical Investigation of Crime Perpetrated Against Backpackers in Ghana," *Journal of Hospitality and Tourism Management* 27, 2016, 64.

<sup>85</sup> Lorraine Brown dan Hanaa Osman, "The Female Tourist Experience in Egypt as an Islamic Destination," *Annals of Tourism Research* 63, 2017, 12–22.

isteri. Perubahan ini seterusnya telah membawa kepada peningkatan jumlah wanita yang melakukan aktiviti *backpack* ini tanpa sebarang batasan jantina dan umur standing dengan golongan lelaki yang sebelum ini secara umumnya mendominasi aktiviti *backpack* ini. Walau bagaimanapun perubahan sosial ini dilihat tidak mampu memberi perlindungan sewajarnya kepada golongan wanita daripada implikasi dan risiko yang mereka hadapi disebabkan oleh keghairahan mereka untuk melakukan aktiviti ini.

Maka, pengkaji melihat penglibatan wanita di dalam aktiviti *backpack* ini melalui kaca mata Islam dan menilai semula perkaitan wanita dengan faktor, kekangan dan implikasi yang dialami wanita Islam yang secara umumnya mempunyai asas agama yang kuat berbanding wanita bukan Islam. Seterusnya, kajian ini memfokuskan kepada wanita dan melihat daripada sudut perspektif Islam yang mana masih belum ada lagi sarjana Islam yang melakukan kajian berkaitan dengannya. Pengkaji juga melihat kepada kepentingan pengaplikasian ajaran agama oleh para *backpackers* ketika melakukan aktiviti ini demi membantu wanita Muslim untuk turut sama melibatkan diri di dalam aktiviti *backpack*.

### **1.7.3 Kajian berkaitan mahram dan musafir bagi wanita**

Istilah mahram berasal dari perkataan Arab *ha-ra-ma* ( حرام ) yang membawa maksud mempunyai kehormatan sama ada lelaki atau perempuan yang diharamkan berkahwin atas sebab pertalian atau hubungan persaudaraan.<sup>86</sup> Pensyaran konsep mahram ini berkait rapat dengan kehidupan wanita untuk menjaga dan memelihara kemuliaan wanita dalam pelbagai aspek.

Ulama klasik bersepakat bahawa pensyaran mahram merupakan elemen khas di bawah syarat mampu bagi wanita yang telah ditetapkan oleh syara' untuk menunaikan haji

---

<sup>86</sup> Ibrahīm Muṣṭafā et al., *Al-Mu'jam Al-Wasiṭ*, Cetakan kedua, (Istanbul : Dār al-Da'wah, 1989), 169.



dan umrah yang wajib. Menurut Hāshim Muḥammad Nāqūr dalam kajian sarjananya mengenai hukum-hukum pelancongan dan kesannya telah berpandangan bahawa konsep mahram bagi wanita itu adalah bertujuan untuk menjaga diri wanita itu sendiri yang mana wanita merupakan golongan yang lemah secara fizikalnya. Kelemahan ini seterusnya membuka ruang kepada bahaya-bahaya seperti rogol, gangguan seksual dan kecurian serta dikhuatiri wanita tersebut melakukan perkara-perkara yang melampaui batas syariah Islam jika tidak ditemani oleh mahramnya. Selain itu, kajian ini juga menyatakan bahawa syarat mahram kepada wanita bertujuan memastikan golongan wanita sentiasa dipandang tinggi dan mulia. Ringkasnya, maqāsīd syariah dalam penetapan konsep mahram ini menurut kajian ini adalah sebenarnya bertujuan mengangkat semua jenis kepayahan dan kesusahan yang mungkin dihadapi oleh wanita jika mereka tidak bersama mahram mereka terutamanya ketika bermusafir.<sup>87</sup>

Namun, terdapat beberapa aspek yang menjadi perdebatan para ulama' klasik dari aspek kelonggaran yang diberikan kepada wanita untuk pergi menunaikan haji dan umrah dengan kewujudan keamanan tanpa ditemani mahram dengan syarat ditemani oleh sahabat yang dipercayai.<sup>88</sup> Perbezaan pendapat ini dilihat dengan adanya dua pandangan yang berbeza. Satu pandangan mengatakan ianya dibolehkan untuk haji dan umrah dengan ditemani oleh sahabat yang dipercayai dan ia dipegang oleh Imām Abū Ḥanīfah<sup>89</sup> dan Imām Aḥmad bin Ḥanbal<sup>90</sup> Manakala pandangan kedua pula dipegang oleh Imām al-Shāfi'ī

---

<sup>87</sup> Hāshim bin Muḥammad Nāqūr, *Aḥkām al-Siyāhah wa Āthāriha : Dirāsah Syar'iyah Muqāranah*, (Arab Saudi : Dār Ibn Jawzī, 2003), 273.

<sup>88</sup> Hudayl Uthmān Maḥmūd, "Aḥkām Hajj al-Nisā' fī al-Fiqh al-Islāmī"(Tesis sarjana, Universiti al-Najah al-Waṭāniyah, Nablus, Palestin, 2016), 17.

<sup>89</sup> Abū Bakar bin Mas'ud bin Aḥmad al-Kasānī, *Badai' al-Sanāl' fī Tartīb al-Syarāl'*, (Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986), 123.

<sup>90</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Mūsā al-Hashīmī, *Al-Irsyād fī Sabīl al-Rasyād*, (Beirut : Muasasah al-Risālah, 1998), 156.

dan Imām Mālik<sup>91</sup> yang mengatakan sebaliknya. Walau bagaimanapun, kelonggaran tersebut hanya diberikan untuk wanita melakukan haji atau umrah wajib sahaja.<sup>92</sup>

Pendapat Imām al-Shāfi‘ī ini seterusnya disokong oleh Hudayl ‘Uthmān Maḥmūd dalam kajian sarjananya yang menyatakan bahawa konsep mahram bukan satu elemen khas yang berada di bawah syarat mampu bagi wanita untuk menunaikan haji dan umrah. Beliau berpendapat bahawa wanita boleh pergi menunaikan haji dan umrah tanpa ditemani mahram atau suaminya tetapi harus bersama segolongan wanita yang amanah atau segolongan orang yang dipercayai daripada kalangan lelaki dan wanita. Hal ini adalah kerana sistem pengangkutan moden kini seperti kapal terbang membawa sejumlah besar manusia menuju ke destinasi yang sama dengan tujuan yang sama iaitu untuk menunaikan haji dan umrah. Maka, pengkaji ini merasakan tiada isu wanita pergi menunaikan haji dan umrah bersendirian dengan adanya jemaah yang lain. Selain itu, konsep mahram ini diaplikasi untuk menjaga keamanan yang mana kini keamanan wanita mampu dijaga oleh pegawai keselamatan dan polis.<sup>93</sup>

Selain itu, kelonggaran untuk bermusafir tanpa mahram juga diberikan kepada wanita untuk tujuan bekerja dan mencari nafkah. Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī dalam kitabnya *Fatāwā al-Mu‘āṣirah* mengatakan istilah musafir itu merangkumi segala jenis perjalanan seperti musafir dengan tujuan ziarah, berniaga, menuntut ilmu dan sebagainya yang mana ia turut perlu diberikan kelonggaran mengikut kepada keadaan semasa.<sup>94</sup> Ini bermakna, menurut Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī kelonggaran kepada wanita untuk bermusafir tidak

---

<sup>91</sup> Al-Sayyid Sabīq, *Fiqh al-Sunnat*, Jilid Pertama : Bab Haji, (Beirut, Lubnan, Dar al-Kitab al-Arabi, 1973), 634.

<sup>92</sup> Ibid.

<sup>93</sup> Hudayl ‘Uthmān Maḥmūd, “Aḥkām Hajj al-Nisā’ fī al-Fiqh al-Islāmī” (Tesis sarjana, Universiti al-Najah al-Waṭāniah, Nablus, Palestin, 2016), 17.

<sup>94</sup> Yūsuf al-Qarḍāwī, *Fatāwa Mu‘āṣirah*, (al-Kuwayt : Dar al-Qalam, 2000), 305.

hanya terbatas kepada wanita yang ingin menunaikan haji dan umrah wajib sahaja, tetapi turut melibatkan pelbagai jenis pemusafiran, termasuk bagi wanita yang ingin bermusafir untuk bekerja yang dilihat kepada keperluan wanita kepada kelonggaran ini disebabkan oleh beberapa perubahan *'urf*.

Pendapat Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī ini turut disokong oleh Qays bin Muḥammad 'Alī di dalam bukunya yang memberikan kelonggaran kepada wanita yang bermusafir untuk bekerja. Pada asasnya tetap sama, iaitu tegahan untuk keluar rumah bagi wanita tanpa suami atau mahram. Tetapi setelah melihat kepada perubahan demi perubahan yang berlaku memerlukan wanita untuk bekerja. Lalu, kelonggaran diberikan dengan syarat wanita tersebut mendapat izin suami jika sudah berkahwin atau mendapat izin walinya.<sup>95</sup> Tambahan pula, kajian yang dilakukan oleh Ghāliāh Makhnaṣ di dalam kajian sarjananya telah menyatakan bahawa hak wanita untuk keluar bekerja adalah harus jika ia adalah bertujuan untuk mencari nafkah yang tidak mampu diberikan oleh golongan yang wajib memberikan nafkah kepadanya.<sup>96</sup>

Adapun begitu, konsep mahram ini turut menjadi isu pertikaian oleh golongan aktivis dan feminis melalui pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang mana tunjang utama pertubuhan mereka adalah untuk memperjuangkan hak wanita daripada terus di eksploitasi oleh golongan lelaki.<sup>97</sup> Liv Tonnessen melalui penulisannya mendapati bahawa penguatkuasaan sistem mahram atau juga dikenali sebagai *male guardianship* di Arab Saudi telah menjadi isu besar apabila para aktivis dan feminis telah menolak tafsiran yang

---

<sup>95</sup> Qays bīn Muḥammad 'Alī Shaykh Mubārak, *Min Fat w al-'Asri f Naw zilihi wa Mustajiddatihi*, (Jordan: Arwaqiyah, 2013), 265-266.

<sup>96</sup> Ghāliāh Makhnaṣ, "Ḥuqūq al-Marāh fī daw-i Maqāsīd al-Syari'ah" (Tesis sarjana, Universiti Batna, Algeria, 2015), 215-238.

<sup>97</sup> Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari, *Islam dan Emansipasi Wanita*, (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2007), 1-5.

dipegang oleh para ulama terhadap surah Al-Nisā' ayat 34 dengan mengatakan bahawa ayat tersebut telah disalah tafsir dan seterusnya menjadikan golongan lelaki diberi kuasa autoriti untuk mengawal kehidupan wanita secara total. Selain itu, mereka juga berpendapat bahawa konsep mahram ini telah menjadi penghalang terbesar kepada golongan wanita kerana ia adalah melambangkan kepada sikap tidak hormat lelaki Saudi kepada wanita.<sup>98</sup>

Di samping itu, gaya pemikiran masyarakat yang berpegang kepada tuntutan wanita untuk mengabdikan diri kepada keluarga sebagai isteri yang taat, ibu yang bertanggungjawab dan anak yang berbakti telah menjadi isu dalam kalangan feminis di Malaysia. Mereka telah menolak konsep ketaatan wanita terhadap suami yang mengongkong wanita dengan keperluan kepada izin suami atau mahram jika wanita tersebut ingin keluar dan melakukan aktiviti di luar rumah. Hal ini adalah kerana, mereka berpendapat bahawa wanita juga mempunyai hak untuk melakukan apa sahaja yang mereka ingin lakukan seperti bekerja di luar rumah untuk memenuhi kehendak sosial mereka sebagai manusia biasa. Konsep ketaatan kepada suami atau mahram ini telah bertentangan dengan hak asasi wanita yang sepatutnya berdiri sama taraf dengan lelaki kerana ia menjadikan wanita itu golongan manusia kedua dibawah kaum lelaki.<sup>99</sup>

Sehubungan dengan itu, jelas bahawasanya kajian mengenai konsep mahram dalam musafir wanita dan kelonggaran yang diberikan kepada mereka lebih banyak disandarkan kepada ibadah haji dan umrah sahaja. Manakala kajian yang melibatkan musafir wanita dengan tujuan selain haji dan umrah masih lagi kurang dan terhad kepada musafir dengan tujuan bekerja dan belajar sahaja dan tidak menyentuh tentang musafir sunat khususnya

---

<sup>98</sup> Liv Tonnessen, "Women's Activism in Saudi Arabia : Male Guardianship and Sexual Violence", *CMI Report*, 2016, 1-25.

<sup>99</sup> Norani Othman, "Muslim Women and the Challenge of Islamic Fundamentalism or Extremism : An Overview of Southeast Asian Women's Struggle for Human Rights and Gender Equality," *Women's Studies International Forum* 29, 2006, 342.

pengembaraan atau aktiviti *backpack* mengikut konteks semasa. Pengkaji juga mendapati bahawa masih banyak kelompangan yang perlu diisi oleh pengkaji mengenai perkara ini kerana khilaf antara ulama menjadikan wanita zaman moden ini keliru mengenai hukum bermusafir sendirian tanpa mahram. Malah, terdapat wanita-wanita moden kini menganggap konsep mahram ini tidak lagi relevan untuk diamalkan. Hal ini kerana, kemajuan dunia telah mengubah keadaan persekitaran yang menjadikan konsep mahram itu mengongkong kebebasan wanita.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian merupakan sistem yang merangkumi kaedah-kaedah tertentu yang digunakan oleh pengkaji untuk membuat sesuatu kajian. Ia juga adalah kaedah yang digunakan oleh pengkaji sama ada mengumpul data atau menganalisis data.<sup>100</sup> Penggunaan metodologi ini mampu menjamin kesahihan sesuatu maklumat yang dikaji. Terdapat dua jenis reka bentuk kajian yang selalunya digunapakai oleh para pengkaji, iaitu reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif bagi keseluruhan kajian.

### **1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah kajian perpustakaan; dokumentasi dan juga kajian lapangan; temu bual. Kajian perpustakaan dilakukan bagi mengkaji semula konsep permusafiran wanita berdasarkan pandangan fuqaha yang pelbagai. Manakala temu bual pula dilakukan untuk menguatkan lagi fakta dan dapatan hasil kajian.

---

<sup>100</sup> Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 54.

**i. Kajian Perpustakaan**

a) Metode Dokumentasi

Bagi kajian ini, metode dokumentasi diaplikasi ke atas sumber primer yang terdiri daripada sumber rujukan utama agama Islam seperti al-Quran dan al-Hadith, kitab-kitab fiqh mazhab muktabar; mazhab al-Shafi'iyah, mazhab al-Malikiyyah, mazhab al-Hanafiyah dan mazhab al-Hanabilah. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti sumber asal hukum musafir wanita melalui Al-Quran dan As-Sunnah, seterusnya mengambil pandangan-pandangan ulama' mazhab muktabar terdahulu berhubung isu ini.

Selain penelitian dari sumber primer, pengkaji juga meneliti dokumen dari sumber sekunder yang berbentuk jurnal artikel dan beberapa laman sesawang yang dipercayai ketepatan maklumatnya bagi mendapatkan data yang diperlukan. Penelitian ini bertujuan untuk melihat kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana kontemporari Islam mahupun barat berhubung dengan tajuk kajian.

**ii. Kajian Lapangan**

a) Metode Temu Bual

Metode ini diaplikasi untuk mendapatkan maklumat bagi objektif kajian yang ketiga. Penggunaan metode ini adalah untuk menjadikan data temu bual itu sebagai sandaran realiti kepada aktiviti *backpack*. Data ini dianalisis untuk menetapkan hukum semasa dan garis panduan berkaitan permusafiran wanita dalam bentuk aktiviti *backpack*. Selain itu, dengan menggunakan temu bual juga, pengkaji boleh mendapatkan maklumat mengenai kepercayaan, perasaan, dan sebagainya yang ditonjolkan oleh informan yang diperlukan untuk mencapai sesuatu matlamat kajian.

Maklumat temu bual ini direkod oleh pengkaji semasa tempoh temu bual informan ini dilakukan melalui rakaman audio video.<sup>101</sup> Kemudian, data berbentuk rakaman suara ini ditukar kepada bentuk bertulis secara transkripsi. Metode temu bual ini membantu pengkaji untuk menguatkan lagi fakta dan data yang diperolehi melalui metode dokumentasi. Hal ini adalah kerana, data temu bual membolehkan pengkaji melihat dan memahami realiti sebenar aktiviti *backpack*. Seterusnya, ia dijadikan sandaran kepada penilaian semula hukum aktiviti *backpack* dalam konteks semasa.

Maka, pengkaji mengaplikasikan kaedah ini dengan menemu bual dua orang informan. Pengkaji memilih informan-informan ini adalah berdasarkan kepada dua kriteria utama iaitu *backpacker* wanita dan mereka menulis serta berkongsi pengalaman pengembaraan mereka di dalam buku bergenre travelog. Maka, pengkaji merasakan bahawa pemilihan informan ini adalah bertetapan dengan skop kajian yang dilakukan yang berfokuskan kepada penglibatan wanita di dalam aktiviti *backpack*. Soalan temu bual berbentuk temu bual mendalam (*in depth interview*) telah diajukan semasa proses temu bual ini dan data-data tersebut telah di rakam sebelum di transkripsi.

Keseluruhan temu bual ini memfokuskan kepada enam item utama, iaitu pengalaman informan, faktor kecenderungan dalam pemilihan bentuk aktiviti *backpack* dan destinasi, persediaan informan, risiko dan implikasi, pemahaman serta pandangan mereka terhadap konsep dan hukum permusafiran wanita.

---

<sup>101</sup> Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 54.

### **Informan Satu.**<sup>102</sup>

Beliau merupakan seorang pencinta aktiviti pengembaraan sejak 10 tahun yang lalu bermula sejak berada di alam universiti. Cintanya terhadap aktiviti pengembaraan khususnya aktiviti *backpack* semakin berkembang setelah tamat belajar dan mula melakukan aktiviti ini ke pelbagai destinasi pilihan. Beliau lebih cenderung untuk memilih kawasan pergunungan, terpencil, kurang informasi di dalam internet, jarang dikunjungi pelancong serta lokasi-lokasi konflik seperti Afghanistan, Pakistan, Iraq dan India. Seterusnya, pengalaman-pengalaman yang diperoleh melalui aktiviti *backpack* ini dikongsi dan dibukukan dalam dua buah travelog yang diterbitkan sendiri pada tahun 2015 dan 2016.

### **Informan Dua.**<sup>103</sup>

Beliau merupakan seorang penulis yang mempunyai minat mendalam terhadap aktiviti *backpack* dan telah banyak menghasilkan pelbagai genre buku. Beliau pernah mengembara secara solo dan berkumpulan ke pelbagai destinasi termasuklah secara solo ke Israel dan Korea Utara. Beliau turut mempunyai misi untuk menjejaki kawasan-kawasan yang dinobatkan sebagai 7 keajaiban dunia (*7 Wonders of the World*). Cintanya terhadap aktiviti *backpack* ini dikongsi kepada masyarakat umum melalui blognya; [www.azuzafu.com](http://www.azuzafu.com) yang berkisarkan kepada pengalaman, tips dan teknik untuk melakukan aktiviti *backpack* ke pelbagai destinasi secara solo dan berkumpulan. Seterusnya perkongsian beliau ini diperluaskan melalui buku travelog yang diterbitkan oleh Nuun Creative Books pada tahun 2017.

---

<sup>102</sup> Temu bual bersama informan satu telah dijalankan di Nyonya Colors, Nu Sentral, Kuala Lumpur pada 14 Mac 2017, pada jam 3 petang sehingga 4.30 petang.

<sup>103</sup> Temu bual bersama informan dua telah dijalankan di PWTC Kuala Lumpur pada 30 April 2017, pada jam 3 petang hingga 4.30 petang.



### 1.8.2 Kaedah Analisis Data

Bagi menganalisis semua yang diperolehi, pengkaji menggunakan beberapa kaedah seperti berikut :

#### a) Metode Induktif

Data-data yang bersifat khusus akan dianalisis dan diperhalusi setiap fakta untuk membuat dan mencari kesimpulan yang bersifat terbuka atau umum. Pengkaji menggunakan metode ini untuk menganalisis data melalui cara berfikir yang mencari pembuktian daripada perkara-perkara yang bersifat umum. Metode ini digunakan untuk menganalisis fakta yang di kaji mengenai konsep keperluan mahram kepada permusafiran wanita dalam konteks semasa.

#### b) Metode Deduktif

Metode ini pula digunakan oleh pengkaji dalam membuat pernyataan khusus berkaitan semua data dan maklumat umum tentang perkara yang dikaji dan seterusnya membuat kesimpulan. Metode ini digunakan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi wanita, impak dan kekangan serta kelonggaran yang diberikan kepada mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti *backpack* ini menurut syariat Islam.

#### c) Metode Komparatif

Melalui metode ini, pengkaji membuat rumusan dan mencari perbezaan terhadap data-data yang diperolehi. Segala data yang berupa maklumat, fakta dan pendapat yang berkait dikumpulkan dan dianalisis sebagai perbandingan untuk mendapatkan hasilnya. Metode ini diaplikasi melalui perbandingan konseptual mahram menurut sarjana Islam klasik dan kontemporari serta konseptual aktiviti *backpack* menurut sarjana Barat dan Islam.

#### **d) Metode Analisis Kandungan**

Metode ini merujuk kepada penganalisaan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat yang diperolehi secara tersurat. Ia boleh dilakukan melalui penelitian terhadap sumber-sumber maklumat dengan mengenal pasti konsep dan menghurai secara mendalam terhadap konsep-konsep yang telah dikenal pasti.<sup>104</sup> Melalui metode ini, pengkaji menganalisis kandungan temu bual yang dilakukan bersama informan yang terdiri daripada *backpacker* wanita sebelum melakukan proses transkripsi terhadap temu bual tersebut.

### **1.9 KESIMPULAN**

Kemajuan dan perkembangan sains dan teknologi yang menjadi faktor kepada perubahan sosial zaman moden. Perubahan ini dilihat telah melibatkan semua aspek termasuk adat kebiasaan wanita yang melazimi rumah. Jika dahulu golongan wanita ini hanya keluar untuk melengkapkan apa yang difardhukan ke atas mereka melalui ibadah haji dan umrah.

Namun kini, mereka lebih berani untuk melangkah keluar dari tampuk adat kebiasaan dan pergi ke dunia luar yang lebih mencabar dengan melibatkan diri dalam aktiviti *backpack*. Maka, terjadilah pengabaian konsep mahram dalam permusafiran wanita secara berleluasa. Kajian ini bertujuan untuk memberi panduan hukum kepada wanita di luar sana untuk melakukan aktiviti yang biasanya dilakukan oleh golongan lelaki ini. Wanita kini merasakan bahawa mahram dalam permusafiran wanita itu tidak diperlukan lagi.

---

<sup>104</sup> Ahmad Munawir Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali, *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*, (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 71.

## BAB 2 : KONSEP PERMUSAFIRAN WANITA DALAM ISLAM

### 2.1 PENGENALAN

Mahram merupakan suatu penetapan yang telah disyariatkan oleh Islam kepada wanita untuk memelihara ketinggian darjat serta kemuliaan wanita. Pensyaratan mahram ini juga sering dikaitkan dengan ibadah haji dan umrah di mana para ulama sudah bersepakat bahawa seseorang wanita memerlukan mahram untuk membolehkannya pergi menunaikan haji dan umrah.

### 2.2 KONSEP PERMUSAFIRAN

#### 2.2.1 Konsep Musafir Dalam Islam

Secara umumnya, Islam sangat menggalakkan manusia untuk keluar bermusafir dan mengembara di atas muka bumi ini. Galakan bermusafir ini jelas dinyatakan di dalam beberapa ayat di dalam al-Quran yang menjadikannya sesuatu yang perlu dititik beratkan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Mulk ayat 15 :

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ رُضًا فَأَنْشُرُوا فِيهَا رَبِّهَا وَلُغُلًّا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ مَوَازِيِحَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ أَسْفَلَ سَفَاتِهَا فَجَعَلَ الْأَنْهَارَ جَارِيًّا تَحْتِهَا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ نَارًا فَتَلْمِزُهَا نَارٌ مُّزْمَزَةٌ تَخِشُّ كَأْسًا فَصَلَكَ اللَّهُ يَوْمَ الْفَتْخِ الْأَسْفَلَ مِنْ السَّمَاءِ حُدُودًا كَانَ فِي الْقُرْآنِ عِلْمًا لِقَوْمٍ عَلِيمِينَ

Al-Mulk 67:15

Terjemahan : Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: Mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).

Musafir berasal dari perkataan Arab sa-fa-ra (فِر) yang membawa maksud menempuh jarak yang jauh.<sup>105</sup> Ulama klasik turut mendefinisikan musafir mengikut pandangan mereka. Imām al-Jurjānī mendefinisikannya sebagai keluar dengan niat dan tujuan untuk melakukan perjalanan selama tiga hari tiga malam<sup>106</sup> dengan menunggang unta atau berjalan kaki.<sup>107</sup> Manakala Imām al-Ghazālī pula berpendapat bahawa musafir ialah orang yang berpindah dari tempat bermukim ke tempat tuju yang mempunyai niat atau tujuan yang tertentu<sup>108</sup>.

Sarjana Islam kontemporari, Jamīl Muḥammad bin Mubārak pula mengatakan bahawa permusafiran merupakan *'illat* kepada beberapa rukhsah seperti pengharusan berbuka puasa, qasar dan jama' solat disebabkan oleh kelaziman permusafiran itu akan menghadapi kesusahan dan kepayahan.<sup>109</sup> Maka, perbuatan musafir ini boleh didefinisikan sebagai suatu perbuatan yang melibatkan seseorang keluar dan berpindah dari tempat bermukim untuk melakukan perjalanan selama beberapa hari dengan pelbagai tujuan yang khusus yang menjadi *'illah* kepada beberapa rukhsah dalam ibadat.

Pada masa yang sama, konsep musafir yang melibatkan pelbagai tujuan yang khusus ini turut dikategorikan sebagai *siyāḥah* atau pelancongan di dalam Islam. Ini adalah berdasarkan kepada lafaz (السَّيْحُونَ) di dalam surah al-Tawbah ayat 112 :

السَّيْحُونَ الَّذِينَ يَمْشُونَ الْأَرْضَ بِعَدُوِّهِمْ أَصْحَابُ الْحَدِيثِ يَخِيضُونَ الْأَرْضَ وَهُوَ غَادِقَةٌ مُدُودٌ وَهُوَ غَادِقَةٌ مُدُودٌ  
وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ آلِهِمْ وَنَحْوِهِمْ يَحِيضُونَ ۝ ۱۱۲

Al-Tawbah 9:112

<sup>105</sup> Ibn Manẓur, *Lisān al-‘Arabī*, (Beirut : Dār al-Sādir,1990), 4:367.

<sup>106</sup> ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī al-Jurjānī, *Al-Ta‘rifat*, (Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1984), 1:271.

<sup>107</sup> *Ibid.*, 157.

<sup>108</sup> Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Ihya’ ‘Ulūmuddīn*, (Beirut: Dār al-Ma‘arīfah, t.t) , 2:245.

<sup>109</sup> Jamīl Muḥammad bin Mubārak, *Nazriyat al- arurat al-Syar‘iyyat : Hud duh wa Daw bitih* , (Mansurah, Mesir : Dār al-Wafā’, 1988), 168.

Terjemahan : (Mereka itu ialah): Orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara, yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah dan gembirkanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian).

Lafaz ﴿الْمُحْسِنُونَ﴾ ini secara zahirnya adalah orang yang berjalan dan mengembara di atas muka bumi untuk mengambil iktibar. Menurut Imām al-‘Izz bin ‘Abd al-Salām, lafaz tersebut ditafsirkan sebagai mujahid atau orang yang berpuasa atau orang yang berhijrah atau menuntut ilmu.<sup>110</sup> Di samping itu, terdapat dua jenis perjalanan yang dikategorikan sebagai berjalan di atas muka bumi iaitu berjalan di atas muka bumi untuk melihat kesan-kesan orang yang binasa, dan juga berjalan di atas muka bumi untuk melihat kebesaran ciptaan Allah SWT.

Berjalan di atas muka bumi untuk melihat kesan-kesan orang yang binasa akibat daripada perbuatan mendustakan para nabi dan rasulNya serta kesan daripada kekafiran kepada Allah SWT. Musafir jenis ini boleh dilihat melalui beberapa firman Allah di dalam al-Quran seperti di dalam surah al-Rūm ayat 9 :

أولم يهين رُوقِي أَرْضِ فِين ظُرُوا الحَيْفَ كَان عِبَّةُ لآفِين مِن قَلِي هُم كَلُوا وَآثَرُوا هُم قَوْلُهُ وَتَبَارُوا أَرْضَ وَعَمَرُوا هَا الظَّر مَا عَمَرُوا هَا وَجَآئَهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَان لِي ظَمُّهُمْ وَلَكِن كَانُوا قَسَّ هُمِي ظَمُون ٩

Al-Rūm 30:9

Terjemahan : Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka dan orang-orang itu juga telah didatangi oleh Rasul-rasulnya dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (lalu mereka mendustakannya dan kesudahannya mereka dibinasakan). Dengan yang demikian, maka Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.

<sup>110</sup> ‘Izz al-Dīn bin ‘Abd al-Salām, *Tafsīr al-‘Izz bin ‘Abd al-Salām : Tafsīr al-Quran*, (Beirut : Dār Ibn Ḥazm, 1996), 1:438.

Manakala, berjalan di bumi untuk melihat kebesaran ciptaan Allah SWT. Musafir jenis ini pula boleh ditelusuri melalui firman Allah di dalam surah al-Ankabut ayat 20 :

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ آيُنظُرُوا إِلَى الْخَلْقِ أَجْرَةً إِنَّ  
كُلَّ شَيْءٍ عِنْدَ رَبِّهِ ۚ ٢٠

Al-‘Ankabūt 29:20

Terjemahan : Katakanlah, mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baru. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Jelas, musafir dalam konteks pelancongan atau s ini merupakan salah satu elemen yang penting dan bernilai kepada orang-orang yang berakal kerana ia mampu membantu seseorang untuk menambah dan membina iman dalam diri manusia<sup>111</sup> dan seterusnya ia mampu menjadikan manusia lebih khusyuk dalam ibadahnya. Hal ini kerana, musafir dalam perspektif Islam sangat berkait rapat dengan perjalanan yang meliputi kebesaran dan kekuasaan Allah SWT yang mampu menjadikan manusia lebih taat kepadaNya.

Selain itu, Islam telah menetapkan jenis-jenis permusafiran yang pada asasnya ia memenuhi tuntutan syarak dan tidak melanggar batas-batas Islam. Menurut Imām al-Ghazālī di dalam kitabnya, musafir terbahagi kepada empat<sup>112</sup>, iaitu :

- 1) Musafir dalam menuntut ilmu. Hukumnya sama ada wajib atau sunat dan ia berdasarkan ilmu yang ingin dituntut oleh seseorang itu.
- 2) Musafir kerana ibadah iaitu dalam tuntutan haji atau berjuang di jalan Allah.

<sup>111</sup> Hāshim bin Muḥammad Nāqūr, *Aḥkām al-Siyāhah wa Āthāriha : Dirāsah Syar’iyyah Muqāranah*, (Arab Saudi : Dār Ibn Jawzī, 2003), 42.

<sup>112</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūd n*, (Beirut : Dār al-Ma’rifah,t.t), 2:245.

- 3) Musafir untuk melarikan diri dari perkara yang mengelirukan agama.
- 4) Musafir kerana lari daripada perkara yang membinasakan badan seperti penyakit taun atau keburukan pada harta.<sup>113</sup>

Di samping itu, ulama klasik tidak lari daripada membincangkan hukum musafir secara umum. Menurut Al-Qaḥṭānī dalam kitabnya, hukum bagi musafir terbahagi kepada lima<sup>114</sup>, iaitu:

- 1- **Musafir haram** yang melibatkan perjalanan untuk melakukan perkara yang diharamkan oleh Allah SWT dan RasulNya. Ia termasuklah perjalanan untuk berniaga arak dan perjalanan wanita tanpa mahram.
- 2- **Musafir wajib** yang dilakukan untuk menunaikan kewajipan seperti haji dan umrah wajib.
- 3- **Musafir sunat** seperti haji dan umrah sunat.
- 4- **Musafir harus** melibatkan perjalanan untuk melakukan perkara-perkara harus seperti ziarah.
- 5- **Musafir makruh** pula seperti musafir sendirian tanpa peneman kecuali pada keadaan yang tidak memerlukan.

Maka, konsep musafir dan hukumnya dalam Islam bergantung kepada beberapa syarat yang perlu dipenuhi. Antaranya melibatkan syarat mahram bagi wanita ketika bermusafir.

---

<sup>113</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulūddīn*, (Beirut : Dār al-Ma'rifah,t.t), 2:245.

<sup>114</sup> Sa'īd bin 'Alī bin Wahāb al-Qaḥṭānī, *Al-Safar wa Ahkāmihī fī daw-I Al-Kitāb wa Al-Sunnat*, (Arab Saudi : Wizārat al-Shuūn al-Islāmiyyah wa al-Auqāf wa al-Da'wah wa al-Irshad, 2001), 5.

## 2.3 PENSYARATAN MAHRAM BAGI WANITA KETIKA BERMUSAFIR

### 2.3.1 Definisi Mahram

Secara umumnya, mahram merupakan perkataan bahasa Arab yang bermaksud sesuatu yang diharam. Mahram juga sering disebut sebagai muhrim<sup>115</sup> di dalam bahasa Melayu oleh penuturnya yang mana ia turut membawa maksud yang sama dengan mahram. Manakala di dalam bahasa Inggeris pula, para sarjana kontemporari Barat menggunakan istilah *male guardianship* sebagai terjemahan kepada konsep mahram ini.<sup>116</sup>

Definisi mahram ini telah banyak dibincangkan oleh para sarjana Islam klasik di dalam penulisan mereka. Mereka bersependapat bahawa mahram itu adalah lelaki yang haram ke atas wanita dengan sebab nasab atau keturunan seperti bapa dan saudaranya, atau haram dengan sebab yang harus seperti suami, bapa suami dan anak suaminya, atau anak dari penyusuan dan saudaranya.<sup>117</sup> Maka, ia boleh disimpulkan bahawa mahram merupakan lelaki yang diharamkan untuk menikahi wanita selama-lamanya, disebabkan adanya hubungan nasab, hubungan pernikahan, dan penyusuan.<sup>118</sup>

Penetapan golongan yang diharamkan bagi lelaki untuk dinikahi adalah bersandarkan kepada firman Allah SWT di dalam surah Al-Nisā' ayat 23 :

خُرْمَتُكُمْ نِسَائُكُمْ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ  
الْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ وَالْأَخْيَارُ  
بِهِنَّ أَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ  
أَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ وَأَنْ تَنْكِحُنَّ

Al-Nisā' 4:23

<sup>115</sup> Haji Dusuki Haji Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, (Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1976), 227.

<sup>116</sup> Liv Tonessen, "Women's Activism in Saudi Arabia : Male Guardianship and Sexual Violence," CMI Report, 2016, 8.

<sup>117</sup> 'Abd al-'Azīz bin Bāz, *Majmu' Fatāwā Al-'Allāmah 'Abdul 'Azīz bin Bāz*, (Riyadh : Dār al-Qāsim, t.t), 8:336.

<sup>118</sup> Muḥammad bin Ṣālih al-'Uthaimīn, *Fat Ark al-Isl m*, (Arab Saudi : Dār al-Thurayya, 2005), 2:507.



Terjemahan: Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Berdasarkan ayat ini, jelas bahawa Allah SWT telah melarang seluruh hambaNya lelaki mahupun wanita daripada mengahwini beberapa golongan disebabkan oleh tiga faktor utama yang menjadi tunggak kepada konsep mahram ini. Ia meliputi faktor nasab atau keturunan, faktor penyusuan dan faktor persemendaan yang terhasil daripada ikatan perkahwinan.<sup>119</sup> Maka, mahram bagi wanita dapat disimpulkan seperti berikut :

### **2.3.2 Dalil-Dalil Pensyariatan Mahram Bagi Wanita**

Pensyariatan mahram bagi wanita adalah demi menjaga kemuliaan wanita dan ianya adalah keperluan yang sangat mendesak.

Konsep mahram bagi wanita ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT di dalam surah al-Nisā' ayat 23 yang mana melalui penafsiran ayat tersebut, pengkaji dapat meneliti dengan lebih mendalam tentang golongan yang termasuk di dalam kategori mahram tersebut. Selain itu, ia berkait rapat dengan pensyariatan konsep mahram bagi wanita ketika musafir yang mana ia adalah berdasarkan kepada dalil-dalil daripada hadith

---

<sup>119</sup> Al-Sayyēd Sābiq, *Fiqh al-Sunnat*, Bab Perkahwinan, (Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1973), 2:62-66.

Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh beberapa orang perawi hadits antaranya

Imām al-Bukhārī dan Imām Muslim. Rasulullah SAW bersabda <sup>120</sup>:

تَسْفِرُ لِمَرْأَةٍ إِ مَعَ ذِي مَحْرَمٍ وَ يَدْخُلُ نَحْيَهَا رَجُلٌ إِ وَمَعَهَا مَحْرَمٌ  
فَقَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ لِي أُبَيِّدُ أَنْ أَخْرُجَ مِنِّي حَيْثُ كَذَا وَكَذَا وَامْرَأَتِي  
تُبَيِّدُ لِحَجِّ فَقَالَ : أَخْرُجْ مَعَهَا.

Terjemahan : Tidak boleh seorang wanita bermusafir melainkan adanya mahram, dan tidak boleh dia bertemu dengan lelaki asing melainkan ada bersamanya mahramnya. Maka berkata seorang lelaki : Wahai Rasulullah, Aku hendak keluar ikut tentera begini dan begitu, sedang isteriku pula hendak menunaikan haji, maka Rasulullah berkata : Engkau keluar bersamanya (menunaikan haji).

Selain itu, Rasulullah SAW bersabda <sup>121</sup> :

يَجِلُّ مَرَأَتُومِنْ بَابِ الْوَالِدِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تَسْفِرَ مَهْرِي رَجُلٍ وَيَوْمَ الْآخِرِ  
مَعَهَا حُرْمَةٌ

Terjemahan : Tidak halal (tidak dibenarkan) bagi wanita yang beriman kepada Allah dan hari akhirat untuk bermusafir selama sehari semalam tanpa mahram menemaninya.

Muslim pula meriwayatkan, daripada Abī Sa‘īd al-Khudrī berkata, Rasulullah SAW bersabda <sup>122</sup> :

يَجِلُّ مَرَأَتُومِنْ بَابِ الْوَالِدِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تَسْفِرَ سَفَرًا يَكُونُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ  
فَهِيَ أَعْدَا إِ وَمَعَهَا أَبٌ أَوْ بَلِيغٌ أَوْ زَوْجٌ أَوْ أَخٌ أَوْ نَوْ مَحْرَمٌ فِيهَا

Terjemahan : Tidak halal (tidak dibenarkan) bagi tiap wanita yang beriman kepada Allah dan hari akhirat untuk bermusafir selama tiga hari atau lebih melainkan ia bersama bapanya atau anak lelakinya atau suaminya atau saudara lelakinya atau mahramnya.

<sup>120</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Hajj, Bab Hajj al-Nisa’, no. Hadith 1862 . Lihat Abu ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” (Morocco : Fiḍā’ al-Fann wa al-Thaqāfah, t.t), 1:469.

<sup>121</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Jumu‘ah, Bab Fī Kam Yaqṣir al-Ṣolaṭ, no. Hadith 1086. Lihat Abu ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” (Morocco : Fiḍā’ al-Fan wa al-Thaqāfah, t.t), 1:283.

<sup>122</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Hajj, Bab Safar al-Mar’ah ma‘a Mahram ilā Hajj wa Ghairuh, no. Hadith 2390, dan Abū Dāwūd, Kitāb Manāsik, Bab Fī al-Mar’ah Tahujj bi Ghair Mahram, no. Hadith 1726. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim,” (Beirut : Dār Iḥya’ al-Turāth al-‘Arābī, t.t), 7:53 dan Abū Dāwūd Sulaymān al-Ash‘ath al-Azadī al-Sijistānī, “Sunan Abī Dāwūd,” (Beirut : Maktabah al-‘Asriyyah, t.t), 2:140.

Selain itu, Muslim turut meriwayatkan sabda Rasulullah SAW<sup>123</sup> :

يُطْهَرُونَ رَجُلًا بِامْرَأَةٍ وَإِذَا مَحْرَمٌ وَتَسْفِرُ امْرَأَةٌ إِذَا مَعَ ذِي  
مَحْرَمٍ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ امْرَأَتِي خَرَجَتْ حَاجَةً وَلِي  
لَقَدْ تَشَفَّيْتُ غَزْوَةً كَذَا وَكَذَا قَالَ: لَنْ يَطُوقَ حُجَّ مَعَ امْرَأَتِكَ.

Terjemahan : Janganlah seorang lelaki berdua-duaan dengan wanita kecuali bersamanya mahram, dan janganlah wanita bermusafir kecuali bersamanya mahram. Maka bangun seorang lelaki dan berkata : Wahai Rasulullah, sesungguhnya isteriku berhajat untuk haji dan aku telah mendaftarkan diri untuk perang itu dan ini. Rasulullah bersabda : Pergilah dan lakukan haji bersama isterimu.

Rasulullah SAW turut bersabda<sup>124</sup> :

لَا مَرَأَةَ عَوْرَةٍ إِذَا خَرَجَتْ لِلتَّشْرِيفِ هَذَا الَّذِي طَانُ

Terjemahan : Wanita adalah aurat. Maka apabila ia keluar (dari rumah) akan disambut oleh syaitan.

Maka, berlandaskan hadith-hadith Rasulullah SAW di atas, jelas menunjukkan bahawa secara asasnya wanita adalah dilarang sama sekali untuk keluar dari rumah dan melakukan permusafiran tanpa ditemani oleh bapa atau suami atau saudara lelaki atau mahramnya. Larangan ini pada dasarnya bukan kerana untuk mengongkong kehidupan dan kebebasan wanita, namun ia adalah demi menjaga kehormatan dan kemuliaan wanita yang tinggi martabatnya di sisi Islam.

Sebagai konklusi, wanita perlu taat dan takut dengan larangan yang telah ditetapkan oleh Islam dengan tidak melakukan sebarang permusafiran tanpa ditemani oleh mahram. Selain itu, para wali dan mahram wanita juga perlu menjalankan tanggungjawab dan amanah yang telah Allah SWT tetapkan kepada mereka untuk menjaga dan melindungi ahli

<sup>123</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Hajj, Bab Safar al-Mar'ah ma'a Mahram ilā al-Hajj wa ghairuh, no. Hadith 2391. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, "Ṣaḥīḥ Muslim", (Beirut : Dār Iḥya' al-Turāth al-'Arābī, t.t), 7:53.

<sup>124</sup> Hadith riwayat al-Tirmīdhī, Kitāb al-Raḍa' , Bab Mā Ja'ā fī Karahiyaṭ Dukhūl 'alā Mughībāt, no. Hadith 1093. Lihat Muḥammad bin 'Īsā al-Tirmīdhī al-Salamī, "Sunan al-Tirmīdhī," dalam Mawsu'at al-Hadīth al-Sharīf : al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh : Dār al-Salām, 2008), 1767. Hadith Hassan Gharīb.

keluarga mereka. Pensyaratan konsep mahram bagi wanita ketika bermusafir itu bukan bertujuan untuk mengongkong dan menyukarkan kehidupan wanita, tetapi ianya adalah sebagai salah satu cara untuk menjaga dan meninggikan martabat wanita di sisi Islam.

## **2.4 PANDANGAN ULAMA BERHUBUNG PENSYARATAN KONSEP MAHRAM BAGI WANITA KETIKA BERMUSAFIR**

### **2.4.1 Pandangan Ulama Klasik terhadap Permufafiran Wanita**

Kedudukan wanita di dalam Islam itu sangat istimewa dan Islam menganjurkan wanita untuk duduk di rumah demi menjalankan tanggungjawab yang khusus buat wanita. Wanita dianggap sebagai tunggak kepada sesebuah keluarga berdasarkan kepada peranan wanita untuk menjaga suami dan keluarga, serta mendidik dan mentarbiah anak-anak di rumah. Peranan ini sangat penting sehinggakan terdapat kebimbangan terhadap pendidikan anak-anak jika wanita terlalu ghairah mengejar dunia luar sehingga mengabaikan tugas asasi ini.

Maka, anjuran ini juga dijadikan dalil beberapa orang ulama klasik yang melarang wanita untuk keluar bermufafir dan bekerja di luar rumah. Ia adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT di dalam surah al-Aḥzāb ayat 33 :

قُلْ إِنِّي أُؤْتِيكُم مَّا كَفَرْتُ بِهِ أَنفُسِي وَأَنَا مَلَائِكَةٌ مَّرْسُومَةٌ وَأَطِيعُوا أَمْرَ اللَّهِ وَأَطِيعُوا أَمْرَ الرَّسُولِ وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ لِمُنَاسَاةِ رُؤُوسِكُمْ وَلِمُنَاسَاةِ عُضُدِكُمْ وَأَلْيَ الْيَدَيْنِ فَرَاغًا  
٣٣

Al-Aḥzāb 33:33

Terjemahan : Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliah zaman dahulu dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai Ahlul Bait dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).

Melalui ayat ini, mereka mengatakan bahawa Allah SWT memerintahkan wanita adalah lebih baik duduk di rumah dan melarang wanita untuk keluar yang akan menyebabkan mereka bercampur dan bergaul dengan lelaki-lelaki yang bukan mahramnya. Tambahan pula, mereka juga berpendapat bahawa ayat ini diturunkan kepada seluruh wanita dan wanita hanya dibenarkan untuk keluar dari rumah jika mempunyai keperluan yang mendesak dengan syarat wanita tersebut mesti mematuhi adab-adab wanita muslimah serta tidak menonjolkan perhiasan seperti wanita-wanita jahiliah.<sup>125</sup>

Adapun begitu, kebanyakan ahli tafsir telah berpendapat sebaliknya. Mereka mengatakan bahawa ayat ini diturunkan khusus kepada isteri-isteri Rasulullah SAW sahaja dan ia tidak merangkumi kepada seluruh wanita lain. Ia adalah berdasarkan kepada ayat sebelumnya di dalam surah yang sama, iaitu pada ayat 30 surah al-Aḥzāb yang menjadikan mereka berpendapat bahawa perintah Allah SWT itu khusus buat para isteri Rasulullah SAW sahaja.<sup>126</sup> Seterusnya menjadikan wanita secara umumnya tidak terikat secara mutlak dengan kewajipan untuk melazimi rumah.

Pada asasnya, ulama klasik telah membincangkan berkenaan konsep musafir bagi wanita yang merangkumi kepada dua aspek utama, iaitu musafir wanita bagi tujuan ibadah dan juga musafir wanita dengan tujuan harus. Kedua-dua aspek ini seterusnya tidak lari dari perbincangan topik utama berkaitan pensyarahan mahram bagi wanita untuk menilai status musafir wanita tersebut.

Secara umumnya, konsep mahram telah ditetapkan sebagai syarat tambahan bagi wanita untuk mengerjakan ibadah haji dan umrah. Terdapat dua pendapat yang menjadi

---

<sup>125</sup> Muḥammad Anwār al-Kashmirī, *Fayd al-B r i il aḥ ḥ al-Bukh r*, (India : al-Majlis al-‘Ilmī, 2005), 1:254.

<sup>126</sup> Nabilah Abdullah dan Wan Zulkifli Wan Hassan, “Nafkah Isteri Bekerja : Satu Tinjauan di Daerah Pasir Mas, Kelantan,” *Jurnal Fiqh*, No 7, 2010, 88.

tunggak utama kepada pensyariatian konsep mahram bagi wanita untuk melaksanakan kewajipan ibadah tersebut. Pendapat pertama berpegang kepada hukum wajib bagi wanita untuk ditemani oleh mahram mereka untuk menyempurnakan ibadah haji dan umrah mereka. Pendapat ini dipegang oleh Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Aḥmad bin Ḥanbal. Imām Abū Ḥanīfah telah berpendapat bahawa wanita yang belum bernikah dan tidak mempunyai mahram, maka mereka tidak diwajibkan untuk menyempurnakan ibadah haji dan umrah kerana ketiadaan mahram, iaitu suami.<sup>127</sup>

Pendapat Imām Abū Ḥanīfah ini adalah berlandaskan kepada hadith Rasulullah SAW yang melarang wanita untuk melakukan permusafiran tanpa mahram jika jarak perjalanan yang panjang serta melebihi tempoh tiga hari<sup>128</sup> seperti yang telah diriwayatkan oleh Muslim.<sup>129</sup> Manakala, Imām Aḥmad bin Ḥanbal pula berpegang secara teguh kepada zahir hadith Rasulullah SAW yang mana di dalam hadith-hadith tersebut, Rasulullah SAW telah mensyaratkan kepada suami atau mahram wajib menemani wanita yang ingin bermusafir untuk menunaikan haji kerana mahram menggalas tanggungjawab untuk melindungi keselamatan wanita.<sup>130</sup>

Pendapat kedua pula dipegang oleh Imām al-Shāfi‘ī dan Imām Mālik yang mempunyai pandangan sebaliknya. Mereka berpendapat bahawa mahram tidak diwajibkan bagi wanita untuk bermusafir dengan tujuan melaksanakan tuntutan haji dan umrah. Maka, pendapat ini telah membenarkan wanita untuk keluar bermusafir tanpa ditemani oleh suami

---

<sup>127</sup> Al-Kāsānī, *Baḥār al-Sunān fī Tartīb al-Syarḥ*, (Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1982), 2:124.

<sup>128</sup> Nūr al-Dīn ‘Itr, *Al-Hajj wa al-‘Umrah fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Madinah : Maktabah al-‘Arabiyah, 1969), 22.

<sup>129</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Hajj, Bab Safar al-Mar’ah ma’a Mahram ilā Hajj wa Ghairuh, no. Hadith 2390, dan Abū Dāwūd, Kitāb Manāsik, Bab Fī al-Mar’ah Tahujj bi Ghair Mahram, no. Hadith 1726. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim”, (Beirut : Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arābī, t.t), 7:53 dan Abū Dāwūd Sulaymān al-Ash’ath al-Azādī al-Sijistānī, “Sunan Abī Dāwūd,” (Beirut : Maktabah al-‘Asriyyah, t.t), 2:140.

<sup>130</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, (Mesir : Maktabah al-Qāhirah, 1970), 3:229.

atau mahram. Ia adalah berdasarkan kepada hadits yang diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī<sup>131</sup> :

أذن عمر رضي الله عنه زوج النبي صلى الله عليه وسلم في آخر حجّة  
حج طبعث معهنّ عثمان بن عفان وعبد الرحمن بن عوف

Terjemahan : ‘Umar Raḍi Allahu ‘Anhu telah membenarkan isteri-isteri Raulullah SAW untuk melaksanakan haji, maka diutuskan bersama mereka (untuk menemani) ‘Uthmān bin ‘Affān dan ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awf.

Menurut Imām al-Shāfi‘ī<sup>132</sup>, wanita diberi kelonggaran untuk melakukan permusafiran tanpa ditemani oleh suami atau mahram, tetapi wajib ditemani memadai seorang wanita merdeka yang dipercayai.<sup>133</sup> Namun, kelonggaran ini hanya diberikan kepada wanita yang ingin menyempurnakan haji wajib sahaja.<sup>134</sup>

Imām Mālik turut membolehkan wanita untuk keluar menunaikan haji dengan ditemani oleh wanita yang dipercayai. Adapun begitu, pandangan Imām Mālik ini berbeza sedikit dengan pandangan Imām al-Shāfi‘ī berkaitan bilangan wanita yang menggantikan mahram. Imām Mālik menetapkan wanita ditemani oleh sekumpulan<sup>135</sup> atau rombongan wanita<sup>136</sup> jika tidak mempunyai mahram atau mahramnya tidak mampu untuk menemaninya.<sup>137</sup>

<sup>131</sup> Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Hajj, Bāb Hajj al-Nisā’, no hadith : 1860. Lihat Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,” (Morocco : Fiḍā’ al-Fan wa al-Thaqāfah, t.t), 1:469.

<sup>132</sup> Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *Al-Umm*, (Mansurah, Mesir : Dār al-Wafā’, 2001), 164.

<sup>133</sup> Jamīl Muḥammad bin Mubārak, *Nazriyat al-arurat al-Syar’ iyyat : Hud duha wa Daw bitih* , (Mansurah, Mesir : Dār al-Wafā’, 1988), 369.

<sup>134</sup> Nūr al-Dīn ‘Itr, *Al-Hajj wa al-‘Umrah f al-Fiqh al-Isl* , (Madinah : Maktabah al-‘Arabiyyah, 1969), 22.

<sup>135</sup> Mālik bin Anas, *Al-Muwatta’*, (Beirut : Muassasah al-Risālah, 1998), 425.

<sup>136</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughni*, (Mesir : Maktabah al-Qahirah, 1970), 3:229.

<sup>137</sup> Mālik bin Anas, *al-Muwatta’*, (Beirut : Muassasah al-Risālah, 1998), 256.

Pada masa yang sama, pandangan Imām Mālik dan Imām al-Shāfi‘ī adalah selari dengan pandanganh Ibn Sirīn dan al-Auzā‘eī.<sup>138</sup> Walau bagaimanapun, Ibn Sirīn dan al-Auzā‘eī ini hanya bersetuju dengan pendapat Imām al-Shāfi‘ī dan Imām Mālik dari segi keharusan wanita untuk bermusafir tanpa mahram. Hal ini kerana, mereka berpendapat bahawa konsep mahram itu bukanlah syarat wajib bagi wanita untuk menunaikan haji, tetapi ia hanyalah syarat tambahan sahaja. Tambahan pula, al-Auzā‘eī turut memberi kelonggaran bagi wanita untuk bermusafir bersama golongan yang adil.<sup>139</sup> Kelonggaran wanita untuk bermusafir bersama wanita yang dipercayai ini adalah berlandaskan kepada hadith Rasulullah SAW<sup>140</sup>:

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَتْمٍ قَالَ بَيْنَمَا أَنَا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ بَدَأَهُ رَجُلٌ فَشَرَّكَ إِلَيَّ هَلْ لَكَ مِنْ شَيْءٍ أَخْرَجْتُكَ إِلَيَّ فَقَطَعَ النَّبِيُّ لِي فَقَالَ يَا عَدِيُّ هَلْ رَأَيْتَ لَمْ حَجِرَةَ قُلْتُ: لَمْ أَرَهَا وَقَدْ أُبَيِّتُ عِنْدَ أَهْلِهَا قَالَ فَإِنْ طَلَّتْ بِكَ حَجْرَةَ لَتَرَيْنَ لَظْفَيْنِ قَتَّتْ حُلَّ مِنْ لَمْ حَجِرَةَ تَضَى طَوْفًا لِلْكَعْبَةِ تَخَافُ أَحَدًا إِلَّا اللَّهَ.

Terjemahan : Daripada ‘Adī bin Hātim berkata : Ketika aku berada disisi Rasulullah SAW, datang seorang lelaki mengadu tentang kemiskinannya, kemudian datang lelaki lain mengadu tentang jalannya diganggu, maka Rasulullah bersabda : Wahai ‘Adī, adakah engkau telah melihat Hirah? Aku menjawab : Aku belum pernah melihatnya dan aku pernah mendengarkan tentangnya. Rasulullah bersabda : Sesungguhnya jika panjang usia, engkau akan melihat wanita berangkat (sendirian) dari Hirah sehingga tawaf di Ka‘abah, tidak ada yang ditakutinya melainkan Allah.

Berdasarkan kepada hadith ‘Adī bin Hātim ini, Rasulullah SAW telah memperlihatkan perihal keadaan masa hadapan yang mana ia melibatkan perubahan yang berlaku ke atas wanita. Melalui hadith ini, ia menunjukkan bahawa akan berlakunya permusafiran wanita secara bersendirian tanpa ditemani oleh mahram mereka dengan

<sup>138</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughn*, (Mesir : Maktabat al-Qahirah, 1970), 3:229.

<sup>139</sup> Ibid.

<sup>140</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, *ḥ al-Buk*, Kitāb al-Manāqib, Bab ‘Alāmāt al-Nubuwwah fi al-Islām, no. Hadith 3595. Lihat Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” (Morocco : Fiḍā’ al-Fan wa al-Thaqāfah, t.t), 2:927.



tujuan untuk melaksanakan tuntutan kewajipan haji dan umrah. Seterusnya hadith ini telah menjadi hujah yang dipegang erat oleh sebahagian ulama klasik dan kontemporari yang membenarkan wanita untuk keluar bermusafir tanpa ditemani oleh mahram, tetapi terbatas kepada ibadah haji dan umrah wajib sahaja, bukan kepada musafir dengan tujuan selainnya.

Di samping itu, Ibn Taymiyyah turut menegaskan bahawa pengharusan bagi wanita untuk bermusafir dalam konteks menunaikan ibadah haji tanpa mahram jika wanita tersebut tidak mempunyai bapa, tidak bernikah dan tidak mempunyai mahram, maka wanita tersebut diberikan kelonggaran untuk pergi menunaikan kewajipan haji bersama orang yang dipercayai sama ada anak perempuannya mahupun golongan wanita lain.<sup>141</sup>

Manakala hukum berkaitan musafir dengan tujuan selain daripada haji dan umrah telah dibincangkan oleh Imām al-Nawāwī. Imām al-Nawāwī telah diutarakan soalan mengenai hukum wanita melakukan perjalanan bertujuan ziarah, atau dengan tujuan perniagaan, beliau menegaskan bahawa terdapat dua pandangan yang utama yang diutarakan oleh para ulama.<sup>142</sup> Pandangan pertama mengharuskan wanita untuk bermusafir tanpa ditemani mahram dan pandangan kedua pula tidak mengharuskannya. Pandangan pertama dipegang oleh al-Shaykh Abū Ḥāmid, al-Mawardī dan al-Maḥmilī mengharuskan bagi wanita untuk bermusafir tanpa ditemani mahram dengan tujuan selain haji dan umrah seperti ziarah dan berniaga. Manakala pandangan kedua pula diutarakan oleh al-Qādī Hussayn dan al-Baghāwī pula tidak mengharuskannya kerana permusafiran wanita itu tanpa tujuan yang wajib.<sup>143</sup>

---

<sup>141</sup> Ibn Taymiyyah, *Fiqh al-Hajj*, (Beirut : Dār al-Fikr al-‘Arābī, 1997), 22.

<sup>142</sup> ‘Alī bin Naiyf al-Shahūd, *Mausu’ah al-Din al-Nasihah*, 5 : 176.

<sup>143</sup> Ibid.

Justeru, berdasarkan pendapat yang diutarakan oleh Imām al-Nawāwī ini menunjukkan bahawa terdapat sebilangan ulama yang telah memberikan kelonggaran kepada wanita untuk melakukan permusafiran tanpa ditemani mahram dengan pelbagai tujuan dan sebilangan ulama pula sebaliknya. Kelonggaran ini pada asasnya adalah berdasarkan kepada beberapa keadaan seperti kesukaran yang dihadapi oleh wanita untuk mendapatkan mahram untuk menemaninya melakukan perjalanan dan para fuqaha juga telah meletakkan syarat bagi wanita yang berada di dalam kesukaran tersebut, iaitu :

1. Permusafirannya mesti ditemani oleh beberapa orang wanita yang dipercayai.
2. Permusafiran wanita itu mestilah terjamin tahap keamanan dan keselamatan dari sebarang ancaman dan gangguan.

Penetapan syarat ini adalah berlandaskan kepada pandangan-pandangan yang telah diutarakan oleh para ulama klasik yang mana sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa wanita dibolehkan untuk bermusafir tanpa mahram dengan mengaplikasikan syarat yang pertama sahaja, iaitu perjalanannya ditemani oleh wanita-wanita yang dipercayai. Manakala sebahagian lain pula berpegang kepada pengaplikasian syarat kewujudan keamanan dan keselamatan yang terjamin sepanjang wanita itu melakukan perjalanan. Menurut Ibn Taymiyyah, harus bagi seseorang wanita yang terjamin keselamatannya untuk melakukan permusafiran, khususnya ibadah haji meskipun wanita itu tidak ditemani oleh mahramnya.<sup>144</sup>

Maka, para ulama klasik mempunyai dua pandangan utama berkaitan pensyariatian konsep mahram bagi wanita untuk bermusafir. Pandangan pertama tidak membenarkannya sama sekali berlandaskan kepada hujah yang kuat iaitu, hadith Rasulullah SAW. Manakala pandangan kedua pula adalah sebaliknya dengan membenarkan golongan wanita ini untuk

---

<sup>144</sup> Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, Kitab al-Hajj, (Beirut : Dār al-Ma‘rifah, 1965), 464-465.

bermusafir tanpa ditemani oleh mahram, tetapi perlu ditemani oleh wanita yang merdeka dan dipercayai serta wujudnya keamanan sepanjang perjalanan.

#### 2.4.2 Pandangan Ulama Kontemporari berhubung Permusafiran Wanita

Ulama kontemporari turut mempunyai pandangan tersendiri berkaitan permusafiran wanita dengan tujuan ibadah haji dan umrah serta permusafiran dengan tujuan yang harus. Bagi permusafiran wanita dengan tujuan ibadah haji dan umrah, *Lajnah al-Dāimah lil Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-If* telah bersependapat dengan ulama klasik berkaitan hukum bermusafir tanpa mahram bagi wanita untuk menunaikan ibadah haji dan umrah wajib. Seterusnya ulama kontemporari ini telah mengeluarkan fatwa berkaitan hukum wanita bermusafir tanpa mahram ini sebagai garis panduan kepada masyarakat awam. *Lajnah al-Dāimah lil Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-If* berpendapat bahawa penetapan konsep mahram bagi wanita dalam ibadah haji dan umrah itu adalah berdasarkan kepada penafsiran kalimat *sab* (سبي)<sup>145</sup> di dalam surah Ali-‘Imrān ayat 97 :

فِيهِ عَظِيمَاتٌ قَامَ بِالرَّيْمِ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ عَاهِدًا وَغِي النَّاسِ حَجَّ الْأَيْمَاتِ مِنْ  
لَلْبَطَاعِ إِلَيْهِ سَبِيًّا وَمَنْ لَفَرَافٍ غِي عَنْ الْأَيْمِينَ ٩٧

Ali-‘Imrān 3:97

Terjemahan : Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

Menurut *Lajnah al-Dāimah lil Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-If* , kalimah *sab l* tersebut merangkumi kepada mahram bagi wanita untuk membolehkan mereka melakukan perjalanan bagi memenuhi kewajipan haji dan umrah serta berpegang bahawa tidak wajib

<sup>145</sup> Pendapat Lajnah ad-Dāimah lil Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Ifā , dalam Muḥammad al-Munshīd, *Fat al-Mar’ah*, (Riyad, Arab Saudi : International Islamic Publishing House, 2008), 167.

bagi wanita untuk menunaikan haji dan umrah yang wajib jika tidak mempunyai mahram yang mampu menemaninya.<sup>146</sup> Pendapat ini seterusnya dilihat selari dengan pendapat yang dipegang oleh Ibn Bāz yang telah menetapkan bahawa hukum haji dan umrah wanita yang keluar untuk menunaikannya tanpa mahram ini adalah sah, namun wanita itu dianggap berdosa dan perlu bertaubat kerana perjalanannya adalah maksiat.<sup>147</sup>

Selain itu, Shaykh al-‘Uthaimīn juga telah menfatwakan bahawa sah haji seorang wanita yang tidak ditemani oleh mahramnya tetapi permusafirannya untuk menyempurnakan ibadah haji itu dianggap berdosa dan melakukan maksiat kerana melakukan perjalanan yang bertentangan dengan hadith Rasulullah SAW.<sup>148</sup> Kesimpulannya, ulama kontemporari lebih cenderung untuk berpegang kepada pendapat pertama ulama klasik yang mewajibkan kehadiran mahram bagi wanita ketika bermusafir. Walaupun mereka membenarkan wanita untuk bermusafir tanpa mahram dengan tujuan pelaksanaan ibadah haji dan umrah, tetapi mereka telah mengeluarkan fatwa bahawasanya permusafiran wanita itu adalah maksiat dan berdosa.

Manakala pendapat ulama kontemporari berkaitan permusafiran wanita dengan tujuan harus adalah berdasarkan beberapa fatwa semasa yang telah dikeluarkan oleh dengan melihat kepada keperluan semasa dan *‘urf* masyarakat kini. Maka, pengkaji dapat merumuskan fatwa-fatwa ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu; 1) tidak membenarkan sebarang bentuk permusafiran tanpa mahram, 2) membenarkan dengan syarat-syarat tertentu.

---

<sup>146</sup> Pendapat Lajnah ad-Dāimah lil Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā , dalam Muḥammad al-Munshīd, *Fat al-Mar’ah*, (Riyad, Arab Saudi : International Islamic Publishing House, 2008), 167.

<sup>147</sup> Ibid., 168.

<sup>148</sup> Muḥammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaimīn, *Fat Ark al-Isl* , (Arab Saudi : Dār al-Thurayya, 2005), 2 : 507.

**1) Tidak membenarkan atau melarang sebarang bentuk permusafiran wanita tanpa ditemani oleh suami atau mahram.**

Fatwa ini telah dikeluarkan dengan tegas dan tetap oleh mufti Arab Saudi di bawah *Lajnah al-Ilmiyyah wa al-Iftā'* yang melarang sama sekali apa-apa bentuk permusafiran bagi wanita tanpa ditemani oleh suami atau mahram mereka. Perkara ini adalah berlandaskan sepenuhnya kepada hadith-hadith Rasulullah SAW yang melarang wanita untuk keluar bermusafir tanpa mahram. Fatwa ini dikuat kuasa oleh kerajaan Arab Saudi secara menyeluruh dari pelbagai aspek permusafiran sama ada ia adalah dengan tujuan ibadah mahupun tujuan-tujuan lain yang diharuskan.<sup>149</sup>

Lalu, ia menjadikan seluruh umat Islam yang mahu mengerjakan ibadah dan ziarah haji dan umrah di Mekah dan Madinah perlu ditemani oleh mahram mereka. Selain itu, jabatan mufti Arab Saudi juga menolak alasan wanita untuk bermusafir tanpa mahram dengan menaiki kapal terbang atau apa juga jenis sistem pengangkutan lain kerana berpegang secara teguh kepada zahir hadith Rasulullah SAW.<sup>150</sup> Maka, berdasarkan fatwa ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan Arab Saudi menegah dan melarang sekeras-kerasnya perbuatan wanita bermusafir tanpa mahram tanpa sebarang kelonggaran. Namun, ia bukanlah bererti kerajaan Arab Saudi ingin membataskan kebebasan wanita, tetapi ia sudah tentu kembali kepada tujuan asal pensyaratan mahram bagi wanita, iaitu untuk menjaga dan melindungi wanita dari sebarang bahaya dan binasa dunia.

**2) Membenarkan wanita untuk bermusafir tanpa mahram dengan syarat-syarat tertentu.**

---

<sup>149</sup> Ahmad bin 'Abd al-Razāq al-Dawīsh, *Fatāwā al-Lajnah al-Dīmah lil Buḥāth al-Ilmiyyah wa al-Iftā'*, Kitāb Hijāb al-Mar'ah wa Libāsihā, (Arab Saudi : Muassasah al-Amīrah, 2002), 305-307.

<sup>150</sup> Ibid, 308-336.

Manakala, beberapa pihak lain telah membenarkan wanita untuk keluar bermusafir tanpa mahram dengan melihat kepada keperluan semasa wanita zaman kini yang sama sekali berbeza dengan kehidupan wanita zaman dahulu. Ia adalah melibatkan kelonggaran bersyarat yang membenarkan wanita untuk bermusafir tanpa mahram dengan tujuan belajar, bekerja, berniaga dan ziarah.

Pada asasnya, belajar dan bekerja tidak termasuk di dalam kategori permusafiran wajib kerana ia dilihat sebagai perbuatan duniawi. Ulama klasik, Imām al-Ghazālī berpendapat bahawa musafir untuk menuntut ilmu hukumnya adalah berdasarkan kepada ilmu yang ingin dituntut itu sendiri<sup>151</sup> dan ianya hendaklah suatu ilmu yang tidak mungkin diperolehi di tempat asalnya serta ia diperlukan oleh segenap umat Islam.<sup>152</sup> Maka, wanita dibolehkan untuk keluar bermusafir dengan tujuan untuk menuntut ilmu dengan syarat tersebut sama ada ia ilmu agama mahupun ilmu dunia.

Pandangan tersebut dipersetujui oleh ulama kontemporari, Imām ‘Abd al-Karīm Zaydān. Beliau mengatakan bahawa permusafiran wanita dengan tujuan untuk menuntut ilmu atau belajar tanpa mahram adalah diharuskan.<sup>153</sup> Keharusan ini seterusnya mesti diaplikasi bersama syarat yang telah ditetapkan, antaranya ialah <sup>154</sup> :

1. Maqāsīd atau objektif permusafiran itu mestilah kerana darurat; keperluan syara‘ atau masalah syara‘.
2. Keperluan yang mendesak kepada ilmu yang ingin dipelajari dan tidak mampu untuk mengimport pakar ilmu.

---

<sup>151</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā’ Ulumuddīn*, (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t) , 2:246.

<sup>152</sup> Faḥd bin Yahya al-‘Amari, *Al-Mukhtaṣar fī Ahkām al-Safar*, (Saudi ‘Arabia : Dār Ibn al-Jūzī, 2008), 26.

<sup>153</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Hāq wa W i t al-Mar’ah F al-Isl* , (Beirut : Muassasah al-Risālah, 2004), 107.

<sup>154</sup> *Ibid.*, 108.

Manakala kelonggaran yang diberikan oleh Islam kepada wanita yang bermusafir untuk bekerja mencari nafkah pula dibolehkan mengikut keadaan yang mendesak wanita untuk bekerja seperti keadaan darurat dan terpaksa. Jika dilihat dalam konteks semasa, keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil dan mengalami inflasi yang mendadak telah menjadikan wanita terpaksa keluar untuk bekerja demi membantu suami dan keluarganya menyara kehidupan. Walau bagaimanapun, kelonggaran dan pengecualian ini diberikan kepada wanita dengan syarat mereka memenuhi beberapa ketentuan yang telah ditetapkan seperti mendapat keizinan wali yang terdiri daripada bapa atau suami untuk keluar bekerja serta pekerjaan tersebut hendaklah pekerjaan yang diharuskan.<sup>155</sup>

Manakala, Shaykh ‘Alī Jum‘ah telah mengeluarkan fatwa yang mengharuskan wanita-wanita zaman kini untuk keluar bermusafir tanpa mahram dengan syarat-syarat, iaitu ; 1) mendapat keizinan suami atau mahram, 2) mempunyai keyakinan terhadap status keamanan dan keselamatan di sepanjang perjalanan, 3) mengetahui dan yakin keadaan destinasi yang dituju adalah aman dan selamat. Adapun begitu, Shaykh ‘Alī Jum‘ah menyatakan bahawa adalah lebih baik wanita keluar dengan ditemani oleh mahramnya dengan tujuan haji, belajar mahupun apa-apa tujuan lain yang dituntut oleh Islam.<sup>156</sup>

Fatwa yang dikeluarkan oleh Shaykh ‘Alī Jum‘ah ini seterusnya dilihat selari dengan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī dan Shaykh Muṣṭafā al-Zarqā. Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī membenarkan wanita untuk keluar bermusafir tanpa ditemani oleh mahram dengan hadirnya peneman dari golongan lelaki mukmin, atau golongan wanita yang dipercayai ataupun meyakini perjalanan adalah aman dan selamat. Menurut Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī, zaman dahulu memang memerlukan mahram untuk

---

<sup>155</sup> ‘Abdullah bin Jārullah bin Ibrāhīm al-Jārullah, *Masulīyyat al-Mar‘ah al-Muslimah*, (Riyad, Arab Saudi : Dār al-Qāsim, 2000), 62-65.

<sup>156</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, *al-Kalim al-Tayyib : Fatwa ‘Asriyyah*, (Mesir : Dār al-Salām, 2009), 267-268.

bermusafir kerana dipenuhi dengan bahaya dan risiko. Manakala zaman kini, permusafiran telah dibantu oleh pelbagai kemudahan, khususnya sistem pengangkutan seperti kapal laut dan kapal terbang yang mana pada kebiasaannya dinaiki oleh sejumlah besar penumpang lain. Maka, ia menjadikan terbitnya keyakinan tentang keselamatan dan keamanan, lalu mengusir ketakutan dari dalam jiwa wanita.<sup>157</sup>

Tambahan pula, Shaykh Muṣṭafā al-Zarqā pula membenarkan wanita untuk bermusafir tanpa mahram dengan menaiki kapal terbang. Ia adalah atas dasar keperluan wanita zaman kini yang memerlukan mereka untuk keluar bermusafir tanpa ditemani oleh suami mahupun mahram mereka tetapi dengan syarat mahram atau suami mereka menunggu di destinasi tujuan wanita tersebut. Selain itu, Shaykh Muṣṭafā al-Zarqā juga menyatakan bahawa permusafiran wanita dengan menaiki kapal terbang adalah sama seperti menaiki keretapi yang mana perjalanannya teratur dan mempunyai pengawal yang akan memastikan tahap keamanan dan keselamatan sepanjang perjalanan terjamin.<sup>158</sup>

Maka, fatwa-fatwa ini menunjukkan bahawasanya segala hukum yang dikeluarkan oleh mufti kerajaan Mesir, Shaykh Yūsuf al-Qardāwī dan Shaykh Muṣṭafā al-Zarqā ini melalui proses timbal balik berdasarkan elemen-elemen *'urf* dan adat masyarakat kini. Kemajuan sistem pengangkutan menjadi salah satu elemen dan titik tanda yang mengukur tahap keamanan dan keselamatan sesebuah perjalanan yang pada akhirnya memberikan sedikit kelonggaran kepada wanita untuk bermusafir tanpa ditemani mahram mereka. Kelonggaran-kelonggaran ini perlu dipatuhi untuk memastikan status perjalanan wanita tanpa mahram tidak jatuh kepada hukum haram.

---

<sup>157</sup> Yūsuf al-Qardāwī, *Min Hady al-Islām : Fatāwā Muṣṭafā al-Zarqā*, (Kuwait : Dār al-Qalam, 2001), 353.

<sup>158</sup> Muṣṭafā al-Zarqā et. al, *Fatāwā Muṣṭafā al-Zarqā*, (Damsyiq : Dār al-Qalam, 2004), 276.



Perbincangan berkaitan fatwa-fatwa kontemporari ini dapat diringkaskan seperti jadual di bawah :

Jadual 1 : Fatwa kontemporari berkaitan permusafiran wanita tanpa mahram.

KEHARUSAN	KEHARAMAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yakin dengan keamanan dan keselamatan di sepanjang perjalanan menuju destinasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengetahui akan berlaku sesuatu yang menjejaskan tahap keamanan dan keselamatan di sepanjang perjalanan.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Destinasi atau tempat yang ingin dituju diketahui aman dan selamat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Destinasi konflik yang sudah pasti mendatangkan risiko dan tidak selamat.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai tujuan dan niat yang baik; mengembara untuk melihat kebesaran Allah SWT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengembara tanpa tujuan dan niat yang tidak baik; maksiat.</li> </ul>

Sumber : Analisis pengkaji.

Ringkasnya, pandangan ulama klasik dan kontemporari dalam permusafiran wanita ini melibatkan dua tujuan utama, iaitu permusafiran dengan tujuan ibadah haji dan umrah serta tujuan selainnya. Pandangan-pandangan ini dapat diringkaskan seperti jadual di bawah :

Jadual 2 : Pandangan fuqaha berkaitan syarat ditemani mahram bagi permusafiran wanita untuk tujuan ibadah (haji dan umrah).

TIDAK MEMBENARKAN TANPA MAHRAM	MEMBENARKAN DENGAN KELONGGARAN SYARAT MAHRAM
<p><b>1- IMĀM ABŪ ḤANIFAḤ</b> Jarak perjalanan panjang melebihi tempoh 3 hari. (Hadith Muslim, 2390)</p> <p><b>2-IMĀM AḤMAD BIN ḤANBAL</b> Berpegang teguh kepada zahir hadith Rasulullah SAW, mahram untuk menjaga dan melindungi wanita.</p> <p><b>3-LAJNAH AL-DĀIMAH</b> Konsep mahram terletak di bawah syarat MAMPU.</p>	<p><b>1- IMĀM MĀLIK</b> Ditemani oleh sekumpulan/rombongan wanita yang dipercayai.</p> <p><b>2-IMĀM AL-SHĀFI'Ī</b> Memadai ditemani oleh seorang wanita yang dipercayai.</p> <p><b>3-AL-AUZA'Ē</b> Konsep mahram bukan syarat wajib haji umrah, tetapi hanya syarat tambahan sahaja. Kelonggaran bermusafir bersama kaum yang</p>

<p>Berlandaskan kepada tafsiran lafaz ( سبي ) – Ali Imran : 97.</p> <p><b>4-IBN BĀZ</b> Hukum haji umrah wanita musafir tanpa mahram adalah sah, tetapi dianggap berdosa dan perlu bertaubat kerana perjalanannya adalah maksiat.</p> <p><b>5-SHAYKH AL-‘UTHAIMĪN</b> Permusafiran wanita itu berdosa dan maksiat kerana bertentangan dengan hadith Rasulullah SAW.</p>	<p>adil. Berlandaskan hadith ‘Adi bin Hatim (Bukhari, 3328)</p> <p><b>4-IBN TAIMIYYAH</b> Tiada bapa, tidak bernikah, tiada mahram-musafir bersama orang yang dipercayai; anak perempuannya/golongan wanita lain.</p>
---	---

Sumber : Analisis pengkaji.

Jadual 3 : Pandangan fuqaha berkaitan syarat ditemani mahram bagi permusafiran wanita untuk tujuan selain ibadah.

<p><b>TIDAK MEMBENARKAN TANPA MAHRAM</b></p>	<p><b>MEMBENARKAN DENGAN KELONGGARAN SYARAT MAHRAM</b></p>
<p><b>1-LAJNAH AL-DĀIMAH</b> Berpegang teguh dengan zahir hadith; tidak membenarkan sebarang bentuk permusafiran wanita tanpa mahram dengan apa-apa bentuk sekalipun. Tidak membenarkan musafir wanita tanpa mahram dengan menaiki kapal terbang.</p>	<p><b>1-SHAYKH ‘ALĪ JUM‘AH</b> Harus dengan syarat ; 1)mendapat keizinan mahram, 2)yakini dengan keselamatan sepanjang perjalanan, 3)yakini dengan keselamatan destinasi yang di tuju.</p> <p><b>2-SHAYKH AL-QARDĀWĪ</b> -Harus dengan syarat; ditemani oleh golongan lelaki mukmin atau golongan wanita yang dipercayai atau meyakini perjalanan aman dan selamat. -Permusafiran zaman kini berbeza dan dibantu dengan pelbagai kemudahan; sistem pengangkutan(kapal laut, kapal terbang) yang biasanya dinaiki oleh sejumlah besar penumpang lain. →Menerbitkan keyakinan tentang keselamatan dan mengusir ketakutan dalam jiwa wanita.</p> <p><b>3-SHAYKH MUṢṬAFĀ AL-ZARQĀ</b> -Membenarkan wanita musafir tanpa mahram menaiki kapal terbang dengan syarat mahram menanti di destinasi yang di tuju. -Perjalanan menaiki kapal terbang mempunyai perjalanan yang teratur dan ada pengawal yang memastikan tahap keamanan.</p>

Sumber : Analisis pengkaji.

Secara konklusinya, pandangan ulama' klasik dan kontemporari berkaitan permusafiran wanita tanpa ditemani mahram berbeza mengikut tujuan permusafiran. Bagi permusafiran dengan tujuan ibadah haji dan umrah, sebahagian ulama' tidak membenarkan sama sekali ianya dilakukan tanpa ditemani oleh mahram kerana berpegang teguh pada zahir hadith, manakala sebahagian lain membenarkannya dengan memberi sedikit kelonggaran syarat mahram kepada wanita. Kelonggaran syarat mahram ini pula melibatkan permusafiran bersama sejumlah wanita yang dipercayai untuk menemani permusafiran haji dan umrah jika wanita tersebut tidak mempunyai mahram. Maka, ia jelas menunjukkan bahawa permusafiran dengan tujuan wajib syarat mahram bagi wanita tetap kekal dan kekal, namun jika tiada, wanita yang dipercayai boleh dijadikan sebagai peneman mereka.

Manakala bagi permusafiran wanita tanpa mahram dengan tujuan harus selain ibadah pula diberikan kelonggaran syarat mahram oleh majoriti ulama' kontemporari kerana ia adalah berdasarkan kepada keperluan wanita zaman kini. Ulama' klasik kurang membincangkan perihal permusafiran harus ini kerana wanita pada zaman dahulu lebih tertumpu kepada permusafiran haji dan umrah, berbanding wanita pada zaman moden. Namun, kelonggaran syarat mahram ini perlu melihat kepada *'illah* utama penetapan syarat mahram bagi wanita, iaitu keselamatan dan keamanan wanita sepanjang permusafiran. Maka, berdasarkan pandangan-pandangan uama' klasik dan kontemporari ini, pengkaji cenderung untuk memilih pandangan ulama' kontemporari yang memberikan kelonggaran syarat mahram bagi wanita untuk bermusafir dengan syarat tertentu kerana ianya adalah berlandaskan kepada keadaan dan keperluan wanita pada zaman kini.

## 2.5 PERSPEKTIF FEMINIS TERHADAP KONSEP MUSAFIR WANITA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

Pertikaian golongan feminis khususnya aliran liberal terhadap konsep musafir wanita adalah berkaitan dengan syarat mahram yang ditafsirkan daripada lafaz *qawwān* (قواصون) di dalam ayat 34 surah al-Nisā'. Golongan feminis ini mempercayai bahawa agama Islam yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Rasulullah SAW sebagai perantara telah diubah oleh golongan ulama terkemudian.<sup>159</sup> Maka, ia merupakan suatu keperluan yang sangat mendesak bagi golongan feminis untuk membuat pentafsiran semula al-Quran, mengkaji al-Quran dengan teliti serta menilai semula surah-surah yang telah digunakan sebagai sumber undang-undang untuk menolak diskriminasi gender.<sup>160</sup>

Selain itu, mereka turut berpegang kepada prinsip mereka untuk mentafsir semula ayat al-Quran yang menjadi asas utama konsep mahram ini iaitu surah al-Nisā' ayat 34. Golongan feminis ini berpendapat bahawa terdapatnya kesalahan dalam pentafsiran lafaz *qawwān* di dalam ayat tersebut sehingga menjadikan lelaki bersikap keterlaluan di dalam mengawal kehidupan wanita. Pada asasnya, terdapat dua tafsiran utama bagi lafaz *qawwān* di dalam surah al-Nisā' ayat 34 tersebut. Lafaz tersebut telah ditafsirkan kepada pelindung dan juga kekuasaan. Maka, golongan feminis ini telah mempercayai bahawa ayat 34 surah al-Nisā' ini sebenarnya telahpun disalah tafsir kepada kekuasaan yang menjadikan lelaki mempunyai kuasa autoriti terhadap wanita dan semua lelaki merupakan penjaga kepada wanita secara total.<sup>161</sup>

---

<sup>159</sup> Liv Tonnessen, "Women's Activism in Saudi Arabia : Male Guardianship and Sexual Violence," *CMI Report*, 2016, 8.

<sup>160</sup> Dyana Parvanora, "Islamic Feminist Activism in Indonesia : Muslim Women's Paths to Empowerment," *Austrian Studies in Anthropology Sondernummer 1*, 2012, 14.

<sup>161</sup> Nawal al-Sa'dawi dan Hibah Rauf Izzat, *Al-Mar'ah wa al-Din wa al-Ahl*, (Syria : Dar al-Fikr, 2000), 133.

Lafaz *qaww n* tersebut sepatutnya ditafsirkan sebagai “*breadwinner*” atau pencari nafkah yang seterusnya merubah maksud sebenar ayat tersebut. Maka, penindasan yang berlaku ke atas golongan wanita ini untuk bebas melalui kehidupan seharian telah berlaku disebabkan oleh pentafsiran yang tidak tepat dan lalu ia menjadikan terdapatnya keadaan darjat yang tidak seimbang antara lelaki dan wanita.<sup>162</sup> Secara tidak langsung, ia juga secara salah telah memberikan lelaki kuasa untuk mengawal kehidupan wanita.<sup>163</sup> Maka, golongan feminis telah menuntut hak agar pensyaratan mahram bagi permusafiran wanita itu dipertimbangkan semula.<sup>164</sup> Ia adalah berdasarkan kepada empat faktor utama, iaitu faktor kongkongan, faktor kebebasan wanita, faktor penderaan domestik dan juga faktor ketaatan tanpa soal.

#### 1- Faktor Kongkongan.

Golongan feminis bersepakat bahawa penetapan konsep mahram menjadikan wanita terikat dengan kehidupan lelaki dan seterusnya menjadikan seluruh kehidupan mereka terkongkong. Kongkongan ini melibatkan pelbagai aspek kehidupan wanita termasuklah kongkongan terhadap aurat wanita dan bermusafir.<sup>165</sup> Wanita dilarang untuk melakukan sebarang jenis permusafiran disebabkan adanya konsep mahram yang membelenggu mereka sehingga mereka tidak boleh sekali-kali untuk keluar dari rumah mereka tanpa izin dan tanpa ditemani oleh mahram mereka.<sup>166</sup>

---

<sup>162</sup> Liv Tonnessen, “Women’s Activism in Saudi Arabia : Male Guardianship and Sexual Violence,” *CMI Report*, 2016, 8.

<sup>163</sup> Dyana Parvanora, “Islamic Feminist Activism in Indonesia : Muslim Women’s Paths to Empowerment,” *Austrian Studies in Anthropology Sondernummer 1*, 2012, 8.

<sup>164</sup> Liv Tonnessen, “Women’s Activism in Saudi Arabia : Male Guardianship and Sexual Violence,” *CMI Report*, 2016, 19.

<sup>165</sup> *Ibid*, 14.

<sup>166</sup> Nawal al-Sa’dawi dan Hibah Rauf Izzat, *Al-Mar’ah wa al-D n wa al-Ahl q*, (Syria : Dar al-Fikr, 2000), 21-22.

Maka, perkara ini telah menjadikan wanita mundur kerana terpaksa menghabiskan seluruh kehidupan mereka di rumah. Malah, golongan feminis juga berpendapat bahawa dengan adanya konsep mahram ini, wanita terpaksa untuk tunduk dan mengabdikan diri mereka sepenuhnya di rumah. Hal ini adalah kerana, kesalahan dalam mentafsir ayat 34 surah al-Nisā' tersebut telah melahirkan golongan lelaki yang merasakan kekuasaan terhadap wanita adalah sepenuhnya hak milik lelaki dan menjadikan mereka mengawal kehidupan wanita secara berlebihan.<sup>167</sup>

## 2- Faktor Kebebasan Wanita.

Golongan feminis pada asasnya memperjuangkan hak-hak kebebasan wanita yang dikatakan telah di eksploitasi oleh golongan lelaki. Sedangkan mereka mempercayai bahawa lelaki dan wanita ini mempunyai hak-hak kehidupan yang sama sebagai manusia di atas muka bumi ini. Namun, penetapan konsep mahram telah menjadi salah satu punca kepada berlakunya eksploitasi ini disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah konsep mahram ini menjadikan golongan wanita dianggap sebagai golongan bawahan. Malah, terdapat juga stigma masyarakat yang memandang wanita sebagai kumpulan tambahan bagi lelaki.<sup>168</sup>

Maka, ia telah mencetuskan isu-isu perdebatan melibatkan hak-hak kebebasan wanita seperti hak untuk menyertai dalam bidang politik dan juga hak untuk menjadi imam. Selain itu, golongan feminis ini menegaskan bahawa wanita tidak bebas untuk melakukan perkara-perkara yang melibatkan keperluan dan kehendak sosial disebabkan oleh penetapan

---

<sup>167</sup> Ibid.

<sup>168</sup> Norani Othman, "Muslim Women and the Challenge of Islamic Fundamentalism or Extremism : An Overview of Southeast Asian Muslim Women's Struggle for Human Rights and Gender Equality," *Women's Studies International Forum* 29, 2006, 339-353.

konsep mahram yang memerlukan wanita untuk meminta izin kepada golongan lelaki yang menjadi mahram mereka.<sup>169</sup>

### 3- Faktor Penderaan Domestik.

Penetapan konsep mahram ini juga telah mencetuskan isu penderaan domestik terhadap wanita. Golongan feminis mempercayai bahawa dengan penetapan konsep mahram yang mengikat wanita, menjadikan wanita sebagai mangsa kepada masalah penderaan domestik. Malah, penetapan konsep mahram juga telah menghalang wanita khususnya di Arab Saudi untuk memperjuangkan nasib mereka yang didera kerana mereka tidak boleh untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa dan juga pemeriksaan kesihatan tanpa mahram mereka.<sup>170</sup>

Penderaan domestik yang berlaku kepada wanita yang terhasil daripada sistem mahram yang telah dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan. Pada dasarnya, penguatkuasaan sistem mahram dalam sistem undang-undang itu adalah berdasarkan kepercayaan bahawa lelaki dan wanita itu berbeza secara biologikalnya dan pegangan terhadap kekuatan mental dan fizikal lelaki yang melebihi wanita.<sup>171</sup> Lalu, wanita-wanita ini terus menerus didera oleh mahram mereka tanpa membuat sebarang aduan dan pemeriksaan lanjut disebabkan oleh kekangan mahram.

Selain itu, golongan feminis juga menegaskan konsep mahram ini bukan sahaja menyumbang kepada penderaan fizikal, tetapi turut menyumbang kepada penderaan mental dan ekonomi wanita. Penderaan mental ini berlaku disebabkan oleh lelaki yang menghalang wanita untuk keluar serta melakukan perkara-perkara yang disukai dan terpaksa

---

<sup>169</sup> Ibid.

<sup>170</sup> Liv Tonnessen, "Women's Activism in Saudi Arabia : Male Guardianship and Sexual Violence," *CMI Report*, 2016, 8.

<sup>171</sup> Ibid.

mengabdikan diri dirumah.<sup>172</sup> Lalu, ia telah melahirkan wanita yang mengalami kemurungan yang membahayakan tahap kesihatan wanita. Manakala penderaan ekonomi pula berlaku apabila penetapan konsep mahram yang menghalang wanita untuk keluar bekerja mencari nafkah sedangkan mahram mereka tidak mempunyai tahap ekonomi yang kukuh dan stabil.<sup>173</sup> Maka, golongan feminis menolak penetapan konsep mahram kerana wanita-wanita ini telah didera secara fizikal, mental dan ekonomi disebabkan oleh penetapan konsep mahram yang tidak adil kepada wanita.

#### 4- Faktor Ketaatan Tanpa Soal.

Golongan feminis ini juga menegaskan bahawa lafaz *qawwān* tersebut telah di salah tafsir sehingga ianya menukar maksud keseluruhan ayat tersebut dan seterusnya menjadikan wanita terpaksa tunduk memberi ketaatan tanpa soal kepada lelaki.<sup>174</sup> Pada masa yang sama, mereka turut berhujah dengan beberapa ayat al-Quran seperti di dalam surah Ali-‘Imrān ayat 195 dan surah al-Taubah ayat 71. Melalui ayat tersebut, golongan feminis ini menyatakan bahawa lelaki dan wanita diciptakan oleh Allah SWT dengan tujuan yang sama, iaitu untuk menjadi khalifah di atas muka bumi. Melalui ayat-ayat tersebut juga, golongan feminis ini turut menegaskan berkaitan status sama taraf antara lelaki dan wanita di dalam perkara-perkara rohani telah diiktiraf dan dinyatakan di dalam al-Quran, maka status sama taraf tersebut juga sepatutnya sama dalam perkara-perkara yang melibatkan duniawi.<sup>175</sup>

---

<sup>172</sup> Nawāl al-Sa‘dawi dan Hibah Rāūf ‘Izzāt, *Al-Mar’ah wa al-Dīn wa al-Ahkl q*, (Syria : Dār al-Fikr, 2000), 21-22.

<sup>173</sup> Ibid.

<sup>174</sup> Ibid.

<sup>175</sup> Zuraidah Senik, “Method of Problem Solving From Islamic Thought Perspective : A Case Study of Sisters in Islam” (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 131-132.



Justeru, atas faktor-faktor ini golongan feminis telah menolak penetapan konsep mahram ke atas wanita yang mana ianya telah ditetapkan oleh Islam demi menjaga dan melindungi keselamatan, kemuliaan dan kehormatan golongan wanita itu sendiri. Malah, golongan feminis ini berusaha keras untuk memastikan kaum wanita mendapat hak dan kebebasan yang sama dengan kaum lelaki supaya mereka tidak terus mengeksploitasi kehidupan wanita. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya penetapan konsep mahram itu bukan bertujuan untuk mengongkong dan menghalang wanita dari menjalani kehidupan dengan bebas. Namun, ia adalah bertujuan untuk memastikan kaum wanita sentiasa dipelihara oleh kaum lelaki yang telah Allah SWT ciptakan sebagai pelindung.

## **2.6 KESIMPULAN**

Penetapan konsep mahram kepada wanita khususnya bagi wanita yang ingin melakukan permusafiran ini pada hakikatnya adalah berdasarkan kepada *'illah* sesuatu perkara. Pada asasnya, penetapan konsep mahram ini melihat kepada keperluan dalam menjaga dan melindungi keamanan, keselamatan dan kemuliaan wanita dari segala ancaman yang mampu merosakkan serta membinasakan wanita.

Konsep mahram bagi wanita ini ditetapkan berlandaskan kepada dua sumber hukum Islam yang utama, iaitu berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Allah SWT telah memberikan panduan berkaitan konsep mahram secara umum melalui kitabNya dalam surah al-Nisā' ayat 23 yang mana ia telah menjadi asas terpenting dalam pembinaan konsep mahram ini. Manakala penetapan konsep mahram yang lebih khusus kepada wanita pula telah dinyatakan melalui larangan Rasulullah SAW di dalam hadith-hadith yang kemudiannya diriwayatkan oleh perawi-perawi yang thabit.

Pandangan-pandangan para ulama berhubung penetapan konsep mahram ini juga adalah berlandaskan kepada dua sumber utama tersebut dan pandangan antara ulama ini berbeza mengikut implementasi terhadapnya serta berdasarkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku disekeliling ulama tersebut. Manakala kelonggaran yang diberikan kepada wanita untuk keluar bermusafir tanpa mahram pula dikhususkan kepada perjalanan ibadah haji dan umrah wajib sahaja oleh ulama klasik. Sedangkan ulama kontemporari pula membuka ruang yang lebih luas kepada kelonggaran itu dengan memberikannya kepada perkara-perkara duniawi seperti belajar dan bekerja dengan meletakkan syarat yang tertentu. Kelonggaran yang lebih luas ini diberikan atas dasar perubahan *'urf* yang berlaku pada zaman ini.

Selain itu, penetapan konsep mahram ini turut menjadi isu perbincangan oleh golongan feminis yang menolak sebarang bentuk penindasan dan eksploitasi kepada hak-hak wanita. Maka, mereka menolak penetapan konsep mahram ini kepada wanita dengan menggunakan hujah ayat 34 surah al-Nisā' dengan pelbagai faktor seperti faktor kebebasan, kongkongan dan penderaan domestik. Penetapan konsep mahram kepada wanita ini telah melanggar hak-hak kehidupan wanita yang sangat ditentang oleh golongan feminis ini.

Kesimpulannya, hakikat sebenar penetapan konsep mahram bagi wanita, khususnya bagi wanita yang ingin bermusafir itu adalah untuk menjaga dan melindungi serta memelihara wanita daripada sebarang ancaman bahaya yang mampu mempengaruhi kehidupan wanita. Penetapan konsep mahram ini jelas bukan untuk mengongkong kehidupan wanita, tetapi ia adalah suatu keperluan yang sangat mendesak demi keselamatan wanita sejagat.

## **BAB 3 : PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI *BACKPACK***

### **3.1 PENGENALAN**

Trend aktiviti *backpack* global tidak terbatas terhadap sesetengah golongan sahaja, tetapi ia meliputi seluruh peringkat kehidupan manusia tanpa membataskan gender, umur dan agama. Wanita yang sering kali dikaitkan dengan bentuk fizikal yang lebih lemah berbanding lelaki turut sama mencabar diri mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti *backpack* ini selaras dengan penglibatan kaum Adam. Perubahan zaman turut merubah keadaan persekitaran wanita sehingga berjaya melahirkan golongan wanita yang lebih berani, bebas dan berdaya saing.

### **3.2 KONSEP AKTIVITI *BACKPACK***

Secara umumnya, aktiviti *backpack* merupakan suatu bentuk perjalanan atau pengembaraan yang menitik beratkan beberapa elemen penting untuk menjadikannya berbeza dengan pelancongan biasa. Maka, definisi aktiviti *backpack* ini terhasil daripada elemen-elemen yang merangkumi pelbagai aspek, seperti kos yang rendah,<sup>176</sup> tidak terikat dengan mana-mana pihak agensi pelancongan,<sup>177</sup> bebas dan fleksibel,<sup>178</sup> perjalanan dalam jangka masa

---

<sup>176</sup> Camille Caprioglio O'Reilly, "From Drifter to Gap Year Tourist : Mainstreaming Backpacker Travel," *Annals of Tourism Research*, Vol. 33, No. 4, 998-1017.

<sup>177</sup> Lara Week, "I am Not a Tourist : Aims and Implications of Travelling," *Tourist Studies* 12(2), 2012, 186-203.

<sup>178</sup> Katie Tobias, "The History of Backpacking" , laman sesawang Nomads World, dicapai 3 Oktober 2016, <http://nomadsworld.com/articles/global/the-history-of-backpacking/>.

yang panjang dan menempuh jarak yang jauh,<sup>179</sup> serta tidak mempunyai tujuan yang khusus.<sup>180</sup>

Katie Tobias pula mendefinisikan aktiviti *backpack* sebagai salah satu cabang pelancongan yang sangat longgar dan fleksibel di mana pelakunya akan membawa semua barangan bersama mereka di dalam beg galas (*backpack*). Biasanya perjalanan mereka didorong oleh perasaan inginkan sesuatu yang mencabar diri dan sentiasa mencuba untuk mencari tempat yang indah tetapi terpencil. Selain itu, mereka juga kebiasaannya akan mengembara secara murah untuk memaksimumkan jangka masa perjalanan dan mereka tidak menitik beratkan isu penginapan asalkan mereka boleh berjimat untuk pengembaraan mereka.<sup>181</sup>

Manakala Mark Jayne dan rakan-rakan pula memberikan definisi kepada aktiviti *backpack* sebagai sebuah perjalanan yang berbentuk tidak formal dengan rancangan perjalanan yang fleksibel, penggunaan penginapan yang berbajet rendah dengan tujuan yang pelbagai seperti mencari pengalaman unik, tulen dan mencabar. Selain itu, mereka turut memberi penekanan untuk bertemu dan bergaul dengan pengembara lain serta orang tempatan.<sup>182</sup>

Maka, elemen-elemen utama yang menjadi tunggak kepada aktiviti *backpack* ini ialah perjalanan yang menggunakan bajet dan kos rendah sepanjang perjalanan.<sup>183</sup> Para

---

<sup>179</sup> "What is Backpacker?" *Journal of Tourism Western Australia*, laman sesawang Tourism Western Australia, dicapai 10 Oktober 2016, [http://www.tourism.wa.gov.au/jumpstartguide/pdf/Quickstart\\_What.pdf](http://www.tourism.wa.gov.au/jumpstartguide/pdf/Quickstart_What.pdf)

<sup>180</sup> Badaruddin Mohamed et al., "Kajian Pembangunan Pelancongan Belia di Malaysia : Potensi dan Halangan," *Tourism Research Circle*, 2006, 11

<sup>181</sup> Katie Tobias, "The History of Backpacking" , laman sesawang Nomads World, dicapai 3 Oktober 2016, <http://nomadsworld.com/articles/global/the-history-of-backpacking>.

<sup>182</sup> Mark Jayne et al., "Drunken Mobilities : Backpackers, Alcohol, 'Doing Place'," *Tourist studies* 12(3), 2012, 211-231.

<sup>183</sup> Ibid.

pengembara pada kebiasaannya akan mengembara secara murah untuk memaksimumkan masa perjalanan sehingga tidak menitik beratkan isu penginapan asalkan mereka boleh berjimat untuk pengembaraan mereka.<sup>184</sup> Selain itu, mereka turut berusaha untuk mencari pelbagai alternatif<sup>185</sup> lain seperti penggunaan sistem pengangkutan awam yang sudah tentunya lebih murah serta sanggup untuk berjalan kaki<sup>186</sup> merentasi denai dan pergunungan semata-mata untuk meminimumkan kos pengembaraan mereka.

Elemen seterusnya ialah perjalanan yang tidak terikat dengan mana-mana pihak agensi pelancongan. Para pengembara cenderung untuk melakukan aktiviti *backpack* ini kerana mereka tidak suka perjalanan mereka terikat dengan bajet yang ditawarkan oleh pihak agensi pelancongan yang mana pada kebiasaannya ia memerlukan kos yang lebih tinggi. Pada waktu yang sama, para pengembara ini juga akan terikat dengan jadual perjalanan yang padat<sup>187</sup> yang telah diatur oleh pihak agensi menyebabkan mereka tidak bebas untuk melakukan aktiviti yang mereka inginkan. Lalu, aktiviti *backpack* ini menjadi satu alternatif kepada para pengembara untuk lebih fleksibel dalam merancang bajet dan jadual perjalanan mengikut keselesaan tanpa perlu berbelanja melebihi bajet yang telah mereka tetapkan.

Seterusnya, kebebasan di dalam mengurus dan merancang perjalanan ini akan melahirkan perasaan bebas di dalam diri para *backpackers* dari pelbagai aspek seperti

---

<sup>184</sup> Katie Tobias, "The History of Backpacking", laman sesawang Nomads World, dicapai 3 Oktober 2016, <http://nomadsworld.com/articles/global/the-history-of-backpacking>.

<sup>185</sup> Lara Week, "I am Not a Tourist : Aims and Implications of Travelling," *Tourist Studies* 12(2), 2012, 186-203.

<sup>186</sup> Maarten Kroesen, "Do Partners Influence Each Other's Travel Patterns? A New Approach to Study the Role of Social Norms," *Transportation Research Part A* 78, 2015, 489-505.

<sup>187</sup> Christian Laesser, Pietro Beritelli dan Thomas Bieger, "Solo Travel : Explorative Insights from a Mature Market (Switzerland)," *Journal of Vacation Marketing*, Vol.15, No.3, 2008, 217-227.

kebebasan untuk memilih destinasi dan lokasi pengembaraan,<sup>188</sup> kebebasan untuk melakukan perkara yang diinginkan, serta kebebasan di dalam pemberian komitmen<sup>189</sup> sepanjang perjalanan mereka. Selain itu, mereka turut bebas untuk menetapkan tempoh untuk menetap di sesebuah lokasi yang mereka suka. Lalu, ia menjadikan seluruh perjalanan mereka sebuah perjalanan yang fleksibel tanpa sebarang gangguan dari pihak luar.

Lalu, kebebasan dalam menentukan lokasi pengembaraan ini berkait rapat dengan elemen yang seterusnya iaitu pemilihan destinasi yang terpencil. Destinasi-destinasi terpencil dan kurang membangun seperti India<sup>190</sup> dan sebagainya dipilih kerana keinginan pengembara untuk mencabar diri mereka demi merasai pengalaman luar biasa.<sup>191</sup> Pengalaman yang diperolehi dari kawasan-kawasan terpencil ini dikatakan sebagai pengalaman yang tulen atau *authentic experience* yang menjadi kegunaan para *backpackers*. Kadang kala, mereka sanggup untuk meredah kesusahan dan kepayahan seperti kekurangan kemudahan pengangkutan demi merealisasikan impian mereka untuk merasai pengalaman yang tulen itu.<sup>192</sup>

Di samping itu, aktiviti *backpack* ini juga berkait rapat dengan perjalanan yang melibatkan jangka masa yang panjang dan juga perjalanan jarak jauh.<sup>193</sup> Para *backpackers* ini akan melakukan perjalanan dalam jangka masa yang lebih lama berbanding pelancong yang pada kebiasaannya hanya melakukan perjalanan dalam tempoh yang pendek mengikut

---

<sup>188</sup> Sheng-Hshiang Tsaor, Chang-Hua Yen dan Chia-Li Chen, "Independent Tourist : Knowledge and Skills," *Annals of Tourism Research*, Vol.37, No.4, 2010, 1035-1054.

<sup>189</sup> Camille Caprioglio O'Reilly, "From Drifter to Gap Year Tourist : Mainstreaming Backpacker Travel," *Annals of Tourism Research*, Vol. 33, No. 4, 2006, 998-1017.

<sup>190</sup> Lara Week, "I am Not a Tourist : Aims and Implications of Travelling," *Tourist Studies* 12(2), 2012, 186-203.

<sup>191</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Namastee India*, (Selangor : SNAR, 2016), 129-130.

<sup>192</sup> *Ibid.*, 139-142.

<sup>193</sup> *Ibid.*, 133-142.

jadual yang telah ditetapkan oleh agensi pelancongan.<sup>194</sup> Selain itu, para pengembara juga lebih cenderung untuk merentasi daerah demi daerah malah merentasi antara negara demi mendapatkan kepuasan<sup>195</sup> di dalam mengembara. Maka, ia menjadikan aktiviti *backpack* ini sebuah perjalanan jarak jauh dan dalam jangka masa yang lama berbanding jenis pelancongan lain.

Tambahan pula, aktiviti *backpack* ini tidak mempunyai tujuan yang khusus.<sup>196</sup> Para *backpackers* pada kebiasaannya hanya menetapkan tujuan-tujuan umum seperti ingin merasai pengalaman luar biasa<sup>197</sup> dan mempelajari budaya baru sebagai tujuan mereka.<sup>198</sup> Pada masa yang sama, tujuan-tujuan tersebut akan sentiasa berubah mengikut keadaan di sepanjang perjalanan mengikut keadaan. Maka, ia menjadikan aktiviti *backpack* ini tidak mempunyai tujuan dan matlamat yang khusus sepanjang perjalanan dan penerokaan.

Manakala komposisi bentuk penglibatan dalam aktiviti ini bervariasi yang mana ia meliputi penglibatan yang berbentuk solo<sup>199</sup>, berpasangan<sup>200</sup> dan juga berkumpulan.<sup>201</sup> Bentuk-bentuk penglibatan ini secara umumnya mempengaruhi seluruh perjalanan dan pengembaraan *backpacker* tersebut. Maka, mereka akan lebih cenderung untuk memilih

---

<sup>194</sup> Badaruddin Mohamed et al., "Kajian Pembangunan Pelancongan Belia di Malaysia : Potensi dan Halangan," *Tourism Research Circle*, 2006, 11.

<sup>195</sup> Linda Myers, "Women's Independent Travel Experiences in New Zealand" (Tesis kedoktoran, University of Sunderland, England, 2010), 11.

<sup>196</sup> Svein Larsen, Torvald Ogaard dan Wibecke Brun, "Backpackers and Mainstreamers : Realities and Myths," *Annals of Tourism Research*, Vol.38, No.2, 2011, 690-707.

<sup>197</sup> Anders Sorensen, "Backpack Ethnography," *Annals Of Tourism Research*, Vol.3, 2003, 847-867.

<sup>198</sup> Cape Town's *Backpacker Study: Revealing The Potential of Backpacker Tourism in Cape Town and the Region*, *World Youth Student & Educational (WYSE) Travel Confederation*, 2010.

<sup>199</sup> Kristin Lozanski, "Violence in Independent Travel to India : Unpacking Patriarchy and Neo-Colonialism," *Tourist Studies*, 2007, 295-315.

<sup>200</sup> Anders Sorensen, "Backpackers Ethnography," *Annals of Tourism Research*, Vol 30, No 4, 2003, 847-867.

<sup>201</sup> Philip L. Pearce, "Relationships and the Tourism Experience : Challenges for Quality-of-Life Assessments", dalam M. Uysal et al. (eds.), *Handbook of Tourism and Quality-of-Life Research: Enhancing the Lives of Tourists and Residents of Host Communities*, International Handbooks of Quality-of-Life, 2012, 9-29.

komposisi ini berdasarkan kepada kesesuaian dan tujuan umum yang telah mereka tetapkan untuk mencapai kepuasan sepanjang pengembaraan tanpa merasa terbeban.

Pada masa yang sama, aktiviti *backpack* ini juga kerap dikaitkan penggunaan beg galas (*backpack*) atau bagasi lain. Penggunaan beg galas ini menjadi salah satu identiti yang paling kerap dikaitkan dengan pengembaraan *backpack*.<sup>202</sup> Hal ini kerana, penggunaan beg galas ini adalah untuk memudahkan perjalanan jarak jauh atau dalam jangka masa yang panjang. Penggunaan beg galas atau *backpack* ketika melancong inilah salah satu daripada asal usul penggunaan istilah *backpack*<sup>203</sup>. Di samping itu, ada juga pendapat yang mengaitkan dengan penciptaan beg galas (*backpack*) oleh Lloyd F. Nelson ini dengan permulaan sejarah aktiviti *backpack*.<sup>204</sup>

Maka, berdasarkan kepada elemen-elemen yang membina konsep aktiviti *backpack* ini, ia dapat didefinisikan sebagai sebuah perjalanan dan pengembaraan dengan menggunakan beg galas dalam jangka masa panjang dan meliputi jarak yang jauh ke destinasi terpencil yang mana komposisinya berbentuk solo, berpasangan mahupun berkumpul dengan kos yang rendah, tidak terikat dengan jadual perjalanan, mempunyai kebebasan dan fleksibel serta tidak mempunyai tujuan yang khusus.

Tambahan pula, sejarah aktiviti *backpack* ini bermula sejak abad ke 17-18 masihi lagi. Sebelum abad ke 17-18 masihi, idea pengembaraan ini kebanyakannya dilihat sebagai satu tindakan yang negatif. Seseorang yang mengembara akan dipandang sebagai seorang yang melarikan diri dengan berjalan kaki daripada peperangan, penyakit dan tragedi. Namun, pada abad ke 17-18 masihi, pengembaraan bertukar menjadi satu bentuk

---

<sup>202</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Namastee India*, (Selangor : SNAR, 2016), 15.

<sup>203</sup> Backpack Melancong Secara Murah , laman sesawang Nota Kembara, dicapai 3 Oktober 2016, <http://www.notakembara.com/sebang/2013/backpacker-melancong-secara-murah/> .

<sup>204</sup> Jennifer Alpeche, "History of Backpacking", laman sesawang Love to Know, dicapai 4 Oktober 2016, [http://camping.lovetoknow.com/History\\_of\\_Backpacking/](http://camping.lovetoknow.com/History_of_Backpacking/) .



pendidikan dan keseronokan sehingga menjadikan kebanyakan golongan lelaki berbangsa Eropah keluar mengembara ke beberapa negara sebelum mereka berkahwin.<sup>205</sup>

Seterusnya, aktiviti *backpack* ini terus berkembang kepada pelbagai lapisan masyarakat. Pada tahun 1955 pula, sekumpulan pelajar universiti telah memulakan sebuah ekspidisi darat untuk melalui laluan yang telah dilalui oleh Marco Polo. Laluan ini telah dinamakan sebagai Laluan Sutera atau *Silk Route* yang menghubungkan antara barat dan timur dan ia telah diterokai oleh Marco Polo sejak 700 tahun lebih awal. Pelajar-pelajar ini seterusnya telah mendokumentasikan perjalanan mereka sehingga melahirkan golongan *Hippie* pada tahun 60-an yang kebanyakannya terdiri daripada orang Eropah, Jepun, Kanada, Kiwi, Amerika dan Australia. Golongan ini telah mengembara ke pelbagai destinasi seperti Turki, Nepal, India, Afghanistan dan Pakistan.<sup>206</sup>

Tambahan pula, kajian terawal mengenai pelancongan *backpack* ini dilakukan oleh Erik Cohen pada tahun 1972 yang menggunakan istilah “*drifter*”, iaitu gaya hidup seseorang yang berpindah dari satu tempat atau destinasi ke destinasi yang lain. Ia juga adalah sejenis pelancongan di mana seseorang itu berusaha untuk keluar dari kebiasaan hidup mereka dengan tinggal bersama masyarakat dan mencuba gaya hidup masyarakat tersebut, serta berkongsi makanan dan tempat tinggal. Mereka juga tiada jadual perjalanan yang tetap dan tiada matlamat yang betul dalam perjalanan mereka.<sup>207</sup>

Selepas Erik Cohen mengkaji tentang aktiviti *backpack* ini, sedikit demi sedikit pengkaji dan penyelidik mula membincangkan perkara yang berhubung dengannya dalam kajian mereka. Pada awalnya mereka lebih banyak membincangkan secara umum realiti

---

<sup>205</sup> Katie Tobias, “The History of Backpacking,” laman sesawang Nomads World, dicapai 3 Oktober 2016, <http://nomadsworld.com/articles/global/the-history-of-backpacking>.

<sup>206</sup> Ibid.

<sup>207</sup> Erik Cohen, “Toward a Sociology Of International Tourism,” *Social Research*, Vol 39, No 1, 1972, 164-182.

dan konsep aktiviti *backpack* ini. Namun kini, kajian-kajian mengenai aktiviti *backpack* telah mula dikaitkan dengan masalah kesihatan seperti kajian Timothy B. Gardner dan David R. Hill<sup>208</sup> dan isu keselamatan seperti kajian Issahaku Adam dan Charles Atanya Adongo.<sup>209</sup>

Di samping itu, terdapat juga kajian berkaitan penglibatan jantina lelaki atau perempuan dalam aktiviti *backpack* ini seperti kajian yang dibuat oleh Disa Dahlman dan Martin Stafstrom. Kajian mereka melibatkan *backpack* wanita dan dikaitkan dengan risiko kesihatan seksual ketika mengembara.<sup>210</sup>

Selain itu, terdapat lapan ciri-ciri utama yang menjadi identiti kepada aktiviti *backpack* ini, iaitu : 1. penggunaan beg galas, 2. perjalanan jangka masa panjang dan jarak yang jauh, 3. kos rendah, 4. jadual perjalanan yang fleksibel, 5. kebebasan 6. komposisi penglibatan, 7. destinasi terpencil, 8. tujuan-tujuan umum.

#### 1. Penggunaan beg galas.

Melalui penggunaan beg galas ini, para *backpackers* tidak membawa barangan yang banyak, tetapi mereka akan membawa barangan keperluan yang mendesak sahaja bersama mereka.<sup>211</sup> Hal ini menjadikan mereka lebih bijak dalam mengatur barangan mereka supaya tidak membawa beg galas yang mempunyai berat yang berlebihan sehingga menyukarkan

---

<sup>208</sup> Timothy B. Gardner dan David R. Hill, "Illness and Injury Among Long-Distance Hikers on The Long Trail, Vermont," *Wilderness and Environmental Medicine* 13, 2002, 131-134.

<sup>209</sup> Issahaku Adam dan Charles Atanya Adongo, "Do Backpackers Suffer Crime? An Empirical Investigation of Crime Perpetrated Against Backpackers in Ghana," *Journal of Hospitality and Tourism Management* 27, 2016, 60-67.

<sup>210</sup> Disa Dahlman dan Martin Stafstrom, "Female Swedish Backpack In Vietnam : A Hypothesis Generating Study on Sexual Health Risks While Travelling," *Travel Medicine and Infectious Disease* 11, 2013, 243-249.

<sup>211</sup> Neil Walsh dan Hazel Tucker, "Tourism 'Things' : The Travelling Performance of the Backpack," *Tourist Studies* 9(3), 2010, 223-239.

perjalanan mereka<sup>212</sup> dan seterusnya menimbulkan masalah kesihatan.<sup>213</sup> Maka, dengan penggunaan beg galas semasa melakukan perjalanan ini, ia menjadi satu simbol dan identiti kepada aktiviti *backpack* yang semakin menjadi trend masyarakat kini.

## 2. Perjalanan jangka masa panjang dan jarak yang jauh.

Aktiviti *backpack* ini melibatkan perjalanan seseorang *backpacker* dalam jangka masa yang panjang berbanding pelancong biasa. Selain itu ia juga melibatkan perjalanan jarak jauh merentasi daerah, negara serta benua dalam sesebuah perjalanan. Secara tidak langsung, ia telah menjadikan pengembaraan *backpack* ini berbeza dengan pengembaraan yang dilakukan oleh pelancong biasa.<sup>214</sup>

## 3. Kos dan bajet yang rendah.

Majoriti individu yang terlibat dalam aktiviti *backpack* ini adalah kerana faktor bajet dan kos rendah yang diperlukan untuk mengembara. Para *backpackers* ini menguruskan bajet perjalanan mereka sendiri<sup>215</sup> tanpa perlu berbelanja besar kepada agensi pelancongan. Mereka akan meminimumkan bajet perbelanjaan mereka dengan pelbagai cara<sup>216</sup> seperti menumpang rumah masyarakat tempatan<sup>217</sup>, menginap di hotel bajet<sup>218</sup>, serta menaiki

---

<sup>212</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Namastee India*, (Selangor : SNAR, 2016), 147.

<sup>213</sup> Chayasin Mansangan et al., "Health Problems and Health Care Seeking Behavior Among Adult Backpackers while Traveling in Thailand," *Tropical Diseases, Travel Medicine and Vaccines* 2 (9), 2016, 1-5.

<sup>214</sup> Jamie N. McNeil, Deborah A. Harris dan Kristi M. Fondren, "Women and the Wild : Gender Socialization in Wilderness Recreation Advertising," *Gender Issues* 29, 2012, 46.

<sup>215</sup> Kenneth F. Hyde dan Rob Lawson, "The Nature of Independent Travel," *Journal of Travel Research*, Vol. 42, 2003, 13-23

<sup>216</sup> Emily Falconer, "Transformations of the Backpacking Food Tourist : Emotions and Conflicts," *Tourist Studies* 13(1), 2013, 21-35.

<sup>217</sup> Svein Larsen, Torvald Ogaard dan Wibecke Brun, "Backpackers and Mainstreamers : Realities and Myths," *Annals of Tourism Research* 38(2), 2011, 690-707.

<sup>218</sup> A. Oliveira-Brochado dan C. Gameiro, "Toward a Better Understanding of Backpackers' Motivations," *TEKHNE-Review of Applied Management Studies* 11, 2013, 92-99.

kenderaan awam<sup>219</sup> demi mencapai misi untuk menjimatkan wang mereka dan seterusnya cara ini membolehkan mereka untuk beramah mesra dengan penduduk tempatan.<sup>220</sup>

#### 4. Jadual perjalanan yang fleksibel.

Ciri aktiviti *backpack* yang seterusnya ialah jadual perjalanan dan pengembaraan yang fleksibel. Para *backpackers* boleh merancang perjalanan mereka sendiri sesuai dengan kehendak dan keperluan mereka dan ia akan menghasilkan perjalanan yang fleksibel.<sup>221</sup> Penetapan-penetapan seperti tempoh untuk menetap di sesuatu lokasi, penetapan waktu untuk melakukan pengembaraan serta penetapan aktiviti yang ingin dilakukan itu adalah fleksibel dan ditetapkan ketika mengembara berdasarkan kepada keadaan dan suasana sekeliling destinasi pengembaraan.<sup>222</sup>

#### 5. Kebebasan.

Aspek kebebasan ini merangkumi pelbagai perspektif seperti kebebasan dari rutin dan tanggungjawab hakiki, kebebasan dari pakej yang ditetapkan oleh agensi pelancongan serta kebebasan untuk melakukan aktiviti dan perkara yang diminati. Kebebasan yang acap kali dicari oleh para pengembara ialah kebebasan dari rutin kehidupan seharian<sup>223</sup> yang melemaskan mereka dengan keluar mengembara tanpa memikirkan tanggungjawab hakiki yang perlu dilaksanakan seperti tanggungjawab sebagai seorang bapa, ibu, anak dan

---

<sup>219</sup> Siti Noridah Ab Rahaman, *Travelog ET : Namastee India*, (Selangor, SNAR, 2016), 15.

<sup>220</sup> Kenneth F. Hyde dan Rob Lawson, "The Nature of Independent Travel," *Journal of Travel Research* 42, 2003, 13-23.

<sup>221</sup> Sheng-Hshiang Tsaur, Chang-Hua Yen dan Chia-Li Chen, "Independent Tourist : Knowledge and Skills," *Annals of Tourism Research*, Vol 37, No 4, 2010, 1035-1054.

<sup>222</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Kembara Afghanistan*, 151-165.

<sup>223</sup> Angela M. Durko dan Matthew J. Stone, "Even Lovers Need a Holiday : Women's Reflections of Travel Without Their Partner," *Tourism Management Perspectives* 21, 2017, 18-23.

penjaga keluarga.<sup>224</sup> Kebebasan dari tanggungjawab ini sangat didahagakan oleh para *backpackers* kerana rutin kehidupan mereka membentuk tekanan yang sukar untuk mereka redakan kecuali dengan mengembara atau dalam istilah lain, lari dari segala bebanan dan tekanan tanggungjawab rumah, kerja dan sosial.<sup>225</sup> Mereka bebas untuk pergi ke mana sahaja lokasi yang mereka mahu serta melakukan apa sahaja aktiviti<sup>226</sup> termasuk aktiviti yang berbahaya seperti keluar lewat malam tanpa sebarang halangan dari pihak tertentu. Kebebasan ini juga digunakan sepenuhnya dalam pelbagai aspek seperti pemilihan destinasi, penetapan tempoh di sesebuah destinasi dan pelaksanaan aktiviti sepanjang pengembaraan tanpa perlu mengikut jadual padat yang disediakan oleh pihak agensi pelancongan.<sup>227</sup>

#### 6. Komposisi penglibatan.

Ciri seterusnya yang menjadi identiti aktiviti *backpack* ini dapat diperhalusi melalui bentuk penglibatan para *backpackers* dalam aktiviti ini. Seseorang individu akan memilih bentuk perjalanan sama ada perjalanan secara solo atau bersendirian,<sup>228</sup> perjalanan bersama pasangan,<sup>229</sup> mahupun perjalanan bersama beberapa individu lain yang membentuk kumpulan kecil.<sup>230</sup>

---

<sup>224</sup> Jamie N. McNiel, Deborah A. Harris dan Kristi M. Fondren, "Women and the Wild : Gender Socialization in Wilderness Recreation Advertising," *Gender Issues* 29, 2012, 48.

<sup>225</sup> Huong T Bui, Hugh Wilkins dan Young-Sook Lee, "Liminal Experience of East Asian Backpackers," *Article of Tourist Studies*, vol 14(2), 2014, 126-143.

<sup>226</sup> Kristin Lozanski, "Violence in Independent Travel to India : Unpacking Patriarchy and Neo-Colonialism," *Tourist Studies* 7(3), 2007, 295-315.

<sup>227</sup> Badaruddin Mohamed et. al, "Kajian Pembangunan Pelancongan Belia di Malaysia : Potensi dan Halangan," *Tourism Research*, 2006, 11.

<sup>228</sup> Kristin Lozanski, "Violence in Independent Travel to India : Unpacking Patriarchy and Neo-Colonialism," *Tourist Studies*, 2007, 295-315.

<sup>229</sup> Anders Sorensen, "Backpackers Ethnography", *Annals of Tourism Research*, Vol 30, No 4, 2003, 847-867.

<sup>230</sup> Philip L. Pearce, "Relationships and the Tourism Experience : Challenges for Quality-of-Life Assessments", dalam M. Uysal et al. (eds.), *Handbook of Tourism and Quality-of-Life Research*:

Individu cenderung memilih untuk melakukannya secara solo, pada kebiasaannya bukan kali pertama mengembara dan sudah memiliki pengalaman yang luas.<sup>231</sup> Maka, individu ini lebih berani dan bersedia untuk menghadapi sebarang bentuk cabaran dan risiko serta mengetahui cara-cara untuk menanganinya secara bersendirian.<sup>232</sup> Tambahan pula, pengembara solo juga memilih untuk melakukan aktiviti *backpack* secara bersendirian disebabkan oleh faktor kekangan tidak mempunyai peneman yang boleh dipercayai untuk mengembara bersama.<sup>233</sup>

Individu yang melakukan aktiviti ini secara berpasangan pula cenderung untuk memilih pasangan mereka; suami atau isteri<sup>234</sup> mahupun sahabat baik<sup>235</sup> untuk mengembara bersama. Pemilihan pasangan ini kebiasaannya dipengaruhi oleh kepercayaan dan minat yang sangat kuat untuk mengembara bersama. Manakala penglibatan individu yang berbentuk kumpulan kecil ini pula pada asasnya terbina oleh individu-individu *backpacker* solo yang bertemu di dalam perjalanan. Lalu, *backpacker* solo ini bergabung antara mereka dan seterusnya membentuk kumpulan kecil dan meneruskan perjalanan bersama.<sup>236</sup>

---

*Enhancing the Lives of Tourists and Residents of Host Communities*, International Handbooks of Quality-of-Life, 2012, 9-29.

<sup>231</sup> Jane Lu Hsu, Terry Chun-Ting Wang dan Phoebe Yu-Hsin Huang, "Motivations for First-Time and Repeat *Backpackers* in Shanghai," *Tourism Management Perspectives*, Vol 12, 2014, 57–61.

<sup>232</sup> Yvette Reisinger dan Felixmavondo, "Travel Anxiety and Intentions to Travel Internationally : Implications of Travel Risk Perception," *Journal of Travel Research*, Vol. 43, 2005, 212-225.

<sup>233</sup> Chu-yin Chiang dan Giri Jogaratnam, "Why do Women Travel Solo for Purposes of Leisure?," *Journal of Vacation Marketing*, Vol 12, No 1, 2005, 59-70.

<sup>234</sup> Anders Sorensen, "Backpackers Ethnography," 847-867.

<sup>235</sup> Bente Heimtun dan Fiona Jordan, "Wish You Weren't Here! : Interpersonal Conflicts and The Touristic Experiences of Noewegian and British Women Travelling with Friends," *Article of Tourist Studies* 11(3), 2011, 271-290.

<sup>236</sup> Linda Myers, "Women's Independent Travel Experiences in New Zealand" (Tesis kedoktoran, University of Sunderland, England, 2010), 153.

## 7. Destinasi terpencil.

Pemilihan lokasi dan destinasi ini pada kebiasaannya dipilih oleh para pencinta aktiviti *backpack* demi merasai sendiri pengalaman yang luar biasa.<sup>237</sup> Para pengembara ini sentiasa mencari jalan untuk merasai pengalaman yang berbeza daripada pelancong biasa sehinggakan mereka cenderung untuk memilih destinasi-destinasi terpencil dan berkonflik<sup>238</sup> seperti India dan Afghanistan. Pemilihan destinasi yang menjanjikan pelbagai risiko seperti rompakan, penculikan dan penipuan<sup>239</sup> ini menjadikan pengembaraan tersebut lebih mencabar dan ia tidak sekali-kali membataskan perjalanan mereka.

Kecenderungan untuk memilih destinasi dan laluan yang terpencil ini juga didorong oleh perasaan pengembara yang inginkan sesuatu yang berbeza<sup>240</sup> daripada pelancong biasa yang pada kebiasaannya hanya memilih kawasan tumpuan pelancong sebagai destinasi di samping untuk mencabar kemampuan diri. Para *backpackers* yang sering dikaitkan dengan golongan muda ini lebih ghairah untuk menrasai pengalaman yang mencabar kemampuan dan kekuatan diri mereka seperti mengembara merentasi pergunungan dan laluan-laluan sunyi serta terpencil.<sup>241</sup> Selain itu, pemilihan ini juga didorong oleh perasaan ingin mencari, merasai dan mempelajari tentang budaya baru<sup>242</sup> yang secara realitinya berbeza sama sekali dengan budaya asal pengembara tersebut. Pembelajaran budaya baru ini seterusnya digunakan oleh pengembara untuk membentuk jati diri, keyakinan diri dan pembinaan

---

<sup>237</sup> Kristin Lozanski, "Violence in Independent Travel to India : Unpacking Patriarchy and Neo-Colonialism," *Tourist Studies*, 2007, 295-315.

<sup>238</sup> Ibid.

<sup>239</sup> Arie Reichel, Galia Fuchs, dan Natan Uriely, "Perceived Risk and the Non-Institutionalized Tourist Role: The Case of Israeli Student Ex-Backpackers," *Journal of Travel Research*, Vol. 46, 2007, 217-226.

<sup>240</sup> Scott A. Cohen, "Chasing a Myth? Searching for 'Self' Through Lifestyle Travel," *Tourist Studies* 10(2), 2010, 117-133.

<sup>241</sup> Arie Reichel, Galia Fuchs, dan Natan Uriely, "Perceived Risk and the Non-Institutionalized Tourist Role: The Case of Israeli Student Ex-Backpackers," *Journal of Travel Research*, Vol. 46, 2007, 217-226.

<sup>242</sup> Ibid.

perasaan kemanusiaan berdasarkan budaya yang sepenuhnya berbeza dengan rutin kehidupan mereka.<sup>243</sup>

#### 8. Tujuan-tujuan umum.

Ciri-ciri aktiviti *backpack* yang seterusnya adalah berlandaskan kepada tujuan-tujuan umum aktiviti *backpack*. Ia sering kali dikaitkan dengan perjalanan yang tidak mempunyai matlamat yang tetap sepanjang perjalanan.<sup>244</sup> Kebanyakan *backpacker* ini hanya menetapkan matlamat dan tujuan pengembaraan mereka secara umum berdasarkan kepada apa yang mereka ingin rasai tanpa penelitian yang terperinci. Malah, tujuan penglibatan dalam aktiviti *backpack* ini pada kebiasaannya adalah sama antara individu-individu lain yang melakukan aktiviti ini.

Tujuan-tujuan umum ini antaranya adalah untuk merasai pengalaman tentang sesuatu yang baru dan berbeza dengan rutin kehidupan,<sup>245</sup> untuk mempelajari dan meneroka budaya masyarakat berbeza,<sup>246</sup> serta untuk mencabar kemampuan diri.<sup>247</sup> Penetapan tujuan-tujuan ini adalah berlandaskan kepada konsep aktiviti *backpack* itu sendiri yang mana ia sangat menitik beratkan aspek-aspek seperti bajet yang terhad. Maka, ia adalah perjalanan yang tidak berlandaskan kepada matlamat dan tujuan yang jelas serta tepat.

---

<sup>243</sup> Angela M. Durko dan Matthew J. Stone, "Even Lovers Need a Holiday : Women's Reflections of Travel Without Their Partner," *Tourism Management Perspectives* 21, 2017, 18-23.

<sup>244</sup> Huong T Bui, Hugh Wilkins dan Young-Sook Lee, "Liminal Experience of East Asian Backpackers," *Article of Tourist Studies*, Vol 12(2), 2014, 126-143.

<sup>245</sup> Scott Cohen, "Re-Conceptualising Lifestyle Travellers : Contemporary Drifters", dalam K. Hannam dan A. Diekmann, *Beyond Backpacker Tourism : Mobilities and Experiences*, (Clevedon : Channel View Publication, 2010), 64-84.

<sup>246</sup> Arie Reichel, Galia Fuchs, dan Natan Uriely, "Perceived Risk and the Non-Institutionalized Tourist Role: The Case of Israeli Student Ex-Backpackers," *Journal of Travel Research*, Vol. 46, 2007, 217-226.

<sup>247</sup> Scott A. Cohen, "Chasing a Myth? Searching for 'Self' Through Lifestyle Travel," *Tourist Studies* 10(2), 2010, 117-133.



### 3.3 BENTUK-BENTUK PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI *BACKPACK*

Bentuk penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini merangkumi tiga bentuk komposisi utama, iaitu secara solo atau bersendirian, secara berpasangan serta berkumpulan yang melibatkan lelaki dan wanita. Bentuk-bentuk penglibatan yang berbeza ini dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu.

Bagi penglibatan wanita secara solo, faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka adalah kerana lebih gemarkan pengembaraan *backpack* secara solo tanpa ditemani oleh sesiapa kerana mereka tidak mahu menyusahkan pasangan mereka apatah lagi menjadi beban sepanjang perjalanan.<sup>248</sup> Wanita masa kini juga lebih berdikari dan berani. Pada waktu yang sama, terdapat juga faktor luaran yang menjadikan mereka mengembara bersendirian. Faktor tersebut dicetuskan oleh masalah ketiadaan peneman, atau ahli keluarga mahupun rakan mereka tidak mempunyai dana yang cukup untuk mengembara bersama.<sup>249</sup>

Tambahan pula, antara faktor lain yang menjadi pencetus kepada pengembaraan solo wanita adalah keinginan wanita untuk keluar dari tradisi kehidupan wanita yang dipenuhi dengan pelbagai tanggungjawab sebagai seorang anak, isteri dan ibu.<sup>250</sup>

---

<sup>248</sup> Sakeena Suliman, "Travelling Without Mahram : Why Muslim Women Do It?", laman sesawang Jamiatul Ulama, dicapai 23 Februari 2017, <https://jamiat.org.za/travelling-without-a-mahram-why-do-muslim-women-do-it/>.

<sup>249</sup> Angela M. Durko dan Matthew J. Stone, "Even Lovers Need a Holiday : Women's Reflections of Travel Without Their Partner," *Tourism Management Perspectives* 21, 2017, 18-23.

<sup>250</sup> Huong T Bui, Hugh Wilkins dan Young-Sook Lee, "Liminal Experience of East Asian Backpackers," *Article of Tourist Studies*, Vol 14(2), 2014, 126-143.

Tanggungjawab yang perlu digalas dan dilaksanakan ini menjadikan mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk memenuhi keperluan dan kehendak mereka sendiri.<sup>251</sup>

Selain itu, wanita turut cenderung untuk membina keyakinan diri melalui pengembaraan secara solo. Pembinaan keyakinan diri ini mampu dicapai apabila mereka sepenuhnya bergantung kepada diri sendiri semasa menghadapi cabaran dan risiko sepanjang perjalanan mereka.<sup>252</sup> Walau bagaimanapun, wanita-wanita ini lebih berusaha untuk melindungi diri mereka dengan mengelak dari keluar malam dan berjalan di jalan yang sunyi demi menjaga keselamatan sepanjang perjalanan.<sup>253</sup>

Penglibatan wanita secara berpasangan pula melibatkan dua bentuk utama, iaitu berpasangan bersama golongan lelaki dan juga berpasangan bersama golongan wanita. *Backpacker* wanita pada kebiasaannya memilih rakan lelaki mereka yang mempunyai minat untuk mengembara sebagai pasangan mereka.<sup>254</sup> Mereka cenderung memilih untuk melakukan aktiviti *backpack* ini bersama rakan wanita sebagai peneman untuk mengembara. Bentuk penglibatan yang juga dikenali sebagai *girlfriend getaway* ini semakin menjadi trend pilihan wanita.<sup>255</sup>

Hal ini kerana kewujudan lelaki dalam pengembaraannya selalu mengekang dan mendominasi setiap aspek, terutamanya terhadap tingkah laku wanita ketika mengembara.<sup>256</sup> Ini menjadikan wanita tidak menikmati perjalanan mereka kerana terkongkong dengan lelaki yang sentiasa menegah mereka dari melakukan sesuatu perkara

---

<sup>251</sup> Linda Myers, "Women's Independent Travel Experiences in New Zealand"(Tesis kedoktoran, University of Sunderland, England, 2010), 17.

<sup>252</sup> Ibid., 18.

<sup>253</sup> Trip Advisor, "Women's Travel Survey", capaian dari <http://www.thestar.com.my/>, 10 Mac 2015.

<sup>254</sup> Anders Sørensen, "Backpacker Ethnography," *Annals of Tourism Research* 30, no. 4, 2003, 847-867.

<sup>255</sup> Liza Berdychevsky, Heather J. Gibson dan Heather L. Bell, "Girlfriend Getaway as a Contested Term : Discourse Analysis," *Tourism Management Journal*, Vol 55, 2016, 115-117.

<sup>256</sup> Linda Myers, "Women's Independent Travel Experiences in New Zealand", 16-17.

serta merasakan ia akan mengganggu kebebasan dan keseronokan yang patut dinikmati bersama rakan wanita yang lain.<sup>257</sup> Walau bagaimanapun, penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini bersama rakan-rakan sejawat turut mencetuskan konflik apabila berlakunya perbezaan pendapat antara satu sama lain dan seterusnya memberi impak kepada persahabatan dan perjalanan mereka.<sup>258</sup>

Manakala penglibatan wanita secara kumpulan bercampur lelaki dan wanita melibatkan dua jenis kumpulan iaitu, kumpulan pengembara yang saling mengenali dan mempunyai hubungan yang rapat, serta kumpulan pengembara asing yang pada mula mengembara secara solo dan membentuk kumpulan kecil semasa mengembara.<sup>259</sup> Kumpulan pertama pada kebiasaannya memilih rakan mereka untuk mengembara bersama disebabkan oleh faktor keserasian, faktor kerjasama yang baik dan juga faktor kepercayaan. Maka, ia menjanjikan perjalanan yang lebih baik bersama ahli kumpulan yang dikenali berbanding melakukan aktiviti *backpack* bersama orang asing.

Manakala kumpulan jenis kedua pula terbentuk apabila wanita yang melakukan aktiviti secara solo bertemu pengembara lain di pertengahan perjalanan atau di sesebuah destinasi, lalu mereka membina suatu komuniti kecil *backpacker* untuk mengembara bersama.<sup>260</sup> Pada kebiasaannya, pemilihan ahli kumpulan ini menitik beratkan kepada pemilihan destinasi yang sama serta rancangan perjalanan yang hampir sama untuk memudahkan perjalanan mereka. Selain itu, kelebihan untuk mengembara bersama kumpulan pengembara asing ini boleh dilihat melalui pengalaman-pengalaman yang telah

---

<sup>257</sup> Angela M. Durko dan Matthew J. Stone, "Even Lovers Need a Holiday : Women's Reflections of Travel Without Their Partner," *Tourism Management Perspectives* 21, 2017, 18-23.

<sup>258</sup> Bente Heimtun dan Fiona Jordan, "Wish You Weren't Here! : Interpersonal Conflicts and The Touristic Experiences of Norwegian and British Women Travelling with Friends," *Article of Tourist Studies* 11(3), 2011, 271-290.

<sup>259</sup> Linda Myers, "Women's Independent Travel Experiences in New Zealand" (Tesis kedoktoran, University of Sunderland, England, 2010), 115.

<sup>260</sup> *Ibid.*, 153.

dilalui pada perjalanan-perjalanan solo sebelumnya. Lalu, ia menghasilkan sebuah perjalanan yang berkisarkan pelbagai pengalaman berharga.

### 3.4 CABARAN DAN IMPLIKASI AKTIVITI *BACKPACK*

Penglibatan dalam aktiviti *backpack* ini tidak lari daripada pelbagai bentuk cabaran dan implikasi yang diperolehi sepanjang perjalanan. Cabaran-cabaran ini bervariasi dan boleh diklasifikasikan kepada dua bentuk utama, iaitu cabaran yang boleh di atasi dan cabaran yang tidak boleh di atasi. Secara umumnya, cabaran dan implikasi ini boleh terjadi kepada setiap individu *backpacker* tanpa mengira jantina. Namun, *backpacker* wanita lebih terdedah kepada pelbagai cabaran berbanding *backpacker* lelaki.

Cabaran-cabaran yang tidak boleh di atasi lebih berbentuk cabaran yang tidak terjangka dan terkawal oleh akal manusia biasa. Ia terjadi disebabkan oleh keadaan persekitaran destinasi pengembaraan *backpack* itu sendiri. Kejadian-kejadian luar jangkaan seperti fenomena bencana alam seperti banjir, gempa bumi dan sebagainya boleh mempengaruhi perjalanan aktiviti *backpack*.<sup>261</sup> Malah, kejadian-kejadian seperti rusuhan dan demonstrasi yang berlaku akibat kegawatan politik<sup>262</sup> juga menjadi salah satu cabaran yang tidak mampu dikawal dan terpaksa dihadapi oleh para *backpackers* sepanjang perjalanan mereka.

Antara punca terjadinya cabaran-cabaran ini boleh dilihat dari tujuan dan matlamat wanita untuk melakukan aktiviti *backpack*. Mereka terlalu ghairah untuk keluar dari zon

---

<sup>261</sup> Sheng-Hshiang Tsaur, Chang-Hua Yen dan Chia-Li Chen, "Independent Tourist : Knowledge and Skills," *Annals of Tourism Research* 37, 2010, 1035-1054.

<sup>262</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Kembara Afghanistan*, (Selangor : SNAR, 2016), 29-35.

selesa dan keluar mengembara<sup>263</sup> demi untuk merasai pengalaman baru yang berbeza daripada rutin kehidupan mereka.<sup>264</sup> Lalu, kesan daripada cabaran-cabaran yang tidak boleh di atasi ini kadang kala menyebabkan para *backpackers* juga terpaksa menamatkan perjalanan mereka demi keselamatan nyawa dan harta benda mereka.<sup>265</sup> Selain itu, implikasi lain yang terpaksa dihadapi oleh para *backpackers* ini adalah seperti menjadi mangsa kepada pergolakan politik sehingga ditangkap oleh pihak berkuasa antaranya atas tuduhan sebagai perisik.<sup>266</sup>

Dalam masa yang sama, para pencinta aktiviti *backpack* ini turut menghadapi cabaran-cabaran yang telah dijangka. Cabaran ini walau bagaimanapun boleh diatasi kerana telah diketahui lebih awal dan boleh diselesaikan berdasarkan pengalaman dan norma kehidupan masyarakat tempatan di destinasi tujuan. Para *backpackers* ini juga kebiasaannya sudah bersedia untuk menghadapi dan menangani cabaran-cabaran tersebut. Risiko-risiko yang sering dihadapi oleh para *backpackers* meliputi risiko keselamatan, kesihatan dan maruah.

Pada kebiasaannya, risiko ini terjadi disebabkan oleh kecuaiian dan kegagalan *backpackers* itu sendiri untuk memelihara dan melindungi diri dan harta yang mereka bawa<sup>267</sup> serta kekurangan penjagaan tingkah laku ketika melakukan aktiviti ini.<sup>268</sup> Risiko keselamatan yang sering mencabar perjalanan *backpackers* adalah seperti rompakan dan

---

<sup>263</sup> Lara Week, "I am Not a Tourist : Aims and Implications of Travelling," *Tourist Studies* 12(2), 2012, 186-203.

<sup>264</sup> Ibid.

<sup>265</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Kembara Afghanistan*, (Selangor : SNAR, 2016), 29-35.

<sup>266</sup> Ibid.

<sup>267</sup> Arie Reichel, Galia Fuchs dan Natan Uriely, "Perceived Risk and the Non-Institutionalized Tourist Role : The Case of Israeli Student Ex-Backpackers," *Journal of Travel Research* 46, 2007, 217-226.

<sup>268</sup> Kristin Lozanski, "Violence in Independent Travel to India : Unpacking Patriarchy and Neo-Colonialism," *Tourist Studies*, Vol. 7(3), 2007, 295-315.

kecurian<sup>269</sup>, penipuan<sup>270</sup> dan juga penculikan.<sup>271</sup> Kejadian-kejadian ini acap kali terjadi dalam kalangan *backpackers* kerana keberadaan mereka di sesebuah destinasi itu menjadi tumpuan masyarakat sekeliling.<sup>272</sup> Selain itu, kelemahan mereka dalam mengadaptasi suasana persekitaran<sup>273</sup> turut menjadikan mereka mangsa kepada jenayah-jenayah ini.

Manakala risiko yang mencabar tahap kesihatan ketika melakukan aktiviti *backpack* ini pula melibatkan risiko penyakit berjangkit seperti *sexually transmitted infections* (STI) dan malaria serta kecederaan ringan dan berat yang melibatkan anggota badan secara luaran dan dalaman.<sup>274</sup> Risiko penyakit berjangkit seperti STI berlaku akibat pengabaian terhadap tingkah laku dengan mengamalkan seks bebas tanpa sebarang perlindungan<sup>275</sup> di dalam kelompok golongan *backpacker* itu sendiri<sup>276</sup> mahupun di antara golongan *backpacker* dan masyarakat tempatan.<sup>277</sup> Adapun begitu, penyakit seperti malaria dan taun pula menular berpunca dari pemilihan destinasi terpencil dan kurang membangun yang masih mengabaikan tahap kebersihan dan kesihatan.<sup>278</sup>

Selain itu, risiko-risiko seperti rogol dan pencabulan pula telah menjadi salah satu cabaran wanita ketika melakukan aktiviti *backpack*. Hal ini kerana kejadian-kejadian

---

<sup>269</sup> Mohammad Reza Jalilvand, "Perceived Risks in Travelling to the Islamic Republic of Iran," *Journal of Islamic Marketing* 3(2), 2012, 175-189.

<sup>270</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Namastee India*, (Selangor : SNAR, 2016), 38-40.

<sup>271</sup> Logeswaran Tangavello et. al, "Isu Keselamatan dalam Industri Pelancongan : Satu Tinjauan Konsep," *Malaysian Journal of Society and Space* 11 (12), 2015, 32-41.

<sup>272</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Kembara Afghanistan*, 109-112.

<sup>273</sup> Lorraine Brown dan Hanaa Osman, "The Female Tourist Experience in Egypt as an Islamic Destination," *Annals of Tourism Research* 63, 2017, 12-22.

<sup>274</sup> Chayasin Mansaguan et. al, "Health Problem and Health Care Seeking Behaviour among Adult Backpackers while Travelling in Thailand," *Tropical Diseases, Travel Medicine and Vaccines* 2(9), 2016, 1-5.

<sup>275</sup> Severine Ansart et al., "Sexually Transmitted Diseases Diagnosed among Travelers Returning from the Tropics," *International Society of Travel Medicine* 16(2), 2009, 79-83.

<sup>276</sup> Mats Sundbeck et. al, "Sexual Risk-Taking during Travel Abroad-A Cross-Sectional Survey among Youth in Sweden," *Travel Medicine and Infectious Disease* 14, 2016, 233-241.

<sup>277</sup> Irmgard Bauer, "Relationship between Female Tourists and Male Locals in Cuzo/Peru : Implications for Travel Health Education," *Travel Medicine and Infectious Disease* 7, 2009, 350-358.

<sup>278</sup> Stephen Toovey, "Travelling to Africa : Health Risks Reviewed," *Travel Medicine Infectious Disease* 4, 2006, 147-158.

tersebut telah menjadikan maruah *backpacker* wanita itu tergedai dan tercemar. Walau bagaimanapun, jenayah rogol dan pencabulan ini boleh dielakkan oleh para *backpackers* wanita dengan cara mengadaptasi norma kehidupan tempatan seperti memakai pakaian yang sesuai dan membataskan pergaulan dengan jantina yang berlawanan ketika mengembara.<sup>279</sup> Mereka juga perlu mengutamakan keselamatan dan berhati-hati ketika melakukan perjalanan dengan tidak melakukan perjalanan lewat malam secara bersendirian.<sup>280</sup> Pemilihan destinasi-destinasi konflik seperti India menjadikan pengembara solo wanita sebagai sasaran utama kepada jenayah-jenayah seksual<sup>281</sup> turut mendedahkan wanita secara langsung kepada risiko ini.

Selain itu, faktor lain yang menyebabkan wanita terdedah dengan pelbagai risiko adalah berkait rapat dengan aspek kelemahan fizikal wanita itu sendiri.<sup>282</sup> Wanita mempunyai fizikal yang lebih lemah berbanding lelaki menjadikan pelaku jenayah lebih menyasarkan jenayah mereka kepada golongan wanita.<sup>283</sup> Hal ini kerana, mereka sudah mengetahui bahawa wanita tidak akan mampu untuk menandingi tenaga mereka dan lebih mudah untuk mengalah apabila sesuatu jenayah berlaku.

Maka, risiko-risiko ini terpaksa dihadapi oleh pengembara *backpack* demi merealisasikan impian mereka untuk merasai pengalaman luar biasa. Ia mampu ditangani dengan persediaan dan penjagaan terhadap diri serta harta yang secukupnya oleh para *backpackers*. Namun begitu, cabaran-cabaran ini sama ada cabaran yang boleh di atasi mahupun cabaran luar jangkaan ini tidak memutuskan semangat para *backpackers* untuk

---

<sup>279</sup> Lorraine Brown dan Hanaa Osman, "The Female Tourist Experience in Egypt as an Islamic Destination," *Annals of Tourism Research* 63, 2017, 12-22.

<sup>280</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Kembara Afghanistan*, (Selangor : SNAR, 2015), 109-112.

<sup>281</sup> Kristin Lozanski, "Violence in Independent Travel to India : Unpacking Patriarchy and Neo-Colonialism," *Tourist Studies*, vol 7(3), 2007, 295-315.

<sup>282</sup> Torun Elsrud, "Risk Creation in Travelling : Backpacker Adventure Narration," *Annals of Tourism Research* 28(3), 2001, 597-617.

<sup>283</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Namastee India*, (Selangor : SNAR, 2016), 147-149.

terus melakukan aktiviti *backpack* ini. Malah, ia menjadi salah satu faktor pencetus motivasi mereka untuk mengembara lebih jauh dan meneroka lebih banyak lagi destinasi-destinasi terpencil dan berbahaya.<sup>284</sup>

Hal ini kerana, dengan kewujudan cabaran-cabaran ini, para pengembara merasakan mereka boleh mencabar dan membina keyakinan diri untuk menanganinya.<sup>285</sup> Dalam masa yang sama, para pengembara juga merasakan risiko ini adalah sesuatu perkara yang normal yang tidak mampu dielakkan lagi oleh individu biasa.<sup>286</sup> Maka, mereka tidak gentar untuk mengharunginya di sepanjang perjalanan mereka dan menganggap ianya sebagai rencah kepada pengalaman hidup mereka pada masa hadapan.

### 3.5 KESIMPULAN

Aktiviti *backpack* ini telah menjadi trend ikutan oleh pelbagai golongan umur dan jantina. Aktiviti yang pada mulanya dilakukan oleh masyarakat Eropah, kini semakin mendapat tempat di hati penggemar aktiviti pelancongan ekstrem di seluruh dunia, khususnya di Malaysia. Aktiviti *backpack* merupakan satu bentuk sebuah perjalanan yang menggunakan beg galas dalam jangka masa dan jarak yang tertentu ke destinasi-destinasi terpilih yang pada kebiasaannya bukan destinasi pilihan pelancong. Aktiviti ini juga sering dikaitkan dengan pelbagai ciri-ciri yang menjadikannya unik dan berbeza dengan jenis pelancongan biasa.

Malah, penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini semakin meningkat dengan pelbagai komposisi penglibatan dan faktor pendorong. Wanita berpendapat bahawa dengan melakukan aktiviti *backpack* ini mampu menjadikan mereka lebih berdikari, berdaya saing

---

<sup>284</sup> Chu-Yin Chiang dan Giri Jogaratnam, "Why do Women Travel Solo for Purposes of Leisure?," *Journal of Vacation Marketing*, Vol 112, No 1, 2005, 59-70.

<sup>285</sup> Ibid.

<sup>286</sup> Barbara Adkins, "Backpackers as a Community of Strangers: The Interaction Order of an Online Backpacker Notice Board," *Qualitative Sociology Review*, Vol 3, No 2, 2007, 188-201.



serta mampu membina keyakinan diri mereka sebagai wanita zaman moden. Cabaran-cabaran yang dilalui serta implikasi yang diperolehi oleh para *backpackers*, khususnya wanita dalam bentuk yang bervariasi tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk merasai sendiri pengalaman luar biasa yang mencabar daripada aktiviti *backpack* ini.

Justeru, penglibatan wanita yang semakin meningkat dalam aktiviti ini tidak lari daripada beberapa isu yang menjadi perbincangan oleh ahli akademik. Isu-isu yang merangkumi tiga aspek utama, iaitu aspek tujuan dan matlamat, aspek risiko dan keselamatan serta aspek maruah wanita menjadi tunjang perbincangan dalam kajian berkaitan aktiviti *backpack* ini. Aspek-aspek tersebut dianalisis dan diberi penilaian semula untuk mendapatkan jawapan kepada hukum sebenar berhubung penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini.

## **BAB 4 : ANALISIS HUKUM PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI *BACKPACK***

### **4.1 PENGENALAN**

Hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* ini pada asasnya berlandaskan kepada ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah SAW berkaitan permusafiran wanita. Aktiviti *backpack* ini merupakan salah satu bentuk pelancongan dan ia diqiayakan kepada permusafiran dalam bentuk moden kontemporari. Maka, hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* ini berlandaskan kepada hukum wanita bermusafir tanpa mahram menurut perspektif hukum Islam semasa dengan melihat kepada hukum-hukum yang sedia ada berkaitan larangan wanita untuk bermusafir tanpa mahram dan menganalisis semula fatwa-fatwa dan kelonggaran yang diberikan oleh Islam untuk bermusafir bagi wanita.

Bab ini turut membincangkan penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* dalam konteks semasa. Analisis hukum ini dilaksanakan dengan merujuk kepada hukum permusafiran wanita berdasarkan al-Quran dan al-Hadith. Penilaian terhadap hukum semasa ini banyak dibuat dengan mengambil kira realiti sebenar aktiviti *backpack* dalam kalangan wanita yang di fahami melalui temu bual yang dilakukan oleh pengkaji terhadap dua orang informan. Analisis kemudian dilakukan secara komperatif dengan perbincangan hukum dan fatwa-fatwa berkenaan kelonggaran syarat permusafiran wanita. Akhirnya satu garis panduan umum bagi wanita untuk melakukan aktiviti *backpack* ini dicadangkan.

## **4.2 ANALISIS PERSPEKTIF GOLONGAN *BACKPACKER* TERHADAP PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI *BACKPACK***

Setelah melakukan pemerhatian dan analisis terhadap sorotan literatur kajian-kajian lepas, pengkaji dapat memahami dengan jelas konsep aktiviti *backpack* ini. Namun, pengkaji merasakan adalah satu keperluan yang mendesak bagi pengkaji untuk melihat, memerhati dan menilai pandangan serta perspektif golongan *backpacker* itu sendiri tentang penglibatan mereka dalam aktiviti ini, terutamanya golongan *backpacker* solo wanita.

Perspektif golongan *backpacker* wanita terhadap penglibatan dalam aktiviti *backpack* ini dianalisis melalui temu bual yang telah dijalankan terhadap dua orang pencinta tegar aktiviti ini. Mereka mempunyai pengalaman yang luas dalam aktiviti ini serta telah menghasilkan buku bergenre travelog yang berkisarkan perjalanan dan pengembaraan mereka. Selain itu, pengkaji turut menganalisis tiga buah buku yang telah ditulis oleh kedua-dua orang informan untuk memahami selok belok dan ranjau sebenar yang dihadapi sebagai seorang *backpacker* solo wanita.

### **4.2.1 Faktor dan Matlamat Utama**

i) Mendalami kehidupan dan kebudayaan masyarakat lokal.

Pada umumnya, kehidupan masyarakat asing di luar negara sering kali di putar belit oleh pihak media massa dengan pelbagai tujuan, sama ada ia berbentuk tujuan yang positif mahupun negatif. Sebagai contoh, keadaan di negara-negara bergolak seperti Pakistan dan Afghanistan sering dimomokkan dengan peperangan, bom dan keadaan yang tidak aman. Begitu juga nasibnya dengan negara India yang menjadi buah mulut kerana sering dikaitkan dengan penipuan yang berleluasa.

Namun, bagi Informan Satu yang sudah beberapa kali mengembara ke Pakistan, beliau sama sekali tidak bersetuju dengan kenyataan media massa yang sering diputar belit itu. Bagi beliau, keadaan di Pakistan yang sering dikaitkan dengan bom itu tidaklah seteruk yang diperkatakan.

“...erm..*perception* orang tentang India mungkin tak berapa selamat sebenarnya untuk perempuan terutamanya. Dan Pakistan pun sama jugak. Kita biasa dengar kat news bom apa semua tu kan. Tapi tak tahu, pada akak...aaa...akak punya ni (*perception*), selamat je, tak tahu la. Itu mungkin media. Sebenarnya benda-benda media ni dia kadang lebih daripada realiti dia. *So*, nak tahu yang sebenarnya memang kena pergi sana dan tengok sendiri. Baru tahu la. *So*, kalau orang tanya akak selamat ke tak selamat, then tengok je berapa kali akak pergi sana. Berulang-ulang. Kalau tak selamat mesti akak tak pergi lagi kan.” (I1<sup>287</sup>)

Walau bagaimanapun, beliau bersetuju bahawasanya keadaan di Afghanistan adalah tidak selamat dan tidak aman untuk dikunjungi oleh pengembara terutamanya bagi *backpacker* solo wanita. Bahkan, tujuan beliau menulis buku beliau ; Travelog ET : Kembara Afghanistan adalah untuk memberitahu masyarakat hakikat sebenar yang terjadi di sana. Seterusnya masyarakat boleh menilai sendiri tahap keamanan dan keselamatan untuk mengembara di bumi Afghanistan.

“Jujurnya, itu la satu sebab kenapa akak tulis buku Afghanistan tu. Sebab bila akak pergi sana *and then* akak cakap laa sikit-sikit dalam *Facebook*, dan mungkin orang akan ada persepsi macam ‘oh boleh jugak pergi Afghanistan blablabla’ macam tu kan. Akak risau macam tu. Sebab tu akak tulis cerita tu memang *detail* dalam buku. *So*, orang boleh faham cerita dia macam mana, orang boleh nilaikan macam mana. Kalau nak pergi, pergi lah. Dah tahu kan cerita dia. Kalau tak, akak risau kalau macam orang ingat tempat tu sebenarnya boleh pergi macam tu kan.” (I1)

Malah, beliau jujur menceritakan dengan terperinci risiko yang terpaksa ditanggungnya ketika mengembara di Afghanistan apabila beliau dituduh sebagai perisik

---

<sup>287</sup> I1 merujuk kepada Informan Satu.

dan telah ditangkap selama beberapa hari.<sup>288</sup> Tambahnya lagi, risiko untuk dituduh dan ditangkap sebagai perisik itu berpunca dari trauma yang dilalui oleh penduduk Afghanistan selepas berlakunya peperangan dan ia menjadikan mereka mencurigai setiap orang asing yang datang ke negara mereka.

“So, Afghanistan ni memang kita tahu negara yang baru lepas perang kan. So, orang-orang dia orang-orang yang ada trauma lepas perang kan. So, bila pergi ke Afghanistan ni...erm...mungkin dah tahu kes akak kena tangkap tu... So, memang pada akak memang jujurnya Afghanistan memang tak selamat la untuk *tourist*. Memang tak selamat macam India dan Pakistan...Tapi, walau macam mana pun, akak *still* tak galakkan orang pergi sana (Afghanistan). Sebenarnya ada risiko dia la. Risiko dia sangat tinggi sebab dia orang ni sangat *suspicious* dengan orang luar. Sebab yelah akak cakap tadi, dia orang masih trauma dengan perang. So, tiap orang, setiap *foreigner* yang datang tu dia orang akan suspek sebagai *spy* ke apa. Dia orang...dia orang sangat *suspicious* dengan orang luar.” (I1)

Maka, golongan *backpacker* ini berpendapat bahawa tidak mungkin seseorang itu dapat memahami dan mendalami sesuatu negara dan masyarakat dengan hanya berlandaskan media massa sahaja. Tetapi, ia mampu untuk difahami dengan melakukan pengembaraan dan bertemu sendiri dengan masyarakat lokal yang sudah pasti kaya dengan budaya, berbeza agama dan bahasa.

ii) Medan untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat.

Aktiviti *backpack* juga kini menjadi salah satu platform wanita untuk berkongsi dan berbagi ilmu, maklumat dan pengalaman yang mereka perolehi sepanjang mengembara dari destinasi ke destinasi. Pengalaman-pengalaman unik yang dikongsi oleh informan-informan ini melalui media sosial seperti *Facebook* dan blog seterusnya menjadi inspirasi kehidupan masyarakat.

---

<sup>288</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Kembara Afghanistan* (Selangor : SNAR, 2016), 29-35.

Malah, menurut Informan Dua, beliau mengembara untuk berkongsi sesuatu pengalaman yang tidak ada di Malaysia kerana beliau percaya bahawa rakyat Malaysia mampu menjadi manusia yang lebih baik daripada sekarang. Bahkan, beliau menganggap dengan melakukan aktiviti *backpack* dan berkongsi pengalaman di *Facebook* mahupun di dalam buku menjadi salah satu tanggungjawab sosial yang perlu dipenuhi. Beliau turut menganggapnya sebagai dakwah kerana beliau percaya melalui perkongsian yang dilakukan, mampu menjadikan masyarakat Malaysia berfikir dan mengambil pengajaran dari pengalaman yang telah dilaluinya.

“Aaaa akak selalu fikir yang sebenarnya orang kita, orang Malaysia sebenarnya boleh jadi lebih baik daripada sekarang... *So*, akak pergi keluar tu nak tengok keadaan orang. Sebab akak suka fikir. Bila tengok tu kan, terfikir, fikir, fikir. Fikir-fikir tu pastu akak rasa *something* kena kongsi dengan orang kita. Paling kurang pun dengan *Facebook*. Yang paling lagi ni...buku la...Tapi sekurang-kurangnya daripada tulisan tu akak ada *something* yang boleh *share*. Sebab akak percaya rakyat Malaysia boleh jadi lebih baik dari sekarang.”

Selain daripada itu, beliau turut merasakan dengan melakukan aktiviti *backpack* dan berkongsi pengalaman mengembara itu sebagai satu tanggungjawab sosial manusia yang perlu dipenuhi. Tanggungjawab sosial ini turut dijadikan asas kepada dakwah yang ingin cuba disampaikan kepada masyarakat Malaysia. Informan menyatakan :

“Tapi pada akak, tanggungjawab sosial kut. Hahaha. Sebab kalau ikut Islam pun, semua siapa je yang Islam tu pendakwah kan. *So*, itu cara akak berdakwah. Sebab teringin nak tengok Malaysia yang lebih baik. Teringin sangat...” (I2<sup>289</sup>)

Lalu, berdasarkan kenyataan ini, informan berpendapat bahawa tanggungjawab sebagai seorang Muslim itu sedikit sebanyak dapat dilaksanakan dengan mengembara. Tambahan pula, beliau turut menyatakan di dalam travelog beliau bahawasanya tanggungjawab ini bukan sahaja berkisar tentang amalan ibadat diri sendiri, namun tanggungjawab sebagai dai yang menjadi model Muslim kepada masyarakat bukan Islam di

---

<sup>289</sup> I2 merujuk kepada Informan Dua.

negara luar. Khususnya bagi negara-negara yang kurang pendedahan asas tentang agama Islam seperti Korea, yang mana memerlukan umat Islam sebagai pengembara untuk sedikit demi sedikit memberikan gambaran yang baik tentang agama Islam.<sup>290</sup>

iii) Ketagihan untuk mengembara.

Aktiviti *backpack* ini merupakan suatu aktiviti yang mampu membuatkan pelakunya ketagihan untuk melakukannya. Golongan *backpacker* ini akan merasakan ketagihan yang hanya mampu diubati dengan melakukan aktiviti *backpack* ini. Menurut Informan Dua, ketagihan ini dinamakan sebagai *post travel depression* yang mana pada kebiasaannya mereka akan merindui suasana dan keadaan ketika mengembara. Informan Dua menyatakan bahawa :

“...aaa *travel backpack* ni dia *addictive*. Dia sangat *addictive*. Dan ada yang dipanggil *post-travel depression* kan. Bila kita balik akan teringat-ingat. Dia seperti ada ketagihan untuk melalui imegresen, nak cop passport, nak *scan* beg. Dia ada ketagihan tu.” (I2)

Maka, berdasarkan kenyataan ini, ketagihan informan dua ini adalah berbentuk ketagihan untuk melalui prosedur-prosedur di lapangan terbang seperti prosedur imegresen yang mana ia menjadikan informan dua berulang kali melakukan aktiviti *backpack* ini dari satu destinasi ke destinasi yang lain demi melunasi ketagihan atau *post-travel depression* yang dihadapi.

Manakala Informan Satu pula tidak menyatakan secara nyata, tetapi melalui temu bual yang dilakukan menunjukkan bahawa pengembaraan itu telah menjadi sebahagian daripada kehidupannya yang tidak boleh dipisahkan. Beliau menyatakan dalam temu bual bersama pengkaji :

---

<sup>290</sup> Azzah AR, *Nota Perempuan Backpacker* (Kuala Lumpur : Nuun Creative Books, 2017), 134-136.

“...Akak akan tetap *travel* sebab memang benda tu kat dalam (hati). Tak boleh tak *travel*. Akak memang tak boleh tak *travel*. So, erm...rasanya tak kut. Rasanya daripada pengalaman-pengalaman tak baik macam kena tangkap (di Afghanistan) semua benda-benda tu tak akan buat akak berhenti (*travel*).” (I1)

Berdasarkan kenyataan di atas, pengalaman buruk yang dimaksudkan di dalam kenyataan di atas merujuk kepada pengalaman beliau yang ditahan dan ditangkap oleh pihak berkuasa Afghanistan kerana dituduh sebagai perisik dari India. Maka, ia membuktikan bahawa ketagihan informan satu ini tidak boleh dihalang mahupun dihentikan walau apapun yang terpaksa dihadapi sepanjang mengembara kerana aktiviti backpack ini sudah berada di dalam jiwa beliau.

Pada masa yang sama, keseronokan untuk melihat dan memerhati gaya kehidupan masyarakat lokal yang berbeza dari kehidupan masyarakat sendiri melahirkan perasaan yang membuak-buak di dalam diri kedua-dua informan menambahkan lagi ketagihan mereka untuk melakukan aktiviti *backpack* ini. Menurut Informan Dua, beliau sengaja memilih untuk menginap di kawasan yang di penuh dengan masyarakat lokal ketika mengembara. Beliau menyatakan :

“...dia ada satu *feeling* yang seronoknya pergi *travelling like a local!*...erm...ketagihan tu ketagihan nak tengok kehidupan lokal, rutin harian dia orang, apa yang dia orang buat, kalau dia orang makan, dia orang pilih makan kat mana. Itu lah. Itu yang terjadi. Benda yang akak nak sangat tengok.” (I2)

Hal ini kerana, beliau merasakan suatu keseronokan untuk melihat corak kehidupan masyarakat lokal yang berbeza dengan corak kehidupan beliau di Malaysia. Keseronokan ini pada akhirnya bertukar menjadi sebuah ketagihan yang mana ia hanya mampu dilunasi dengan mengembara ke destinasi berbeza.

Informan Satu pula menyatakan keseronokan mengembara yang menjadikannya sanggup mengembara berulang-ulang kali tanpa henti adalah keseronokan dan keterujaan



ketika berjumpa dengan orang baru di sepanjang perjalanan. Hasil daripada pertemuan dengan orang-orang baru itu memberikan pelbagai input baru yang berguna dalam kehidupannya. Ia dinyatakan secara jelas ketika temu bual bersama pengkaji :

“...akak memang suka tengok keadaan tempat orang tu. Tu satu. Lagi satu memang akak suka jumpa orang...orang-orang baru...Bila *travel* sendiri, kita akan jumpa orang-orang yang baru dan kita bercakap dengan dia orang, belajar banyak benda daripada orang tu...*So*, satu la...satu sebab nak tengok tempat baru, and *then* nak bercakap dengan orang, nak jumpa orang baru, orang lokal terutamanya...” (I1)

Maka, faktor lain mereka melibatkan diri dalam aktiviti *backpack* ini dan menjadi *backpacker* wanita tegar adalah disebabkan oleh ketagihan mereka untuk keluar mengembara. Ketagihan-ketagihan ini menjadikan mereka keluar melakukan aktiviti *backpack* berulang-ulang kali tanpa henti. Pengalaman-pengalaman yang diperolehi daripada pengembaraan mereka ini menjadikan mereka berulang kali melakukan aktiviti *backpack*. Ini adalah kerana mereka merasakan ketagihan yang dihadapi oleh mereka ini hanya mampu diubati dan dilunasi dengan mengembara ke pelbagai destinasi serata dunia.

Kesimpulannya, terdapat tiga faktor dan matlamat utama yang ingin dicapai oleh golongan *backpacker* melalui penglibatan di dalam aktiviti *backpack* ini. Faktor dan matlamat ini menjadi tonggak kepada motivasi mereka untuk mengembara serata dunia dan mengambil pengajaran dan pembelajaran dari jalanan. Seterusnya, ia dikongsi bersama untuk memberi inspirasi kepada masyarakat, khususnya wanita yang menjadi madrasah kepada anak-anak generasi muda.

#### 4.2.2 Reaksi Golongan *Backpacker* Solo Wanita Terhadap Risiko dan Bahaya Sepanjang Melakukan Aktiviti *Backpack*

Aktiviti *backpack* dan risiko memang tidak dapat dipisahkan lagi. Pelbagai risiko, cabaran, dugaan dan bahaya sering dikaitkan dan diperkatakan oleh golongan *backpacker* ini. Namun, ia menjadi satu tanda tanya apabila segala risiko dan bahaya itu sama sekali tidak mempengaruhi motivasi informan-informan untuk melakukan aktiviti *backpack*. Sedangkan, risiko-risiko yang mereka hadapi itu dilihat agak membahayakan seperti penipuan oleh penduduk lokal di India<sup>291</sup>, pembunuhan dan pengebomam di Afghanistan<sup>292</sup> serta dituduh sebagai perisik.<sup>293</sup> Kesemua risiko ini tidak menjejaskan cinta mereka kepada aktiviti ini. Malah, ia menjadi sebagai penambah rencah dan rasa kepada pengalaman-pengalaman mereka dan seterusnya menjadikan mereka lebih ketagihan untuk melakukannya.

Risiko dan bahaya yang sering dihadapi oleh golongan *backpacker* ini telah menjadi asam garam kehidupan mereka sebagai pengembara dunia. Namun, ia perlulah dihadapi dengan pelbagai jenis persediaan dari segi mental dan fizikal agar risiko-risiko tersebut tidak menjejaskan perjalanan mereka. Informan Satu menegaskan bahawa wanita perlu mempercayai naluri mereka yang sensitif terhadap keadaan persekitaran. Hal ini kerana, naluri wanita lebih cepat mengesan keadaan-keadaan yang meragukan di sekeliling mereka. Lalu, dengan mempercayai naluri wanita ini membolehkan mereka mengambil langkah berhati-hati semasa berlakunya sesuatu yang tidak diingini.

“So, perempuan yang *travel* ni kena gunakan dia punya *instinct*. *Instinct* dia. Macam *you* boleh rasa bila kita jumpa dengan orang baru ni, kita cakap dengan dia sikit, *and then* kita boleh rasa dia ni boleh percaya, tak boleh percaya. Dia

---

<sup>291</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Namastee India* (Selangor : SNAR, 2016), 40.

<sup>292</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Kembara Afghanistan* (Selangor : SNAR, 2016), 88-89.

<sup>293</sup> *Ibid*, 29-35.

ni orang macam mana semua kan. *So*, dari situ, kita buat kita punya keputusan sama ada kita nak jauhkan daripada orang macam ni ataupun boleh buat kawan. Macam tu la. *So*, kena percaya kita punya *instinct* la. Benda pertama yang tergerak dalam hati tu la yang betul...” (I1)

Selain itu, kedua-dua informan juga mengatakan bahawa mereka akan melakukan kajian terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti *backpack*. Bahkan, mereka akan melakukan kajian yang sangat terperinci dari pelbagai aspek seperti jenis-jenis penipuan yang biasa berlaku di India dan tips-tips untuk mengelakkan penipuan ini.<sup>294</sup>

“Haa..persediaan yang paling utama sebelum tu adalah buat *research*, terutamanya bila kita *travel* sendiri. Lelaki ke perempuan ke, sama je. *So*, *you* buat *research* yang banyak. Sangat-sangat banyak. Sebanyak mungkin yang boleh sebelum kita *travel*. *So*, itu sangat utama. Tak ada cara lain. Tak ada benda yang singkat kecuali *you* ikut *travel agent*. *You* tak payah buat *research*. Tapi kalau *you* nak pergi *backpacking*, sorang-sorang terutamanya, memang kena buat *research* yang banyak...” (I1)

“...Selain tu, akak buat *research*. Akak punya *research* tahap *research* ni sampai tahap boleh buat buku la. Hahahha. *Very well prepared* laa.” (I2)

Lalu, Informan Dua menambah bahawa apabila sudah mengetahui dengan terperinci berkaitan destinasi yang ingin dituju, maka mereka akan mempersiapkan mental mereka dengan segala risiko dan bahaya yang bakal mereka hadapi dan ia menjadikan mereka lebih positif ketika menghadapinya.

“...Tapi, selagi kita tak berusaha, selagi tu kena fikir dua kemungkinan baik dan kemungkinan buruk. Mesti kena fikir. *So*, sebenarnya...mental memang kena *ready* lah. Kadang-kadang tak ada lah kuat sangat pun mental. Tapi sebab *ready* kut. Sebab bila *ready* kita akan macam boleh agak apa nak jadi.” (I2)

Jelas, ia menunjukkan bahawa persediaan yang rapi sebelum melakukan aktiviti *backpack* dari segi kajian terperinci tentang destinasi tujuan mempunyai hubungan signifikan dengan persediaan mental seorang *backpacker*. Kajian yang terperinci ini mampu menjadikan seorang *backpacker* itu lebih positif dan mampu mengawal perasaan dalam menghadapi halangan atau risiko yang tidak terduga ketika mengembara.

---

<sup>294</sup> Azzah AR, *Nota Perempuan Backpacker* (Kuala Lumpur : Nuun Creative Books, 2017), 66-67.

Golongan *backpacker* ini juga seterusnya mengambil langkah berjaga-jaga dengan sebarang kemungkinan yang berlaku di negara asing. Mereka akan memaklumkan keberadaan mereka di sesebuah destinasi atau negara kepada pihak kedutaan atau konsulat Malaysia. Pemberitahuan ini dilakukan melalui *email* dan ia membolehkan pihak kedutaan atau konsulat mengesan mereka apabila terjadi sesuatu yang tidak terduga. Informan Satu menyatakan :

“...erm...dan lebih bagus akak rasa sebelum pergi tu, sebelum pergi negara yang kita nak pergi tu, bagitahu kat orang *embassy*. Terutamanya negara yang orang tak pernah pergi sangat kan. Tapi, negara-negara mana pun, sebaik-baiknya...sebaik-baiknya cakap kat orang *embassy* tu. *Just in case*...kita tak nak benda ni jadi. Tapi, *just in case* kalau ada benda-benda tak elok berlaku kat negara ni, orang *embassy* dapat *trace* kita ni ada kat situ. So, bila kita hilang ke apa ke, dia orang boleh cari la. So, benda tu adalah bagus la untuk untuk kita amalkan, untuk *traveller* yang selalu *travel* ni bagitahu kat *embassy* sebelum pergi.” (I1)

Kenyataan dari Informan Satu ini menunjukkan bahawa beliau cenderung untuk memaklumkan keberadaan beliau di setiap destinasi yang dituju kepada pihak kedutaan Malaysia tanpa mengira tahap keselamatan dan keamanan destinasi tersebut. Hal ini adalah kerana keamanan dan keselamatan sesebuah destinasi itu mampu berubah tanpa dijangka dan ia akan memudahkan pihak kedutaan melakukan tindakan pantas jika berlaku sesuatu yang tidak diingini. Manakala Informan Dua pula menyatakan sebaliknya ;

“...and then, kalau ada negara yang bahaya sikit macam Turki kan, haritu ada bom-bom. Ada *a few countries* yang *danger* sikit, aaa akak hantar *email* makluman kepada *embassy* kat sana. *Embassy* atau konsulat la.” (I2)

Informan Dua pula hanya akan memaklumkan keberadaan beliau kepada pihak kedutaan Malaysia apabila beliau merasakan destinasi yang hendak dituju itu mempunyai risiko yang mampu menjejaskan tahap keselamatan. Maka, apabila keadaan destinasi itu mempunyai jaminan keselamatan yang kukuh, beliau tidak cenderung untuk

memaklulkannya kepada pihak kedutaan Malaysia kerana beliau percaya akan mampu menangani sebarang masalah yang berlaku.

Perbezaan antara Informan Satu dan Informan Dua ini disebabkan oleh corak pemilihan destinasi yang berbeza antara satu sama lain. Informan Satu lebih cenderung untuk melakukan aktiviti *backpack* di destinasi-destinasi yang terpencil dan kurang dikunjungi pelancong. Lalu, ia menjadikan satu keperluan kepada Informan Satu untuk memaklumkan status keberadaan diri beliau di setiap destinasi yang dituju. Manakala Informan Dua pula dilihat memilih destinasi-destinasi yang lebih ramai pelancong berkunjung dan ia menjadikan tahap keselamatan destinasi itu lebih terjamin berbanding destinasi pilihan Informan Satu.

Di samping itu, Informan Satu turut menyarankan kepada wanita yang ingin melakukan aktiviti *backpack* secara solo ini juga perlu menjaga diri dengan tidak melakukan perkara-perkara yang secara asasnya mampu membawa kepada risiko dan bahaya. Perkara-perkara tersebut adalah seperti berjalan-jalan pada waktu malam dan terlalu mempercayai orang asing yang boleh mengundang kepada bahaya.

“...So, jangan cari masalah macam...contohnya la benda-benda yang biasa bila *travel* la kan. Terutamanya bagi perempuan yang *travel* sendiri kan. Jangan keluar sorang-sorang waktu malam. Benda tu adalah *basic* la. So, macam benda-benda yang *basic* tu tu kita kena jaga la. *Security*. Dia tak boleh nak *compromise* dengan apa benda sekali pun. *Security* paling utama la...” (I1)

Saranan yang diutarakan oleh Informan Satu ini membuktikan bahawa beliau sangat mementingkan aspek keselamatan ketika mengembara terutamanya ketika mengembara secara solo. Maka, secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa saranan ini adalah berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang telah dilaluinya ketika mengembara di pelbagai destinasi berbeza.

Kesimpulannya, walau apa pun yang berlaku ketika melakukan aktiviti *backpack* ini, ia tidak menjejaskan dan mempengaruhi rasa cinta golongan *backpackers* terhadap aktiviti ini. Malah, ia tidak sekali-kali menghalang mereka untuk terus melakukan aktiviti *backpack* secara solo, tetapi dengan langkah yang lebih berhati-hati dari sebelumnya. Tenang dan positif menjadi kunci kepada golongan *backpackers* ini ketika menghadapi dugaan dan cabaran yang tidak terjangkau.

#### **4.2.3 Pengetahuan dan Respon Golongan *Backpacker* Solo Wanita Terhadap Konsep Mahram**

Pensyaran mahram bagi wanita ketika bermusafir ini telahpun dibahaskan di dalam kalangan ulama' klasik dan juga ulama' kontemporari. Maka, pengetahuan berkaitan syarat mahram bagi wanita ketika bermusafir dan sebab musabab ia disyariatkan oleh Islam perlu dipelajari oleh wanita yang ingin keluar melakukan aktiviti *backpack*. Justeru, kepentingan pensyaran mahram yang mana ia bertujuan untuk menjaga dan melindungi wanita dan wanita perlu memahami konsep tersebut dalam erti yang sebenar.

Informan Satu berpendapat bahawa semua perkara yang dilakukan terutamanya mengembara ini berpaksikan kepada niat seseorang. Jika wanita mengembara bersama mahram tetapi mengembara dengan niat yang tidak baik, maka ia tetap menjadikan pengembaraan itu tidak baik.

“Tapi kalau ikutkan akak punya pendapat peribadi, kita ikut mana yang...erm...yang paling penting ialah niat. *So*, macam contohnya, kalau kita pergi dengan mahram sekalipun, tapi niat kita tak baik, pun tak baik jugak. Betul tak? Tapi kalau kita tak ada mahram tapi kita tahu niat kita macam mana, apa niat kita nak pergi tempat tu, akak rasa benda tu tak jadi masalah. Dan yang penting bila kita pergi sendiri tanpa mahram ni dengan niat okey, dan kita tahu cara semua, tak merisaukan orang sekeliling, *so*, tak ada masalah....Tapi kita lebih tahu apa yang kiat buat... Bergantung pada niat sebab bila kita *travel*, apa niat kita *travel*. Bila kita *travel* macam...erm setiap orang yang *travel* tu, akak pasti ada niat dia.” (I1)

Tambahan pula, beliau juga berpendapat bahawasanya pensyariatan konsep mahram ini hanya relevan diaplikasi pada zaman dahulu kala yang tiada dan kurang kemudahan sehingga menyebabkan kebanyakan pengembara tidak lagi kembali ke rumah selepas keluar mengembara.

“macam dulu kalau nak dibandingkan dengan zaman dulu, zaman Nabi dulu, mungkin itu adalah satu perkara yang tidak selamat. Sebab bila perempuan *travel* dan tak ada kemudahan-kemudahan *travel* macam sekarang. Sekarang ni lebih mudah *travel* ada *transport* semua senang...Bas semua...Senang kan. *So*, keadaan dia dah berbeza. Dari dulu, yang bahaya tu kalau *travel* memang *confirm* biasanya pada zaman-zaman dulu ni, kalau orang *travel* dia susah nak balik semula. Contoh macam Ibn Batuta, contohnya la kan. Kalau dia *start travel* tu, keluarga dia dah anggap dia tak akan balik lagi, tak akan jumpa lagi. Sebab bila orang zaman-zaman dulu ni *travel*, dia tak tahu bila dia nak balik kan...” (I1)

Pada masa yang sama, informan ini juga menyatakan bahawa kemudahan infrastruktur, komunikasi dan pengangkutan zaman kini berbeza sama sekali dengan zaman ketika pensyariatan konsep mahram ini ditetapkan. Kini, segalanya lebih mudah dan wanita selamat untuk keluar melakukan aktiviti *backpack* ini secara solo mahupun berkumpulan.

“...Sebab tak ada alat komunikasi tak ada, *internet* memang tak ada la kan. Maksudnya surat ke apa benda semua tak ada. *So*, memang bila dia keluar daripada rumah, maksudnya terputus hubungan langsung. Tak ada apa, tak ada komunikasi dah tak ada. *So*, sebab tu akak rasa...akak rasa dulu memang...memang tak boleh la perempuan sorang-sorang (*travel*). Memang sangat bahaya la. Tapi sekarang semua...telefon semua orang boleh kata ada. *So communication* senang. *Transportation* senang...”

Perbezaan kemudahan yang dimiliki pada zaman kini dan zaman dahulu dari segi kemudahan komunikasi dan kemudahan pengangkutan banyak membantu wanita untuk keluar mengembara dan melakukan aktiviti *backpack* ini. Kemudahan-kemudahan ini menurut Informan Satu jelas dapat meningkatkan tahap keamanan dan keselamatan ketika mengembara bagi wanita. Malah, Informan Satu turut menyatakan aktiviti *backpack* bukan sekadar mengembara, tetapi menjadi medan pembelajaran bagi wanita. Hal ini adalah

kerana, aktiviti *backpack* ini bakal mengajar wanita zaman moden ini erti sebenar kehidupan yang tidak mampu diperolehi hanya dengan belajar di universiti.

“Macam pengajaran-pengajaran ni tak akan dapat dalam kelas je. Tapi kalau *you* nak dapatkan lebih tu, memang kena keluar lebih. Maksudnya bukan dalam kelas tu sendiri. Nak dapatkan lebih tu dengan cara lain adalah dengan *travelling*...Tapi memang benda-benda yang macam tu sebenarnya dia lebih bagi pengajaran hidup kat kita la.”

Maka, dapat disimpulkan bahawa Informan Satu berpendapat bahawa permusafiran wanita secara solo mahupun bersama mahram ini perlu melihat kepada niat utama pengembaraan tersebut kerana ia adalah lebih penting dari konsep mahram itu sendiri. Lalu, ia menjadikan beliau berpendapat bahawa konsep mahram ketika bermusafir bagi wanita ini tidak lagi relevan untuk diaplikasikan pada zaman moden kini yang mana keadaan dunia sudah jauh lebih maju dan ia menjamin tahap keamanan dan keselamatan ketika mengembara.

Oleh yang demikian, Informan Satu ini lebih cenderung untuk mengembara secara solo ke destinasi-destinasi konflik dan terpencil serta kurang dikunjungi oleh pelancong lain. Pemilihan destinasi ini bertepatan dengan pegangan Informan Satu ini yang merasakan konsep mahram bagi wanita bermusafir masa kini tidak lagi relevan untuk diaplikasikan dengan bantuan pelbagai kemajuan dan kemudahan moden.

Manakala, pengetahuan Informan Dua mengenai pensyariatian konsep mahram bagi wanita bermusafir pula adalah sebaliknya. Beliau kelihatan sangat yakin apabila persoalan ini diutarakan oleh pengkaji. Berdasarkan respon yang diberi, jelas menunjukkan bahawa beliau sudah mengkaji dan memahami konsep mahram ini sebelum beliau memilih untuk melibatkan diri di dalam aktiviti *backpack* secara solo. Keyakinan beliau mengenai



pensyariatan konsep mahram ini dapat dibuktikan daripada kenyataan yang diutarakan ketika sesi temu bual yang dilakukan.

“Erm...erm...hahaha! Okey. Ya. Akak tahu. Ada aaa Aisyah (isteri Rasulullah) dia pernah musafir tanpa mahram ditemani oleh sahabat-sahabat kan? Selepas Rasulullah wafat. *So*, Aisyah pernah pergi. Pernah bermusafir. Okey. Shaykh Yusuf al-Qardhawi keluarkan fatwa dia untuk sekarang. Zaman sekarang. Kenapa dulu tak dibenarkan perempuan bemusafir tanpa mahram? Sebab dulu perjalanannya naik unta, lalu padang pasir. Padang pasir tu banyak lanun...Sebab tu tak dibenarkan musafir sendirian. Untuk lelaki pun tak berapa selamat jugak seorang (musafir). Sekarang ni Shaykh Yusuf al-Qardhawi kata, perempuan boleh pergi sendiri tanpa mahram asalkan syarat dia tempat tu diketahui selamat dan tak buat maksiat. Lelaki pun sama la tak buat maksiat. Tempat tu diketahui selamat. Contohnya macam Syria kan. Dah tahu dah tempat tu tak selamat, *so* kalau perempuan pergi sorang, dah sah-sah tak selamat. Dah langgar la benda tu (syarat musafir sendiri oleh Shaykh al-Qardhawi). Jadi sebab Shaykh Qardhawi kata, ya dulu naik unta sorang, apa semua sorang. Tapi sekarang ni kalau pergi sorang, naik *flight*, dalam *flight* ada ramai orang hahaha! Tu dah berbeza kat situ. Itu akak dah *check* dah fatwa Shaykh Qardhawi tu. *So*, okey la kut.” (I2)

Maka, Informan Dua ini menjadikan fatwa yang dikeluarkan oleh Shaykh Yūsuf al-Qardāwī sebagai tunjang utama untuk membolehkan beliau keluar mengembara sendirian. Fatwa Shaykh Yūsuf al-Qardāwī berkaitan wanita bermusafir tanpa mahram merupakan pandangan yang menjadi tonggak informan ini. Menurutnya, fatwa Shaykh Yūsuf al-Qardāwī yang membolehkan wanita bermusafir tanpa mahram dengan syarat diketahui aman dan selamat serta bermusafir bukan dengan tujuan maksiat adalah pandangan yang paling relevan untuk diaplikasikan pada zaman ini. Hal ini kerana, perbezaan *‘urf* memerlukan ulama untuk menyemak semula hukum-hukum untuk menilai tahap kerelevanannya.

Selain itu, beliau juga merasakan keperluan untuk diberikan kelonggaran kepada wanita untuk melakukan aktiviti *backpack* secara solo. Pada pandangan beliau, aktiviti *backpack* atau mengembara secara umumnya sepatutnya sama hukumnya dengan wanita-wanita yang bermusafir sendirian dengan tujuan bekerja dan belajar. Hal ini adalah kerana,

dengan melakukan aktiviti *backpack*, wanita juga turut belajar tentang kehidupan sepanjang perjalanan mereka. Malahan, dengan belajar tentang kehidupan itu menjadikan perjalanan itu bukan sesuatu yang sia-sia.

“...Sebab kalau ikutkan hukum *travel* yang asal pun, kita tak boleh pergi sia-sia. Contoh macam...contoh macam pergi Korea nak tengok konsert Kpop. Tak boleh. Dah dikira maksiat. Sembahyang *jama'* pun tak boleh. *So*, kita sendiri tahu niat kita pergi tu untuk apa. Walaupun niat bukan untuk kerja, bukan untuk belajar. Tapi kita nak tengok *life*. Belajar tentang kehidupan. Sebab Allah selalu *questioned* kan, ‘Takkah kamu berfikir?’ ‘Takkah kamu berakal?’. *So*, salah satu caranya *travel* tu la.”

Adapun begitu, beliau juga menegaskan bahawa konsep mahram ini masih lagi relevan untuk diaplikasi dan diguna pakai mengikut tahap keamanan dan keselamatan sesebuah destinasi yang ingin dituju. Jika negara atau destinasi itu diketahui tidak aman dan selamat seperti Syria, maka konsep mahram ini perlu dan sangat relevan untuk diaplikasikan oleh wanita.

“Haaaa...ni dia berbalik pada fatwa Shaykh Qardhawi tu. Kalau kata tempat tu diketahui tak selamat, *so*, memang perlulah (konsep mahram relevan). Memang perlu. Bahaya sebenarnya. Even India. India sebenarnya pada akak, akak rasa la, tengok pada kes-kes pelancong yang kena rogol tu...*So*, *travel* ni dia relevan ada mahram ni untuk tempat-tempat yang memerlukan teman... Contohnya macam Syria kan. Dah tahu dah tempat tu tak selamat, *so* kalau perempuan pergi sorang, dah sah-sah tak selamat”

Maka, melalui kenyataan-kenyataan di atas, dapat dirumuskan bahawa Informan Dua lebih memahami dan mendalami tentang pensyariatan konsep mahram bagi wanita ketika bermusafir dengan menggunakan fatwa Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī sebagai asas utama. Lalu, berdasarkan fatwa yang sama, Informan Dua turut menyatakan kerelevanan konsep mahram untuk diaplikasi pada zaman kini dengan melihat kepada keadaan keselamatan dan keamanan destinasi sebelum melakukan aktiviti *backpack* itu secara solo.

Kesimpulannya, kedua-dua informan ini sedar akan hakikat keterbatasan wanita untuk keluar mengembara bersendirian tanpa mahram. Namun, dari segi praktikalnya masih

kurang, terutamanya bagi Informan Satu yang lebih memilih untuk melakukan aktiviti *backpack* secara solo ke destinasi-destinasi konflik, terpencil dan tahap keamanan yang meragukan. Selain itu, kedua-dua informan ini sama-sama bersetuju bahawa kemudahan pengangkutan terutamanya kapal terbang dan kecanggihan sistem komunikasi menjadi salah satu pengukur tahap keselamatan dan keamanan yang membolehkan mereka mengembara secara solo merentasi benua.

#### **4.3 PENGLIBATAN WANITA DALAM AKTIVITI *BACKPACK* MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM SEMASA**

Secara asasnya, hukum aktiviti *backpack* ini diqiyaskan kepada permusafiran kerana keduanya adalah suatu perbuatan yang berbentuk perjalanan dan pengembaraan di atas muka bumi Allah SWT. Sesungguhnya Allah AWT menganjurkan hambaNya untuk keluar mengembara dan menjelajahi bumi ciptaanNya. Allah SWT berfirman dalam surah al-Mulk ayat 15 :

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ تُرُوفًا فَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّكُمْ لِعِندَهُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ  
١٥

Al-Mulk 67 : 15

Terjemahan : Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: Mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).

Melalui ayat ini nyata memberikan penjelasan kepada seluruh umat manusia bahwasanya Allah SWT telah menciptakan bumi bukan sahaja sebagai tempat tinggal bagi manusia semata-mata, tetapi Allah SWT turut menyeru hambaNya untuk keluar bermusafir di atas bumi ciptaanNya.

Penetapan hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* ini dianalisis berdasarkan kepada hadith Rasulullah SAW, pandangan para fuqaha klasik serta fatwa fuqaha kontemporari dengan melihat kepada *'illah-illah* yang menjadi asas kepada hukum musafir bagi wanita. Permusafiran wanita ini adalah berlandaskan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan berlandaskan *'illah* yang mana ia mempengaruhi hukum musafir mereka. Maka, pengkaji melakukan penilaian semula terhadap syarat-syarat musafir wanita dan membandingkan *'illah* dan *'urf* semasa untuk menetapkan hukum permusafiran wanita dengan tujuan melakukan aktiviti *backpack*. Syarat-syarat permusafiran wanita ini ialah syarat tujuan permusafiran dan syarat keselamatan permusafiran.

#### **4.3.1 Syarat Pertama : Tujuan Permusafiran**

Syarat pertama yang mempengaruhi hukum permusafiran wanita adalah tujuan wanita melakukan sesuatu permusafiran. Aktiviti *backpack* ini termasuk dalam kategori permusafiran dengan tujuan harus, iaitu selain daripada permusafiran dengan tujuan ibadah haji dan umrah. Lalu, berdasarkan kepada hasil dapatan dari sesi temu bual pengkaji bersama informan, aktiviti *backpack* bagi wanita pada kebiasaannya dilakukan dengan tujuan untuk belajar dari sebuah perjalanan.

Permusafiran dengan tujuan belajar ini merangkumi segala aspek dalam mempelajari budaya, adat dan kehidupan serta bahasa yang digunakan oleh masyarakat setempat. Selain dari itu, syarat permusafiran dengan tujuan belajar ini turut merangkumi semua aspek pembelajaran secara langsung atau secara tidak langsung yang diperolehi ketika mengembara. Para *backpackers* turut menjadikan permusafiran ini sebagai landasan untuk mereka belajar mengurus diri dan kewangan, belajar berdikari dan juga belajar untuk membentuk jati diri serta keyakinan diri mereka. Maka, hukum melakukan aktiviti *backpack* dengan tujuan belajar ini adalah harus berlandaskan kepada pandangan ulama'

klasik, Imām al-Ghazālī dan juga ulama’ kontemporari, Imām ‘Abd al-Karīm Zaydān. Pengharusan ini adalah pengharusan dengan syarat wanita itu mampu menjamin keselamatan dan keamanan pada dirinya dan mampu berpegang pada etika-etika syara’.<sup>295</sup>

Tambahan pula, terdapat golongan *backpackers* wanita yang keluar melakukan aktiviti ini untuk menikmati, merasai dan melihat keindahan bumi ciptaanNya. Mereka pada kebiasaannya memilih lokasi yang secara umumnya dipenuhi dengan pemandangan yang memukau pancaindera untuk mensyukuri nikmat kebesaran Allah yang mencipta bumi ini. Maka, hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* dengan tujuan menikmati keindahan bumi ciptaan Allah SWT adalah harus. Ia adalah berlandaskan kepada firman-firman Allah SWT dalam al-Quran seperti dalam surah al-Mulk ayat 15, surah al-Tawbah ayat 112, surah al-Rūm ayat 9 dan juga surah al-‘Ankabūt ayat 20 yang menggalakkan hambaNya untuk berjalan dan bermusafir di atas muka bumi untuk melihat dan menikmati keindahan bumi serta pada waktu yang sama mengambil iktibar di sebalik setiap penciptaanNya.

Adapun begitu, terdapat juga tujuan permusafiran yang berstatus makruh yang sering dilakukan oleh golongan *backpackers* wanita. Ia adalah kerana mereka keluar melakukan aktiviti *backpack* ini untuk mencari sesuatu yang mencabar diri dan fitrah sebagai seorang wanita. Mereka secara tidak langsung mengekspresikan diri mereka setanding kaum lelaki yang mampu melakukan apa sahaja yang diingini tanpa sebarang had. Lalu, mereka gemar melakukan aktiviti *backpack* untuk meneroka kawasan terpencil dan kurang diterokai oleh pelancong biasa demi mencabar kemampuan diri serta mendapatkan pengalaman tulen (*authentic experience*) dalam mengembara.

---

<sup>295</sup> Siti Fatimah Salleh, “Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa : Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita”, 295.

Selain itu, wanita turut tekad untuk melakukan pendakian gunung di serata dunia demi mencabar kemampuan diri sebagai wanita yang sering kali dipandang sebagai kaum yang lemah. Maka, hukum permusafiran wanita dengan tujuan untuk mencari sesuatu yang mencabar kemampuan diri dan fitrah sebagai wanita ini adalah makruh. Hukum ini adalah berlandaskan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195 :

وَتَلْقُ وَبِطَائِفِكُمْ إِلَىٰ آتِ لَوْلَاكَ ١٩٥

Al-Baqarah 2:195

Terjemahan : Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan.

Lafaz **لَوْلَاكَ** di dalam ayat ini telah dibahaskan oleh para ulama terdahulu. Majoriti ahli tafsir mentafsirkannya kepada kebinasaan apabila tidak menginfakkan harta<sup>296</sup> dan tidak berjihad di jalan Allah.<sup>297</sup> Walau bagaimanapun, menurut Imām al-‘Uthaimīn dalam tafsirnya, lafaz tersebut boleh ditafsirkan kepada dua aspek iaitu maknawi dan hissi. Secara maknawi, lafaz **لَوْلَاكَ** itu membawa pengertian kepada kebinasaan akibat dari perbuatan meninggalkan jihad pada jalan Allah dan berinfak padaNya. Manakala, secara hissi pula ia membawa pengertian mendedahkan diri sendiri kepada kebinasaan dengan sengaja, seperti sengaja mendedahkan diri kepada api dan sebagainya.<sup>298</sup>

Lalu, jika dilihat pada pengertian lafaz **لَوْلَاكَ** secara hissi seperti yang dibincangkan oleh Imām al-‘Uthaimīn di dalam kitabnya, ia membawa maksud apa-apa sahaja bentuk perbuatan manusia yang sengaja mendedahkan diri sendiri kepada bahaya dan kebinasaan. Justeru, perkaitan lafaz ini dengan permusafiran wanita dengan tujuan mencabar kemampuan diri dan fitrah ini adalah dari aspek keselamatan wanita yang tidak terjamin

<sup>296</sup> Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī, *Jami‘ al-Bayān fī Ta‘wīl al-Quran*, (Mesir: Dār al-Ma‘ārif, tt), 3:583-589

<sup>297</sup> Ibid, 590-594.

<sup>298</sup> Muḥammad bin Ṣāliḥ bin Muḥammad al-‘Uthaimīn, *Tafsīr al-Quran lil ‘Uthaimīn*, (Arab Saudi : Dār Ibn al-Jawzī, 2005), 4:313-314.

ketika melakukannya. Keselamatan yang tidak terjamin ketika meneroka kawasan terpencil dan pendakian gunung ini menjadikan wanita itu seolah-olah sengaja mencampakkan diri mereka ke dalam bahaya.

Selain itu, permusafiran wanita turut dilakukan dengan tujuan hiburan dan keseronokan. Golongan *backpackers* wanita ini bermusafir ke pelbagai destinasi dengan tujuan untuk menonton konsert-konsert penyanyi kegemaran mereka. Lalu, konsert ini berkait rapat dengan lagu dan nyanyian, dan ianya telah menjadi perbincangan dalam kalangan ulama' klasik dan kontemporari.

Sebahagian ulama' seperti Imām al-Shāfi'ī, Imām Mālik, Imām Aḥmad bin Ḥanbal, Imām Abū Ḥanifah dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah menegaskan bahawa hukum lagu dan nyanyian ini adalah haram kerana ianya melalaikan manusia daripada mengingati Allah SWT.<sup>299</sup> Hal ini adalah kerana lagu dan nyanyian ini termasuk dalam kategori *lagha* yang tidak ada faedah.<sup>300</sup> Maka, ianya adalah suatu perbuatan yang sia-sia yang membazirkan masa, tenaga dan wang tanpa mendapat sebarang manfaat. Selain itu, ia turut menggalakkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan seterusnya menjurus kepada maksiat.<sup>301</sup>

Manakala sebahagian ulama' seperti Imām al-Ghazālī dan Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī pula berpendapat sebaliknya. Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī berpandangan bahawa bukan semua lagu itu adalah sia-sia, tetapi ia bergantung kepada niat seseorang. Jika niatnya adalah untuk menenangkan jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah SWT, maka

---

<sup>299</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Beirut : Dār al-Ma'rifah, tt), 2:269.

<sup>300</sup> Yūsuf al-Qarḍāwī, *Al-Fann wa al-Islam*, (Mesir : Maktabah Wahbah, 1996), 17-18.

<sup>301</sup> Hanafi Mohamed dan Zaimah Ab Rahman, *Nikmatkah Maksiat*, (Shah Alam : Karangkrak Sdn.Bhd, 2012), 76-77.

hukumnya adalah harus. Tetapi jika niatnya adalah untuk maksiat, hukumnya adalah haram.<sup>302</sup>

Maka, hukum melakukan aktiviti *backpack* dengan niat untuk menonton konsert ini adalah berdasarkan kepada hukum yang dikeluarkan oleh ulama' terdahulu. Realiti konsert-konsert zaman kini lebih cenderung untuk menjadikannya haram disebabkan oleh faktor-faktor seperti melalaikan, sia-sia dan tiada manfaat mahupun faedah, terdedah kepada pergaulan bebas serta menjurus kepada maksiat. Ia disokong oleh dapatan temu bual bersama Informan yang mengakui kebanyakan wanita yang keluar mengembara untuk menontot konsert adalah konsert yang tidak mematuhi syariah seperti konsert KPOP di Korea Selatan.<sup>303</sup> Justeru, hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* dengan tujuan menonton konsert ini adalah haram.

Selain itu, ia dapat ditelusuri melalui firman Allah SWT di dalam surah al-A'rāf yang melarang manusia secara umumnya untuk melakukan permusafiran dan menyebarkan kerosakan di atas muka bumi ciptaanNya. Allah SWT berfirman:

وَتَعْلُوفِي أَرْضِ فَطَّرْنَاهَا ۖ ٦٠

Al-A'rāf 7 : 74

Terjemahan :Dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi.

Sesungguhnya, firman Allah SWT ini telah disebutkan sebanyak lima kali di dalam al-Quran, iaitu di dalam surah al-Baqarah ayat 60, surah al-A'rāf ayat 74, surah Hūd ayat 85, surah al-Shu'āra ayat 183 dan surah al-'Ankabūt ayat 36. Maka, para mufassirin telah bersepakat memberi tafsiran kepada ayat tersebut dengan tafsiran larangan daripada berjalan di atas muka bumi dengan melakukan maksiat kepada Allah dan menyebarkan

<sup>302</sup> Yūsuf al-Qarḍāwī, *Al-Fann wa al-Islam*, (Mesir : Maktabah Wahbah, 1996), 18.

<sup>303</sup> Hasil dapatan temu bual bersama Informan 2, 30 April 2017.



kerusakan.<sup>304</sup> Manakala Imām ‘Alāuddīn al-Khāzin menukilkan tafsiran Qatādah yang mana ia menyatakan lafaz tersebut adalah lafaz yang dilihat secara zahir dan ia meliputi semua jenis kerosakan dan kebinasaan<sup>305</sup>.

Justeru, syarat yang mempengaruhi hukum musafir bagi wanita adalah berdasarkan kepada tujuan permusafiran. Syarat tujuan permusafiran dan hukumnya boleh dilihat dengan lebih jelas melalui jadual dibawah :

Jadual 4 : Syarat Tujuan Permufafiran bagi Wanita dan Hukumnya.

TUJUAN	HUKUM
<u>1- BELAJAR</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Belajar budaya, kehidupan dan bahasa masyarakat lokal.</li> <li>• Belajar mengurus diri dan kewangan.</li> <li>• Belajar berdikari.</li> <li>• Belajar untuk membina jati diri dan keyakinan diri.</li> </ul>	<b>HARUS;</b> -Imām al-Ghazālī dan Imām ‘Abd al-Karīm Zaydān mengharuskan permufafiran dengan tujuan belajar dengan syarat-syarat tertentu dan wanita itu mampu menjamin keselamatan pada dirinya serta mampu berpegang pada etika-etika syara’.
<u>2- MENIKMATI KEINDAHAN</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melawat dan merasai keindahan ciptaan Tuhan.</li> </ul>	<b>HARUS;</b> -Berlandaskan kepada firman-firman Allah SWT dalam al-Quran seperti dalam surah al-Mulk ayat 15, surah al-Tawbah ayat 112, surah al-Rūm ayat 9 dan juga surah al-‘Ankabūt ayat 20 yang menggalakkan hambaNya untuk berjalan dan bermufafir di atas muka bumi untuk melihat dan menikmati keindahan bumi serta pada waktu yang sama mengambil iktibar di sebalik setiap penciptaanNya.
<u>3-MENCABAR DIRI</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendakian gunung.</li> <li>• Meneroka kawasan terpencil.</li> </ul>	<b>MAKRUH;</b> -Berlandaskan kepada lafaz التواكؤ dalam surah al-Baqarah ayat 195. -Imām al-‘Uthaimīn : apa sahaja perbuatan manusia yang sengaja mendedahkan diri kepada bahaya dan kebinasaan.
<u>4-HIBURAN</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsert</li> </ul>	<b>HARAM;</b> - Perbuatan yang sia-sia, tiada faedah, melalaikan, serta membazir masa, tenaga dan wang. - Menjurus kepada pergaulan bebad dan maksiat.

Sumber : Analisis pengkaji.

<sup>304</sup> Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī, *Jami’ al-Bayān fī Ta’wīl al-Quran*, (Mesir: Dār al-Ma’ārif, t.t.), 3:583-589.

<sup>305</sup> ‘Alauddīn ‘Alī bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Khāzin, *Lub al-Ta’wīl fī Ma’ al-Tanzīl*, (Mesir : Dār al-Kutub al-‘Arabiyyat al-Kubrā, t.t), 3:55.

Tuntasnya, permusafiran wanita dengan tujuan selain belajar dan menikmati keindahan ciptaan Allah SWT adalah tidak digalakkan dan wanita yang ingin melakukannya perlu meneliti semula tujuan permusafiran mereka untuk memastikan permusafirannya tidak melanggar syariaah islam.

#### **4.3.2 Syarat Kedua : Keselamatan Permufafiran.**

Syarat kedua yang mempengaruhi hukum permufafiran wanita adalah keselamatan permufafiran. Syarat ini merangkumi tiga aspek utama iaitu keselamatan musafir bersama mahram, pemilihan lokasi dan destinasi yang tidak bahaya, serta keamanan perjalanan.

##### 4.3.2.1 Keselamatan Musafir bersama Mahram

Permufafiran wanita untuk melakukan aktiviti *backpack* bersama mahram adalah harus dan ianya adalah sebaik-baik permufafiran. Hal ini adalah kerana, keselamatan wanita ketika bermufafir adalah tunjang utama dalam peletakan syarat mahram bagi wanita. Kehadiran mahram ketika bermufafir bagi wanita mampu membantu menjaga dan melindungi wanita dari sebarang bentuk bahaya, risiko dan kesusahan yang diperolehi melalui permufafiran. Namun, wanita perlu meneliti syarat mahram yang telah ditetapkan oleh Islam untuk membolehkannya dijadikan sebagai peneman ketika bermufafir.

Syarat-syarat mahram untuk menjadi peneman wanita bermufafir adalah Muslim, lelaki, baligh dan berakal. Syarat ini seterusnya telah membataskan kanak-kanak lelaki yang belum baligh untuk menjadi peneman. Pembatasan ini adalah kerana kanak-kanak itu sendiri masih memerlukan seseorang untuk menjaganya dan memerhatikannya, maka mustahil bagi kanak-kanak tersebut untuk dijadikan mahram yang menemani, memerhati dan menjaga wanita ketika dalam permufafiran.<sup>306</sup> Lalu, ia menunjukkan bahawa pemilihan

---

<sup>306</sup> Muḥammad bin Ṣālih al-‘Uthaimīn, *Fatāwā al-ʿArkan al-Islām*, (Arab Saudi : Dār al-Thurayya, 2005), 2:507.

mahram sebagai peneman bermusafir tidak boleh diambil mudah oleh wanita demi memastikan tujuan peletakan syarat mahram untuk keselamatan wanita ketika bermusafir mampu dicapai.

#### 4.3.2.2 Pemilihan Lokasi dan Destinasi yang Selamat

Golongan *backpackers* wanita ini cenderung untuk memilih tiga bentuk utama lokasi sebagai destinasi pengembaraan. Ia adalah melibatkan lokasi selamat, bahaya dan konflik. Pemilihan lokasi ini pada kebiasaannya dipengaruhi oleh tujuan wanita melakukan aktiviti *backpack*. Hasil dari dapatan temu bual, pengkaji menyimpulkan bahawa lokasi selamat melibatkan beberapa kriteria, iaitu infrastruktur lokasi yang lengkap, diketahui umum tentang tahap keselamatan destinasi serta mempunyai sistem penguatkuasaan keselamatan yang teguh. Lalu, golongan *backpackers* wanita ini sering mengaitkan lokasi selamat ini dengan negara moden seperti Jepun dan Korea Selatan kerana keduanya memenuhi kriteria lokasi yang selamat.

Maka, berdasarkan kepada kriteria lokasi selamat ini, hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* adalah harus. Adapun begitu, wanita yang melakukan aktiviti *backpack* di lokasi-lokasi yang aman dan selamat memerlukan sekurang-kurang seorang wanita yang dipercayai untuk menemani mereka mengembara. Ini adalah bertepatan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī yang membenarkan wanita untuk keluar bermusafir dengan tujuan harus tanpa mahram jika ditemani oleh wanita yang dipercayai. Maka, ini menunjukkan bahawa permusafiran wanita secara solo adalah makruh kerana perjalanan secara sendirian ini masih mampu mengundang kepada risiko dan bahaya.

Manakala lokasi bahaya pula melibatkan lokasi-lokasi yang sudah diketahui umum tentang taraf keselamatannya yang rendah ekoran daripada kadar jenayah yang tinggi.

Jenayah ragut, penipuan, kecurian, rompakan dan gangguan seksual yang acap kali terjadi kepada pelancong menjadikan sesuatu destinasi seperti India dianggap sebagai destinasi bahaya terutamanya bagi golongan wanita. Selain itu, terdapat pelbagai risiko yang melibatkan pelbagai aspek; aspek keselamatan nyawa seperti diekori oleh penjahat<sup>307</sup>, aspek keselamatan harta benda seperti penipuan<sup>308</sup>, kecurian dan rompakan serta aspek keselamatan maruah yang melibatkan kes-kes pencabulan dan rogol.<sup>309</sup>

Hakikatnya, risiko-risiko ini sudah diketahui oleh golongan *backpacker* wanita secara umumnya, namun ia sama sekali tidak memberikan apa-apa kesan kepada mereka dan ia juga tidak mempengaruhi kecintaan mereka terhadap aktiviti *backpack* ini.<sup>310</sup> Maka, hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* ke lokasi bahaya adalah makruh terutamanya jika wanita tersebut sudah mengetahui tentang bahaya dan risiko yang akan dihadapi ketika bermusafir. Hal ini adalah kerana wanita tersebut sudah mengetahui tentang terdapatnya ancaman terhadap keselamatan nyawa, maruah dan harta benda.

Seterusnya, pemilihan lokasi konflik oleh golongan *backpackers* wanita. Lokasi konflik ini merupakan lokasi yang sedang atau pernah mengalami peperangan, pengeboman serta mengalami pergolakan politik seperti Syria, Palestin, Afghanistan dan Korea Utara. Lalu, kehadiran mahram sebagai peneman untuk bermusafir adalah wajib bagi wanita yang ingin melakukan aktiviti *backpack* di kawasan-kawasan berkonflik ini.

Hal ini adalah kerana, wanita tidak mampu menjamin keselamatan dirinya ketika melakukan aktiviti *backpack* di lokasi-lokasi tersebut tanpa ditemani mahram. Maka,

---

<sup>307</sup> Siti Noridah Ab. Rahaman, *Travelog ET : Kembara Afghanistan* (Selangor : SNAR, 2016), 106-110.

<sup>308</sup> Hasil dapatan temu bual bersama Informan Dua, 30 April 2017.

<sup>309</sup> David Botterill et. al, "Violence, Backpackers, Security and Critical Realism," *Annals of Tourism Research* 42, 2013, 326-327.

<sup>310</sup> Hasil dapatan temu bual bersama Informan Satu, 14 Mac 2017.

hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* di lokasi-lokasi yang berkonflik, ini kembali kepada hukum asal permusafiran wanita, iaitu dilarang tanpa ditemani oleh mahram mereka demi menjaga dan melindungi wanita dari sebarang risiko.

#### 4.3.2.3 Keamanan Perjalanan

Syarat keamanan perjalanan ini berkait rapat dengan penetapan syarat mahram bagi wanita bermusafir. Hal ini adalah kerana, fuqaha kontemporari seperti Shaykh ‘Alī Jum‘ah dan Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī menetapkan syarat keyakinan terhadap status keamanan di sepanjang perjalanan dan juga di destinasi tujuan. Keyakinan terhadap status keamanan dan keselamatan ini mempengaruhi hukum permusafiran wanita. Hal ini adalah kerana, golongan *backpackers* berpendapat bahawa kemajuan sistem pengangkutan dan komunikasi menjadi kayu ukur terhadap status keamanan permusafiran mereka.

Wanita-wanita ini berpendapat bahawa keadaan musafir zaman dahulu memang memerlukan perlindungan mahram dengan kepayahan dan kesusahan yang dihadapi untuk bermusafir. Umat zaman dahulu terpaksa merentasi padang pasir yang dipenuhi oleh penyamun dan perompak tidak sekali-kali membolehkan wanita untuk mengembara sendirian tanpa mahram. Manakala keadaan zaman kini berbeza sama sekali. Kemudahan-kemudahan untuk bermusafir seperti sistem pengangkutan moden; kapal terbang dan kemajuan sistem telekomunikasi serta sistem keselamatan dan keamanan oleh pihak berkuasa memberikan jaminan untuk wanita keluar mengembara secara solo tanpa mahram mereka.

Malah, isu utama yang sering dibangkitkan dan menjadi tunggak kepada tahap keamanan bermusafir tanpa mahram adalah kemodenan sistem pengangkutan seperti kapal terbang, kapal laut dan keretapi yang membolehkan wanita untuk mengembara dan sampai

ke destinasi tujuan dengan kadar tempoh yang singkat. Selain itu, wanita-wanita ini juga sering menggunakan alasan bahawa mereka mengembara dengan menaiki kapal terbang yang sudah tentu dinaiki bersama sekumpulan besar pengembara lain tidak memerlukan mereka kepada mahram untuk melindungi mereka.<sup>311</sup>

Tambahan pula, ia adalah berdasarkan kepada pandangan Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī yang menyatakan bahawa keadaan dan persekitaran zaman kini sudah jauh berubah dan lebih terjamin keselamatannya. Selain itu, kemajuan sistem pengangkutan moden ini dinaiki oleh sejumlah besar penumpang mampu menerbitkan keyakinan dalam jiwa wanita tentang status keamanan dan keselamatan perjalanan mereka. Maka, berdasarkan kepada keyakinan golongan *backpackers* dan fatwa Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī ini, hukum wanita untuk melakukan aktiviti *backpack* dengan keyakinan yang jitu terhadap status keamanan perjalanan mereka ini adalah harus.

Tuntasnya, hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* ini dapat dilihat dengan jelas melalui jadual di bawah :

Jadual 5 : Syarat Keselamatan Permufafiran bagi Wanita dan Hukumnya.

KESELAMATAN	HUKUM
1-MUSAFIR BERSAMA MAHRAM	<b>HARUS;</b> -Menjaga keselamatan dan melindungi wanita ketika bermusafir. -Keselamatan wanita adalah tunjang utama peletakan syarat mahram bagi musafir wanita. -Syarat mahram untuk menjadi peneman musafir : Islam, lelaki, baligh dan berakal.
2-PEMILIHAN LOKASI	i) <u>Lokasi Selamat</u> → <b>HARUS;</b> -Infrastruktur lengkap, mempunyai sistem penguatkuasaan keselamatan. *Sebaik-baiknya bermusafir bersama seorang wanita sebagai peneman.  ii) <u>Lokasi Bahaya</u> → <b>MAKRUH;</b> -Mempunyai tahap keselamatan yang rendah

<sup>311</sup> Hasil dapatan temu bual bersama Informan Satu, 14 Mac 2017.

	<p>dan kadar jenayah yang tinggi.</p> <p>-Hukum makruh apabila wanita sudah sedia maklum dan tahu tentang keadaan bahaya lokasi.</p> <p>iii) <u>Lokasi Konflik</u> → <b>HARAM</b>;</p> <p>-Lokasi peperangan, pengeboman dan mempunyai pergolakan politik.</p> <p>-Wajib bersama mahram jika mahu bermusafir ke lokasi berkonflik.</p>
3-KEAMANAN PERJALANAN	<p><b>HARUS</b>;</p> <p>-Shaykh Yūsuf al-Qardāwī dan Shaykh ‘Alī Jum‘ah : harus musafir wanita jika yakin dengan keamanan sepanjang perjalanan dan lokasi.</p> <p>-Kemajuan teknologi dan sistem pengangkutan merubah tahap keamanan perjalanan; kapal terbang, kapal laut, keretapi.</p> <p>-Dinaiki oleh sejumlah besar penumpang mampu mengusir ketakutan dan membina keyakinan yang jitu dalam jiwa wanita.</p>

Sumber : Analisis pengkaji.

Maka, berdasarkan syarat-syarat yang mempengaruhi hukum permusafiran wanita ini, pengkaji dapat menyimpulkan hukum penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* menurut perspektif hukum Islam semasa. Hukumnya adalah harus dengan syarat-syarat tertentu dan jika tidak memenuhi syarat tersebut, hukum penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini kembali kepada hukum asal permusafiran wanita, iaitu dilarang sama sekali untuk melakukannya kecuali jika bersama mahram. Tuntasnya, harus bagi wanita melakukan aktiviti *backpack* menurut persektif hukum Islam semasa dengan syarat;

- 1) Melakukannya dengan tujuan belajar,
- 2) Pergi bersama mahram atau sekurang-kurangnya seorang wanita,
- 3) Lokasi dan destinasi yang keselamatannya terjamin, dan
- 4) Keyakinan yang jitu terhadap status keamanan di sepanjang perjalanan dan destinasi tujuan.

#### **4.4 PANDUAN BAGI WANITA UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI *BACKPACK* MENGIKUT SYARIAT ISLAM**

Hukum harus penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini telah ditetapkan oleh pengkaji berlandaskan dua syarat utama seperti yang dinyatakan di dalam subtopik 4.3. Lalu, keharusan dan kelonggaran wanita dalam melakukan aktiviti *backpack* ini dikawal dan terbatas mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Lalu, hukum bagi wanita yang tidak memenuhi syarat-syarat ini kembali kepada hukum asal permusafiran wanita tanpa mahram, iaitu dilarang wanita untuk bermusafir kecuali bersama mahramnya berdasarkan kepada hadith Rasulullah SAW.

Maka, garis panduan bagi wanita untuk melakukan aktiviti *backpack* ini adalah bersandarkan kepada dasar keamanan dan keselamatan yang meliputi tiga elemen utama, iaitu; 1) nyawa, 2) maruah, dan 3) harta benda. Oleh itu, ketiga-tiga dasar keamanan dan keselamatan ini perlu dipertimbangkan dan diaplikasikan wanita untuk membolehkan mereka melakukan aktiviti *backpack* agar penglibatan mereka di dalam aktiviti *backpack* ini tidak melanggar syariat Islam.

##### **1) Keselamatan dan keamanan nyawa.**

Dasar keselamatan dan keamanan nyawa adalah perkara utama yang perlu diambil berat oleh golongan *backpacker* wanita. Keselamatan dan keamanan nyawa perlu dijaga sebagaimana ia adalah amanah dari Allah SWT yang menciptakan setiap mahlukNya untuk melakukan perkara yang bermanfaat di atas muka bumi. Perlindungan terhadap nyawa ini melibatkan aspek pemilihan lokasi serta persediaan terhadap risiko-risiko yang bakal terjadi.



Aspek pemilihan lokasi merupakan aspek yang penting dalam memastikan keamanan dan keselamatan nyawa ini. Lokasi-lokasi konflik seperti lokasi yang bergolak dengan serangan pengganas dan peperangan seperti Syria dan Pakistan mampu menjejaskan tahap keamanan dan keselamatan wanita ketika melakukan aktiviti *backpack*, terutamanya secara solo. Lalu, ia akan menjadikan hukum musafir wanita tanpa mahram ini kembali kepada hukum asal, iaitu dilarang sama sekali disebabkan pemilihan lokasi yang berbahaya kepada nyawa wanita.

Maka, wanita yang ingin melakukan aktiviti *backpack* ke lokasi-lokasi yang kurang selamat perlu ditemani oleh sekurang-kurangnya seorang wanita yang dipercayai. Selain itu, mereka sebaik-baiknya memaklumkan tentang perjalanan dan keberadaan mereka kepada pihak kedutaan atau konsulat. Hal ini membolehkan pihak kedutaan atau konsulat mengambil tindakan segera jika berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini ketika mereka melakukan aktiviti *backpack* di sesebuah lokasi.

## **2) Keselamatan dan keamanan maruah.**

Dasar asasi kedua yang perlu diambil perhatian oleh golongan *backpacker* wanita ialah dasar keselamatan dan keamanan maruah diri mereka sebagai seorang wanita Muslim. Justeru, penglibatan wanita di dalam aktiviti *backpack* ini sering kali dikaitkan dengan risiko-risiko yang melibatkan jenayah rogol dan cabul yang mana ia adalah jelas dan nyata meruntuhkan ketinggian maruah diri wanita. Jenayah rogol dan cabul ini berlaku tanpa sempadan lokasi kerana ia mampu berlaku di mana jua di atas muka bumi ini.

Seharusnya, golongan *backpacker* wanita ini perlu sentiasa menjaga diri dan tingkah laku sepanjang melakukan aktiviti *backpack* ini. Perbuatan yang mendedahkan diri kepada bahaya seperti berjalan seorang diri pada waktu malam menelusuri destinasi-destinasi pilihan mampu menarik perhatian yang tidak sepatutnya. Seterusnya, ia mampu

membawa mereka terlibat di dalam jenayah rogol dan cabul. Oleh itu, penjagaan diri dan tingkah laku wanita ketika mengembara perlu diambil berat untuk mengelakkan mereka dari menjadi mangsa rogol dan cabul yang mampu menjejaskan keselamatan dan keamanan maruah mereka.

Selain itu, golongan wanita juga perlu melakukan kajian terperinci berkaitan risiko-risiko yang mungkin berlaku dan juga asas budaya yang diamalkan oleh masyarakat di destinasi tujuan. Kajian terperinci ini sedikit sebanyak mampu mengurangkan risiko keselamatan maruah apabila wanita tersebut mengetahui asas budaya seperti etika pemakaian setempat dan pantang larang masyarakat di destinasi tujuan.

### **3) Keselamatan dan keamanan harta benda.**

Dasar ketiga yang perlu diperhatikan untuk membolehkan dan mengharuskan wanita bermusafir serta melakukan aktiviti *backpack* tanpa mahram ialah dasar keselamatan dan keamanan harta benda. Secara asasnya, aktiviti *backpack* ini sangat mudah terdedah dengan risiko-risiko yang melibatkan harta benda terutamanya dengan ketiadaan peneman atau mahram untuk membantu menjaga harta benda mereka ketika mengembara. Secara asasnya, jenayah-jenayah rompak, curi dan ragut boleh berlaku tanpa mengira jantina, namun penjenayah-penjenayah ini cenderung untuk menyerang golongan wanita kerana secara fitrahnya wanita adalah lemah fizikalnya untuk melawan sebarang jenis serangan yang dilakukan.

Tambahan pula, jenayah-jenayah penipuan atau *scam* sering berlaku kepada wanita atas sebab yang sama, iaitu kelemahan diri wanita itu sendiri. Kadang kala, golongan *backpacker* wanita mengetahui bahawa mereka sedang menjadi mangsa penipuan, namun mereka takut untuk melawan kerana mereka menyedari hakikat fitrah kelemahan fizikal dan mental mereka berbanding lelaki. Maka, wanita perlu mengelak dari berjalan

bersendirian di kawasan yang sunyi dan terpencil dengan membawa barangan berharga kerana ia sudah tentu mampu menarik perhatian penjenayah.

Tuntasnya, dasar keselamatan dan keamanan nyawa, maruah dan harta benda perlu dititik beratkan oleh golongan *backpacker* wanita untuk memastikan penglibatan mereka dalam aktiviti *backpack* ini berada di dalam status harus dan dibolehkan tanpa melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.

#### 4.5 KESIMPULAN

Hukum wanita keluar bermusafir tanpa mahram pada asasnya adalah dilarang berdasarkan kepada hadith Rasulullah SAW. Seterusnya, pandangan dan fatwa yang dikeluarkan oleh fuqaha klasik dan kontemporari digunapakai untuk menjadi asas kepada penetapan hukum wanita melakukan aktiviti *backpack* dengan melihat kepada realiti sebenar aktiviti ini. Realiti ini difahami dan dianalisis berdasarkan dapatan temu bual pengkaji bersama informan terpilih.

Maka, penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* tanpa mahram ini diharuskan dan dibolehkan dengan syarat mereka ditemani oleh seorang wanita yang dipercayai, meyakini tahap keamanan dan keselamatan sepanjang perjalanan dan lokasi destinasi mereka serta bertujuan untuk mempelajari budaya dan kehidupan masyarakat lokal. Seterusnya, satu garis panduan diberikan dengan menggunakan tiga aspek keselamatan dan keamanan. Tahap keamanan dan keselamatan yang perlu mereka ambil kira pula merangkumi tiga dasar utama, iaitu dasar keamanan dan keselamatan nyawa, maruah dan harta benda.

## **BAB 5 : PENUTUP**

### **5.1 PENGENALAN**

Penglibatan masyarakat khususnya masyarakat Malaysia dalam aktiviti *backpack* ini saban hari semakin meningkat. Masyarakat kini mengambil langkah untuk melakukan aktiviti *backpack* sama ada secara bersendirian atau solo, bersama pasangan mahupun dalam kumpulan demi mengekspresikan kecintaan mereka terhadap budaya dan keindahan alam di pelbagai destinasi di serata dunia.

Manakala penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* sama tarafnya dengan penglibatan lelaki yang sering dilihat mendominasi aktiviti ini. Maka, di dalam bab kelima ini, pengkaji membuat rumusan dari hasil dapatan kajian yang telah dilakukan berpaksikan tiga objektif utama, iaitu menjelaskan konsep mahram ketika bermusafir bagi wanita dalam konteks semasa, mengenalpasti bentuk penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* dan menganalisis panduan hukum yang diberikan oleh Islam kepada wanita untuk melakukan aktiviti *backpack*.

Seterusnya, pengkaji turut mengutarakan cadangan-cadangan sebagai panduan umum kepada golongan *backpacker* wanita solo untuk memastikan perjalanan mereka tidak melanggar batas-batas syariat yang telah ditetapkan dan juga panduan kepada kajian-kajian pada masa akan datang.

## 5.2 RUMUSAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini telah dirumuskan dan disimpulkan untuk memastikan ketiga-tiga objektif dan persoalan kajian dapat dicapai dengan jayanya. Maka, dapatan utama kajian ini dapat disimpulkan seperti berikut;

### 1- **Pensyariatan konsep mahram bagi wanita dalam konteks semasa masih relevan untuk dipraktikkan.**

Pensyariatan konsep mahram bagi wanita ketika bermusafir adalah berlandaskan kepada hadith-hadith Rasulullah SAW yang melarang wanita untuk melakukan permusafiran kecuali dengan ditemani oleh mahram mereka. Manakala penetapan kategori golongan yang layak dijadikan mahram pula adalah berasaskan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Nisā' ayat 23 yang menerangkan dengan jelas dan nyata tentang kategori mahram. Para ulama' klasik berpegang teguh kepada larangan musafir bagi wanita tanpa mahram ini. Adapun begitu, terdapat golongan ulama' klasik yang memberi sedikit kelonggaran yang membolehkan wanita bermusafir tanpa mahram mereka, namun ia masih terbatas kepada musafir dengan tujuan ibadah haji dan umrah sahaja.

Seterusnya, para ulama' kontemporari pula melihat pensyariatan konsep mahram bagi wanita bermusafir ini dengan pandangan yang lebih luas. Ia adalah selari dengan perubahan *'urf* dan keadaan zaman yang mana ia sudah berubah dan berbeza sama sekali dengan keadaan zaman ketika pensyariatan konsep mahram ini ditetapkan. Para ulama' kontemporari masih lagi berpegang kepada hukum asal bagi musafir wanita yang mana melarang wanita untuk bermusafir tetapi memberikan sedikit kelonggaran dan keharusan bagi wanita dengan melihat kepada tujuan dan tahap keselamatan serta keamanan mereka.

Maka, fatwa-fatwa kontemporari yang telah dikeluarkan oleh Shaykh Yūsuf al-Qarḍāwī dan Shaykh ‘Alī Jum‘ah mengharuskan wanita untuk keluar bermusafir tanpa ditemani oleh mahram dengan syarat yang sangat ketat, iaitu terjamin keselamatan dan keamanan diri, perjalanan dan destinasi yang dituju.

Jelas, ini membuktikan bahawa pensyariatan konsep mahram bagi wanita ketika bermusafir masih relevan untuk diaplikasikan walaupun telah berlaku perubahan yang sangat ketara dalam dunia masa kini. Perubahan-perubahan yang melibatkan kemajuan dan kemodenan teknologi pengangkutan dan komunikasi serta sistem kawalan keselamatan dunia masih tidak dapat mengatasi kepentingan konsep mahram yang bertanggungjawab menemani dan melindungi wanita daripada sebarang bentuk ancaman. Namun, perubahan-perubahan ini setidaknya memberikan satu sudut pandang baharu untuk para ulama’ kontemporari menilai semula tentang konsep mahram ini dan pada akhirnya ia menghasilkan satu kelonggaran dan keharusan bagi wanita untuk bermusafir tanpa mahram selagi mana tahap keselamatan diri, maruah, harta benda, destinasi dan perjalanan mereka terjamin sepenuhnya.

## **2- Penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* menimbulkan isu yang berkait rapat antara satu sama lain.**

Aktiviti *backpack* kini tidak lagi didominasi sepenuhnya oleh golongan lelaki, tetapi kini ia turut digemari oleh golongan wanita yang sama-sama berlumba untuk melakukannya. Penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini pada dasarnya mempunyai tiga komposisi utama, iaitu secara solo, berpasangan dan berkumpulan. Pemilihan bentuk komposisi ini terdorong oleh motivasi dan matlamat yang telah ditetapkan oleh wanita ketika ingin

mengembara. Namun, pada dasarnya, wanita kini lebih cenderung untuk keluar melakukan aktiviti *backpack* secara solo atau bersendirian ke pelbagai destinasi demi mencapai impian untuk merasai sebuah pengalaman unik tanpa perlu memikirkan perkara lain.

Namun, matlamat untuk merasai pengalaman unik atau *authentic experience* ini telah menimbulkan beberapa isu yang bersangkutan paut antara satu sama lain. Isu-isu tersebut adalah isu berkaitan tujuan dan matlamat, risiko dan ancaman serta maruah wanita yang terkadai ketika melakukan aktiviti *backpack* ini. Timbulnya isu-isu ini adalah kerana pada dasarnya aktiviti *backpack* ini tidak bersesuaian dengan tahap ketahanan fizikal dan mental wanita yang sedikit lebih lemah daripada golongan lelaki. Adapun begitu, wanita zaman kini, khususnya muslimah tidak lagi meletakkan *authentic experience* sebagai matlamat utama pengembaraan mereka. Tetapi, mereka menetapkan niat utama untuk mengembara adalah dengan tujuan untuk mempelajari erti sebuah kehidupan masyarakat lokal di sepanjang perjalanan.

Lalu, sedikit sebanyak ia dapat mengurangkan tahap risiko dan ancaman yang terpaksa dihadapi ketika melakukan aktiviti *backpack* ini. Pelajaran dan pengajaran yang mereka perolehi dari sepanjang perjalanan itu seterusnya dijadikan pedoman kehidupan dan dikongsikan kepada netizen dengan harapan ia boleh menjadi salah satu pembuka jalan kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang. Namun, wanita perlu lebih berhati-hati dalam aspek pemilihan destinasi tujuan demi memastikan tahap keamanan dan keselamatan diri, maruah dan harta benda terjamin di sepanjang pengembaraan. Pengembaraan secara solo terutamanya ke destinasi-destinasi konflik dan terpencil perlu dielakkan oleh wanita kerana ia mendedahkan diri mereka secara langsung kepada bahaya.

**3- Kelonggaran hukum bagi wanita untuk melakukan aktiviti *backpack* adalah berlandaskan kepada tiga dasar keamanan dan keselamatan; nyawa, maruah dan harta benda.**

Hukum penglibatan wanita dalam aktiviti *backpack* ini adalah harus berdasarkan kepada penilaian semula terhadap pendapat-pendapat ulama' klasik dan juga fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ulama' kontemporari. Para ulama' kontemporari menilai kerelevanan konsep mahram ini tidak terhad kepada musafir dengan tujuan ibadah semata-mata, tetapi turut membuka sedikit ruang keharusan kepada musafir-musafir dengan tujuan harus. Maka dengan sebab itu, sedikit ruang kelonggaran telah diberikan kepada wanita untuk bermusafir dengan tujuan belajar dan bekerja tanpa ditemani oleh mahram mereka.

Kedua-dua tujuan musafir ini dibatasi dengan syarat yang mana jika berlaku suatu keadaan yang menjadikan syarat itu tidak berjaya disempurnakan, maka hukum musafir itu kembali kepada hukum asalnya yang melarang sama sekali wanita bermusafir kecuali bersama mahram mereka. Syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama' kontemporari ini adalah berlandaskan kepada dasar keamanan dan keselamatan yang sangat-sangat penting untuk dijaga dan dipatuhi oleh wanita. Ia melibatkan dasar keamanan dan keselamatan diri, perjalanan dan juga destinasi yang dituju untuk menuntut ilmu atau mencari rezeki tanpa perlu ditemani oleh mahram mereka.

Sehubungan itu, ruang kelonggaran bagi musafir wanita dengan tujuan melakukan aktiviti *backpack* juga dilihat dan dinilai berasaskan dasar yang sama, iaitu dasar keamanan dan keselamatan agar para *backpackers* wanita ini boleh melakukan aktiviti ini tanpa melanggar syariat Islam. Maka, terdapat tiga dasar yang menjadi panduan utama untuk wanita Muslimah melakukan aktiviti *backpack* ini, iaitu dasar keamanan dan keselamatan



nyawa, maruah dan harta benda. Ketiga-tiga dasar keamanan dan keselamatan ini berkait rapat dengan pemilihan destinasi oleh golongan *backpackers*. Pemilihan destinasi konflik, berisiko tinggi dan terpencil oleh segelintir golongan *backpackers* wanita mendedahkan diri mereka kepada bahaya dan secara tidak langsung, tahap keselamatan dan keamanan mereka terjejas. Maka, pendedahan bahaya terhadap diri wanita yang disebabkan oleh pemilihan destinasi konflik dan terpencil ini menjadikan hukum pengembaraan *backpack* mereka kembali kepada hukum asal permusafiran bagi wanita tanpa mahram kerana tidak memenuhi dasar keselamatan dan keamanan nyawa, maruah dan harta benda mereka.

### **5.3 SARANAN KAJIAN**

#### **5.3.1 Wanita Muslimah Yang Terlibat Dalam Aktiviti *Backpack***

Para *backpackers* wanita muslimah secara solo, berpasangan mahupun berkumpulan perlu memahami dan meneliti semula tentang pensyariatan konsep mahram bagi wanita bermusafir sebelum melakukan aktiviti ini. Seterusnya, berusaha sehabis baik untuk memastikan tahap keamanan dan keselamatan diri, nyawa, maruah dan harta benda terjamin sepanjang mengembara agar pengembaraan yang dilakukan tidak melanggar syariat Islam.

#### **5.3.2 Pihak Berwajib**

Pihak berwajib dari Kementerian Pelancongan Malaysia perlu menguatkuasakan satu akta undang-undang khusus untuk golongan *backpackers* ini. Undang-undang ini berbentuk satu sistem pendaftaran bagi mereka yang ingin melakukan aktiviti *backpack*, terutamanya di luar negara bagi tujuan pengesanan jika berlakunya sesuatu yang tidak terjangka seperti

bencana alam. Maka, dengan menggunakan sistem pendaftaran ini, operasi bantuan keselamatan boleh dilakukan dengan pantas dan membantu untuk memudahkan sebarang tindakan lanjutan.

#### **5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

- 1- Kajian yang lebih khusus dan terperinci berkaitan penglibatan wanita Muslimah dalam aktiviti *backpack* di Malaysia yang melibatkan kajian kuantitatif untuk mendapatkan statistik terkini wanita Muslimah yang keluar melakukan aktiviti ini.
- 2- Kajian berkaitan tahap pemahaman wanita khususnya golongan *backpackers* tentang pensyariatan konsep mahram bagi musafir wanita.
- 3- Kajian berkaitan kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan Arab Saudi kepada wanita yang berumur 25 tahun ke atas untuk mendapatkan visa pelancong ke Arab Saudi tanpa ditemani oleh mahram mereka.

#### **5.5 KESIMPULAN**

Justeru, pensyariatan konsep mahram bagi wanita bermusafir masih relevan untuk diaplikasikan dalam konteks semasa. Kemajuan teknologi pengangkutan, komunikasi dan sistem keselamatan dunia masih memerlukan konsep mahram sebagai penjamin kepada tahap keselamatan dan keamanan musafir wanita secara total, terutamanya di destinasi-destinasi konflik dan terpencil. Pemahaman dan pengaplikasian konsep mahram terhadap golongan *backpackers* wanita perlu dipertingkatkan demi sebuah pengembaraan *backpack* yang patuh syariat Islam.

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

- A. Samad Said. *Warkah Eropah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Abū ‘Abdullah Muṣṭafā bin al-‘Adawī. *Kashf al-Mubḥam ‘an Ḥukm Safar al-Mar’ah bi Zawj aw Maḥram*. Arab Saudi : Dār Ibn Qayyīm, 1987.
- Abū Bakar bin Mas‘ūd bin Aḥmad al-Kasānī, *Bada’I al-Sanā’I fī Tartīb al-Syarā’I*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh, 1986.
- Abū Dāwūd Sulaymān al-Ash’ath al-Azādī al-Sijistānī. Sunan Abī Dāwūd. Beirut : Maktabah al-‘Asriyyah, t.t.
- Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī. *Iḥya’ ‘* , (Beirut : Dār al-Ma‘rifah,t.t
- Abū Ja‘afar Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī. *Jami‘ al-Bay f Ta’w al-Quran*. Mesir : Dār al-Ma‘rifah, t.t.
- Abdullah bin Abdul Kadir. *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti, 1981.
- ‘Abdullah bin Jārullah bin Ibrāhīm al-Jārullah. *Masulīyyat al-Mar’ah al-Muslimah*. Riyad, Arab Saudi : Dār al-Qāsim. 2000.
- ‘Abd al-‘Azīz bin Bāz. *Majmu’ Fatāwā Al-‘Allāmah ‘Abdul ‘Azīz bīn Bāz*. Riyadh : Dār al-Qāsim. t.t.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān. *wa W al-Mar’ah F al-Is* . Beirut : Muassasah al-Risālah, 2004.
- Aḥmad bin ‘Abd al-Razāq Al-Dawish. *F w al-Lajnah al- lil B al-‘Ilmiyyah wa al-If* . Arab Saudi : Muassasah al-Amīrah, 2002.
- Ahmad Munawir Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- Ahmad Sunawari Long. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 2015.
- ‘Alauddin ‘Ali bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Khāzin. *L al-Ta’w f Ma’ al-Tanz* . Mesir : Dār al-Kutub al-‘Arabiyyat al-Kubrā. t.t.
- ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī al-Jurjānī. *Al-Ta’ rifāt*. Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī. 1984.
- ‘Alī Jum‘ah Muḥammad. *al-Kalim al-Tayyib : F w ‘Asriyyah*. Mesir : Dār al-Salām. 2009.

- Azzah AR. *Nota Perempuan Backpacker*. Kuala Lumpur : Nuun Creative Books. 2017.
- Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari. *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2007.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mohammedia, Morocco : Fida' al-Fan wa al-Thaqafah, t.t
- Haji Dusuki Haji Ahmad. *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1976.
- Faḥd bin Yahya al-'Amari. *Al-Mukhtaṣar fī Ahkām al-Safar*. Saudi Arabia : Dār Ibn al-Jūzī. 2008.
- Fauwaz Fadzil Noor dan Sa'āduddīn Hilālī. *Fiqh Wanita : Manghalusi Kerahsiaan dan Permasalahan Wanita Semasa*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd., 2015.
- Hanafi Mohamed dan Zaimah Ab Rahman. *Nikmatkah Maksiat*. Shah Alam : Karangraf Sdn.Bhd. 2012.
- Hāshim bin Muḥammad Nāqūr. *Ahkām al-Siyāhah wa Āthāriha : Dirāsah Syar'iyah Muqāranah*. Arab Saudi : Dār Ibn Jawzī. 2003.
- Ibrāhīm Muṣṭafā et al.. *Al-Mu'jam Al-Wasṭ*. Cetakan kedua. Istanbul : Dār al-Da'wah, 1989.
- 'Izz al-Dīn bin 'Abd al-Salām. *Tafsīr al-'Izz bin 'Abd al-Salām : Tafsīr al-Quran*. Beirut : Dār Ibn Ḥazm. 1996.
- Kevin Hannam dan Irena Ateljevic. *Backpacker Tourism : Concepts and Profiles (Tourism and Cultural Change Book 13)*. United Kingdom : Channel View Publications, 2007.
- Jamīl Muḥammad bin Mubārak. *Nazriyyat al-Darurat al-Syar'iyat : Hudū wa Dawābitihā*. Mansurah, Mesir : Dār al-Wafa', 1988.
- Mālik bin Anas. *Al-Muwatta'*. Beirut : Muassasah al-Risālah, 1998.
- Ibn Manẓur. Muḥammad bin Mukarram bin Aḥmad bin Manẓur. *Lisān al-'Arabī*. Beirut : Dār al-Ṣādir, 1990.
- Muḥammad Anwār al-Kashmirī. *Fayd al-Bāri ilā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. India : al-Majlis al-'Ilmī. 2005.
- Muhammad Ibrahim Munsyi, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- Muḥammad al-Munshīd. *F wa al-Mar'ah*. Riyadh, Arab Saudi : International Islamic Publishing House, 2008.

- Muhammad bin Ahmad bin Abī Mūsā al-Hasyīmī, *Al-Irsyād fi Sabīl al-Rasyād*. Muasasah al-Risālah, 1998.
- Muhammad Šālih bin al-‘Uthaimīn. *F w Ark al-Isl*. Arab Saudi : Dār al-Thurayya, 2005.
- \_\_\_\_\_. *Tafs al-Quran lil ‘*. Arab Saudi : Dār Ibn al-Jawzī. 2005.
- Muslim. Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim. *aḥ ḥ Muslim*. Beirut : Dār al-Thurath al-‘Arabī, t.t.
- Mustafā al-Zarqā et. al., *F w Mustaf al-Zar*. Damsyiq : Dār al-Qalam. 2004.
- Nawal al-Sa‘dawi dan Hibah Rauf Izzat. *Al-Mar’ah wa al- wa al-A*. Syria : Dar al-Fikr. 2000.
- Nūr al-Dīn ‘Itr. *Al-Hajj wa al-‘Umrah f al-Fiqh al-Isl*. Madinah : Maktabah al-‘Arabiyyah, 1969.
- Philip L. Pearce. “Relationships and the Tourism Experience : Challenges for Quality-of-Life Assessments.” dalam M. Uysal et al. (eds.). *Handbook of Tourism and Quality-of-Life Research: Enhancing the Lives of Tourists and Residents of Host Communities*. International Handbooks of Quality-of-Life. 2012.
- Sa‘ad al-Dīn Mansūr Muhammad. *Al-Mar’ah al-Muslimah wa al-Mustaj al-Mu‘asirah : Ru’yah min N izah al-Sunnah*. Gombak, Kuala Lumpur : IIUM Press, 2015.
- Saeīd bin ‘Alī bin Wahāb al-Qaḥṭānī. *Al-Safar wa Ahkāmihī fī daw-I Al-Kitāb wa Al-Sunnah*. Arab Saudi : Wizārat al-Shuūn al-Islāmiyyah wa al-Auqāf wa al-Da‘wah wa al-Irshad. 2001.
- Sayyid Sabīq, *Fiqh al-Sunnah*. Beirut, Lubnan : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1973.
- Al-Shāfi‘ī, Muhammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī. *Al-Umm*. Mansurah, Mesir : Dār al-Wafa’, 2001.
- Siti Noridah Ab. Rahaman. *Travelog ET: Kembara Afghanistan*. Selangor : SNAR. 2015.
- \_\_\_\_\_. *Travelog ET : Namastee India*. Selangor : SNAR, 2016.
- Stephen Williams. *Tourism : Critical Concepts in the Social Sciences (The Nature and Structure of Tourism)*. London : Routledge Taylor and Francis Group, 2004.
- Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Aḥmad ibn Taymiyyah. *Al-F w al-Kubr*. Beirut : Dār al-Ma‘rīfah, 1965.
- \_\_\_\_\_. *Fiqh al-Hajj*. Beirut : Dār al-Fikr al-‘Arabī. 1997.

Al-Tirmidhī. Muḥammad bin ‘Isā al-Tirmidhī al-Salāmī. “Sunan al-Tirmidhi.” Dalam Mawsūat al-Hadith al-Sharīf : al-Kutub al-Sittah, ed. Şālih bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh : Dār al-Salām, 2008.

Ibn Qudāmah al-Maqdīsī Muwaffaq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allah bin Aḥmad bin Muḥammad. *Al-M* . Mesir : Maktabah al-Qahirah, 1970.

Qays bīn Muḥammad ‘Alī Shaykh Mubārak. *Min Fatāwā al-‘Asri fī Nawāzilihi wa Mustajiddatihi*. Jordan: Arwaqiyah, 2013.

Yūsuf al-Qaraḍāwī. *Fatāwa Mu’āsīrah*. Kuwayt : Dar al-Qalam, 2000.

\_\_\_\_\_. *Kayfa Nata’ Ma’a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Mesir : Dār al-Shuruq, 2008.

\_\_\_\_\_. *Al-Fann wa al-Islam*. Mesir : Maktabah Wahbah. 1996.

Universiti Malaysia

## ARTIKEL JURNAL

- A. Oliveira-Brochado dan C. Gameiro. "Toward a Better Understanding of Backpackers' Motivations." *TEKHNE-Review of Applied Management Studies* 11. 2013.
- Anders Sørensen. "Backpacker Ethnography." *Annals of Tourism Research* 30. No. 4. 2003.
- Angela M. Durko dan Matthew J. Stone. "Even Lovers Need a Holiday : Women's Reflections of Travel Without Their Partner." *Tourism Management Perspectives* 21. 2017.
- Arie Reichel, Galia Fuchs, dan Natan Uriely. "Perceived Risk and the Non-Institutionalized Tourist Role: The Case of Israeli Student Ex-Backpackers." *Journal of Travel Research*. Vol. 46. 2007.
- Badaruddin Mohamed et al. "Kajian Pembangunan Pelancongan Belia Di Malaysia Potensi Dan Halangan." *Tourism Research*. 2006.
- Bente Heimtun dan Fiona Jordan. "Wish You Weren't Here! : Interpersonal Conflicts and The Touristic Experiences of Norwegian and British Women Travelling with Friends." *Article of Tourist Studies* 11(3). 2011.
- Camille Caprioglio O'Reilly. "From Drifter to Gap Year Tourist : Mainstreaming Backpacker Travel." *Annals of Tourism Research* 33 (4). 2006.
- Chayasin Mansangan et al. "Health Problems and Health Care Seeking Behavior Among Adult Backpackers while Traveling in Thailand." *Tropical Diseases, Travel Medicine and Vaccines* 2 (9). 2016.
- Christian Laesser, Pietro Beritelli dan Thomas Bieger. "Solo Travel : Explorative Insights from a Mature Market (Switzerland)." *Journal of Vacation Marketing*, Vol.15, No.3. 2008.
- Chu-Yin Chiang dan Giri Jogaratnam. "Why Do Women Travel Solo for Purposes of Leisure?." *Journal of Vacation Marketing* 12. No. 1. 2005.
- David R. Boulware. "Gender Differences among Long-Distance Backpack : A Prospective Study of Women Appalachian Trail Backpack." *Wilderness and Environmental Medicine Journal*. Vol.15. 2004.
- Disa Dahlman dan Martin Stafstrom. "Female Swedish Backpack in Vietnam : A Hypothesis Generating Study on Sexual Health Risks While Travelling." *Travel Medicine and Infectious Disease* 11. 2013.
- Dyana Parvanora. "Islamic Feminist Activism in Indonesia : Muslim Women's Paths to Empowerment." *Austrian Studies in Anthropology Sondernummer* 1. 2012.
- Emily Falconer. "Transformations of the Backpacking Food Tourist : Emotions and Conflicts." *Tourist Studies* 13(1). 2013.

- Erica Wilson dan Donna E. Little. "A Relative Escape? The Impact of Constraints on Women Who Travel Solo." *School of Tourism and Hospitality Management*. 2005.
- Erik Cohen. "Toward a Sociology of International Tourism." *Social Research*. Vol 39. No 1. 1972.
- \_\_\_\_\_. "Nomads from Affluence : Notes the Phenomenon of Drifter-Tourism." *International Journal of Comparative Sociology*. Vol 1-2. 1973.
- \_\_\_\_\_. "The Changing Faces of Contemporary Tourism." *Touring the World Symposium*. 2008.
- Gerald S.Ferman dan Jade Levin. *Social Sciences Research*. Amerika Syarikat : John Wisley and Sons, 1975.
- Huong T Bui, Hugh Wilkins, dan Young-Sook Lee. "Liminal Experience of East Asian Backpackers." *Tourist Studies 14*. No. 2. 2014.
- Irmgard Bauer. "Relationship between Female Tourists and Male Locals in Cuzo/Peru : Implications for Travel Health Education." *Travel Medicine and Infectious Disease 7*. 2009.
- Issahaku Adam dan Charles Atanya Adongo. " Do Backpack Suffer Crime? An Empirical Investigation of Crime Perpetrated Against Backpack in Ghana." *Journal of Hospitality and Tourism Management 27*. 2016.
- Jamie N. McNeil, Deborah A. Harris dan Kristi M. Fondren. "Women and the Wild : Gender Socialization in Wilderness Recreation Advertising." *Gender Issues 29*. 2012.
- Jane Lu Hsu, Terry Chun-Ting Wang dan Phoebe Yu-Hsin Huang. "Motivations for First-Time and Repeat Backpackers in Shanghai." *Tourism Management Perspectives*. Vol 12. 2014.
- Kenneth F. Hyde dan Rob Lawson. "The Nature of Independent Travel." *Journal of Travel Research*. Vol. 42. 2003.
- Kristin Lozanski. "Violence in Independent Travel to India : Unpacking Patriarchy and Neo-Colonialism." *Tourist Studies 7(3)*. 2007.
- Lara Week. "I am Not a Tourist : Aims and Implications of Travelling." *Tourist Studies 12(2)*. 2012.
- Liv Tonnessen. "Women's Activism in Saudi Arabia : Male Guardianship and Sexual Violence." *CMI Report*. 2016.
- Liza Berdychevsky dan Heather J. Gibson. "Sex and Risk in Young Women's Tourist Experiences: Context, Likelihood, and Consequences." *Tourism Management 51*. 2015.



- Liza Berdychevsky, Heather J. Gibson dan Heather L. Bell. "Girlfriend Getaway as a Contested Term : Discourse Analysis." *Tourism Management* 55. 2016.
- Logeswaran Tangavello et. al,. "Isu Keselamatan dalam Industri Pelancongan : Satu Tinjauan Konsep." *Malaysian Journal of Society and Space* 11 (12). 2015.
- Loker-Murphy. "Backpack in Australia: A Motivation-Based Segment Study." *Journal of Travel and Tourism Marketing* 54 (4). 1996.
- Loker-Murphy dan Philip L.Pearce. "Young Budget Travelers: Backpack in Australia." *Annals of Tourism Research* 22. 1995.
- Lorraine Brown dan Hanaa Osman. "The Female Tourist Experience in Egypt as An Islamic Destination." *Annals of Tourism Research* 63. 2017.
- Maarten Kroesen. "Do Partners Influence Each Other's Travel Patterns? A New Approach to Study the Role of Social Norms." *Transportation Research Part A* 78. 2015.
- Mark Jayne et al.. "Drunken Mobilities : Backpackers, Alcohol, 'Doing Place'". *Tourist Studies* 12(3). 2012.
- Mats Sundbeck et. al, "Sexual Risk-Taking during Travel Abroad-A Cross-Sectional Survey among Youth in Sweden." *Travel Medicine and Infectious Disease* 14. 2016.
- Mohammad Reza Jalilvand. "Perceived Risks in Travelling to the Islamic Republic of Iran." *Journal of Islamic Marketing* 3(2). 2012.
- Nabilah Abdullah dan Wan Zulkifli Wan Hassan. "Nafkah Isteri Bekerja : Satu Tinjauan di Daerah Pasir Mas, Kelantan." *Jurnal Fiqh*. No 7. 2010.
- Natalie Hindle, Andrew Martin, dan Robert Nash. "Tourism Development and the Backpacker Market in Highland Scotland." *Tourism and Hospitality Research* 15. No. 3. 2015.
- Natan Uriely, Yuval Yonay dan Dalit Simchai. "Backpacking Experiences: A Type and Form Analysis." *Annals of Tourism Research* 29 (2). 2002.
- Neil Walsh dan Hazel Tucker. "Tourism 'Things' : The Travelling Performance of the Backpack." *Tourist Studies* 9(3). 2010.
- New Gaik Ling dan Jabil Mapjabil."Faktor yang Mempengaruhi Kunjungan Ulangan Pelancong Antarabangsa : Suatu Ulasan." *Malaysia Journal of Society*. Vol.8. No.1. 2012.
- Norani Othman. "Muslim Women and the Challenge of Islamic Fundamentalism or Extremism : An Overview of Southeast Asian Women's Struggle for Human Rights and Gender Equality." *Women's Studies International Forum* 29. 2006.

- Norzalita A. Aziz et. al. "Kajian Awalan ke atas Potensi Pelancongan Kembaraan." *Jurnal Pengurusan* 29. 2009.
- Pamela J. Riley. "Road Culture of International Long-Term Budget Travellers." *Annals of Tourism Research* 15. 1988.
- Peggy Teo dan Sandra Leong. "A Postcolonial Analysis of Backpacking." *Annals of Tourism Research* 33. No. 1. 2006.
- Sander Kramer. "The Safety of Asylum-Seeking Women." *International Journal of Migration, Health and Social Care* 4(4). 2009.
- Sara Tilley dan Donald Houston. "The Gender Turnaround : Young Women Now Travelling More Than Young Men." *Journal of Transport Geography* 54. 2016.
- Severine Ansart et al. "Sexually Transmitted Diseases Diagnosed among Travelers Returning from the Tropics." *International Society of Travel Medicine* 16(2). 2009.
- Scott A. Cohen. "Chasing a Myth? Searching for 'Self' Through Lifestyle Travel." *Tourist Studies* 10(2). 2010.
- Scott Cohen. "Re-Conceptualising Lifestyle Travellers: Contemporary 'Drifters,'" in K. Hannam dan A. Diekmann (eds), *Beyond Backpacker Tourism: Mobilities and Experiences*, (Clevedon : Channel View Publications, 2010), 64–84. Teas Vogt. "Wandering: Youth and Travel Behaviour", *Annals of Tourism Research* 4. 1976.
- Sheng-Hsiung Tsaur, Chang-Hua Yen dan Chia-Li Chen. "Independent Tourist : Knowledge and Skills." *Annals Of Tourism Research*. Vol. 37. No.4. 2010.
- Stephen Toovey. "Travelling to Africa : Health Risks Reviewed." *Travel Medicine Infectious Disease* 4. 2006.
- Svein Larsen, Torvald Ogaard dan Wibecke Brun. "Backpackers and Mainstreamers : Realities and Myths." *Annals of Tourism Research*. Vol.38. No.2. 2011.
- Teas Vogt. "Wandering: Youth and Travel Behaviour." *Annals of Tourism Research* 4. 1976.
- Torun Elsrud. "Risk Creation in Travelling : Backpacker Adventure Narration." *Annals of Tourism Research* 28(3). 2001.
- Timothy B. Gardner dan David R. Hill. "Illness and Injury Among Long-Distance Hikers on The Long Trail, Vermont." *Wilderness and Environmental Medicine* 13. 2002.
- Yvette Reisinger dan Felixmavondo. "Travel Anxiety and Intentions to Travel Internationally : Implications of Travel Risk Perception." *Journal of Travel Research*. Vol. 43. 2005.

## TESIS

- Anzaruddin Bin Ahmad. "Pentafsiran Makna Hadis dalam Buku Haji dan Umrah : Analisis Pragmatik dan Tematik" Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.
- Ghālīāh Makhnaṣ. "Ḥuqūq al-Marāh fī daw-i Maqāsid al-Syariāh" Thesis Sarjana, Universiti Batna, Algeria, 2015.
- Ḥudayl Uthmān Maḥmūd. "Aḥkām al-Hajj al-Nisā' fī al-Fiqh al-Islāmī." Tesis Sarjana, Universiti al-Najah al-Waṭaniah, Nablus, Palestin, 2016.
- Linda Mary Myers. "Women's Independent Travel Experiences in New Zealand." (Tesis Doktor Falsafah, University of Sunderland, England, 2010).
- Lisda Mohd Amin @ Lisda Bte Abdullah. "Travelog Melayu : Suatu Pengembaraan Intelektual dan Spiritual." Tesis Sarjana Pengajian Melayu. National University of Singapore. 2014.
- Mahyudin Daud. "Pandalilan Berasaskan Ayat al-Ahkam dalam Penghujahan Hukum Islam Semasa : Kajian Perbandingan antara Fatwa Malaysia dan Brunei Darussalam". Tesis kedoktoran Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017.
- Siti Fatimah Salleh. "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial dalam Fiqh Semasa : Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita." Tesis Doktor Falsafah Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2015.
- Zuraidah Senik. "Method of Problem Solving From Islamic Thought Perspective : A Case Study of Sisters in Islam." Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015

## LAMAN SESAWANG

- Aniko Villalba, "7 Uncomfortable Truths About Travelling Solo As A Women", laman sesawang Matador Network, dicapai pada 30 Jun 2017, <https://matadornetwork.com/bnt/7-uncomfortable-truths-about-traveling-solo-as-a-woman/>
- Berita Bernama, "9 Dari 10 Rakyat Malaysia Melancong Ke Luar Negara", laman sesawang Malaysia Kini, dicapai pada 30 Jun 2017, <http://www.malaysiakini.com/news/323469>
- Jennifer Alpeche, "History of Backpacking", laman sesawang Love to Know, dicapai 4 Oktober 2016, [http://camping.lovetoknow.com/History\\_of\\_Backpacking/](http://camping.lovetoknow.com/History_of_Backpacking/)
- Katie Tobias, "The History of Backpacking." laman sesawang Nomads World, dicapai pada 3 Oktober 2016, <http://nomadsworld.com/articles/global/the-history-of-backpacking/>

- Kristin Addis, “10 Common Questions About Solo Female Travel.” laman sesawang *Nomadic Matt*. dicapai 26 Mei 2017, <https://www.nomadicmatt.com/travel-blogs/solo-female-travel-questions/>.
- Laura Begley Bloom, “10 Most Dangerous Places For Women Travelers (And How To Stay Safe)”, laman sesawang Forbes, dicapai pada 9 Oktober 2017, <https://www.forbes.com/sites/laurabegleybloom/2017/07/28/10-most-dangerous-places-for-women-travelers-and-how-to-stay-safe/>
- Mariam Nabbout, “These 2 Arab Countries Are The Most Dangerous For Women Travelers”, laman sesawang Step Feed, dicapai pada 9 Oktober 2017, <https://stepfeed.com/these-2-arab-countries-are-among-the-most-dangerous-for-women-travelers-2270>
- Sakeena Suliman, “Travelling Without Mahram : Why Muslim Women Do It?”, laman sesawang Jamiatul Ulama, dicapai 23 Februari 2017, <https://jamiat.org.za/travelling-without-a-mahram-why-do-muslim-women-do-it/>.
- TripAdvisor Survey On Solo Travel For Women. Laman sesawang The Star, dicapai 4 Oktober 2016. <http://www.thestar.com.my/travel/malaysia/2015/03/10/tripadvisor-survey-on-solo-travel-for-women/>